

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Jilid IV                      Bil. 44                      Hari Khamis                      22 Oktober 1998**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN                      (Ruangan )**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT                      (Ruangan )**

**USUL-USUL:**

- Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2) 1998

Jawatankuasa:

Maksud P.7	(Ruangan )
Maksud P.16	(Ruangan )
Maksud P.25	(Ruangan )
Maksud P.26	(Ruangan )
Maksud P.28	(Ruangan )
Maksud P.47	(Ruangan )
Maksud P.48	(Ruangan )
Maksud P.50	(Ruangan )
Maksud P.52	(Ruangan )

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan)

- Ordinan No.22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat, 1970 - Pembatalan                      (Ruangan)

### **AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)

- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)

“ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N.,  
P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,  
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman  
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah  
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
: Hajah Supiah binti Dewak  
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
  
: Mohamed bin Osman  
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
: Shamsina binti Janor  
  
: Nora'ini binti Hetam  
: Ramlah binti Mohd. Yusuff  
: Miskiah binti Hassan
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 22 Oktober 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**KERETA PROTON DIJUAL DI RUSSIA – PERANCANGAN**

1. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) apakah perancangan menyeluruh supaya kereta nasional Proton dapat dijual di seluruh Persekutuan Russia, dan apakah struktur perniagaan perancangan pasarannya; dan
- (b) adakah kementerian mempunyai perancangan agar semua pegawai Kedutaan Malaysia di seberang laut menggunakan kereta-kereta nasional. Jikalau tidak, kenapa dan jikalau ya, bila.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]:** Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Julai 1997, Proton telah melantik Syarikat Ventus Ltd. sebagai pengedarnya di Russia dengan menandatangani Perjanjian Pengedaran kereta-kereta Proton. Pihak Ventus Ltd. diberi hak untuk melantik pengedar-pengedar di Russia, terutamanya di Bandar Raya Moscow dan St. Petersburg, yang mana 80% daripada penjualan kereta seluruh Russia adalah dari bandar raya-bandar raya tersebut. Sehingga kini, Ventus Ltd. telah melantik empat pengedarnya di Bandar

Raya Moscow dan akan meluaskan pengedarannya jika penjualan kereta Proton terus berkembang maju.

Pada bulan November 1997 Proton telah menghantar lebih 16 unit kereta ke pasaran Russia. Pada tahun ini, sehingga bulan Ogos 1998, 270 unit kereta telah pun dihantar ke pasaran tersebut. Untuk tahun 1998/1999, Proton bercadang untuk menjual 1,000 unit kereta ke sana. Bagi tahun 1999/2000 pula 2,200 unit dan bagi tahun 2001/2002 pula 4,300 unit. Proton telah mempamerkan kereta-keretanya di Moscow Motor Show pada bulan Ogos 1998.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa menggalakkan pegawai-pegawai Kedutaan Malaysia seberang laut menggunakan kereta nasional. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak mempunyai perancangan agar semua pegawai Kedutaan Malaysia di seberang laut menggunakan kereta nasional atas alasan-alasan berikut:-

- (i) kereta nasional masih belum mempunyai ejen di kebanyakan negara di mana Perwakilan Malaysia ditempatkan;
- (ii) kesukaran mendapat alat ganti serta perkhidmatan selepas jualan; dan
- (iii) pembelian kereta peribadi oleh pegawai-pegawai di perwakilan Malaysia seberang laut adalah pilihan sendiri pegawai-pegawai berkenaan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, di Russia masalahnya orang membeli kereta. Ada orang kaya terlebih kaya sangat, jadi, mungkin tidak hendak beli kereta Proton. Ada yang pertengahan orang yang tidak berkemampuan hendak beli kereta jenis Proton. Jadi, adakah penyelidikan yang tertentu telah dibuat supaya Proton ini boleh dijual ataupun ditargetkan kepada satu group yang tertentu di negara Russia, dan apakah support services yang telah dikenal pasti, umpamanya pembaikpulihan (spare part) dan sebagainya telah disediakan. Oleh kerana kereta ini baru dan belum pernah dilihat dan

kemungkinan ada alasan di sana yang kereta ini akan dijual tetapi tidak mempunyai spare part yang tertentu.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya sebelum Proton memasuki sesebuah pasaran, Proton telah pun membuat market survey berkenaan dengan keupayaan kemungkinan kereta Proton dapat dijual dengan laris. Saya yakin dan percaya bahawa market survey telah pun dibuat di negara Russia.

Dari segi sama ada Proton kereta mahal ataupun kereta murah, harga mahal ataupun harga murah, ianya tertakluk kepada apa yang dinamakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, product possessioning. Jadi, kalau kita menjual sesuatu barang kita harus meletakkan harga dan kemampuan pembeli sebagai satu kriteria yang penting. Jadi, saya yakin dan percaya bahawa Proton telah pun mengkaji segala-gala aspek pengurusan dan juga pemasaran ini terlebih dahulu sebelum memasuki pasaran Russia.

Dari segi alat ganti, begitu juga di pasaran-pasaran lain, saya yakin juga bahawa Proton melalui sepertimana saya katakan tadi Ventus Ltd. dan juga empat syarikat pengedarnya telah pun mempunyai syarikat-syarikat ataupun bengkel-bengkel tertentu dan juga spare part tertentu untuk dijual kepada pembeli-pembeli Proton sekiranya berlaku kerosakan-kerosakan dan sebagainya.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan negara-negara besar, major countries, dengan izin, yang masih belum diterokai oleh kereta nasional Proton dan apakah usaha yang dilakukan untuk membuka pasaran tersebut, dan apakah yang terjadi kepada kereta-kereta terpakai Proton di luar negeri, berapa yang diimport ke Malaysia untuk dibaikpulih dan dijual semula dan bagaimana sambutannya?

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, pasaran kereta yang terbesar sekali dalam dunia ialah pasaran di Amerika Syarikat dan juga negara Jepun. Setakat ini Proton masih belum lagi menerokai pasaran Amerika Syarikat dan juga negara Jepun. Saya tidak tahu mengapa Proton masih lagi belum memasuki pasaran Amerika Syarikat mahupun Jepun. Apa yang saya boleh fikirkan ialah boleh jadi ianya satu pasaran ataupun kedua-dua pasaran itu

satu pasaran yang amat kompetitif dan kita terpaksa memastikan Proton mempunyai sistem pengedaran yang cukup baik khususnya di negara Jepun.

Dari segi negara-negara lain, negara Britain merupakan salah sebuah negara yang paling banyak sekali mengimport kereta-kereta Proton. Selain dari itu, saya rasa dari segi pasaran kereta second hand itu, ini terpulang kepada pasaran masing-masing. Saya tidak mempunyai angka berapa banyak kereta Proton yang telah pun terpakai yang diimport kembali ke dalam negara Malaysia. Saya rasa ada tetapi saya tidak mempunyai angka, tetapi sekiranya telah pun terpakai, terpulang kepada ejen masing-masing sama ada menjual balik ataupun masih digunakan di dalam negara-negara tersebut.

*[Soalan No. 2 – Y.B. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] tidak hadir]*

**PROJEK JALAN RAYA BELURAN -  
REKA BENTUK DAN PENURAPAN**

**3. Tuan Asmat Nungka [Beluran]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah jalan raya Beluran akan diturap kerana difahamkan bahawa urusan reka bentuk jalan berkenaan telah siap dilakukan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja ukur, reka bentuk terperinci bagi projek Jalan Raya Beluran telah pun siap. Penyediaan dokumen tender sedang dibuat dan akan siap pada bulan ini, kerja pembinaan tidak dapat diteruskan buat masa ini kerana peruntukan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adalah untuk kerja reka bentuk sahaja. Pihak kementerian telah membuat permohonan peruntukan untuk kerja pembinaan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun sehingga kini, permohonan tersebut masih belum diluluskan.

**4. Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada Sukom '98 mendatangkan kesan positif terhadap imej negara dan apakah sebenarnya pandangan pelancong terhadap Malaysia meskipun terdapatnya berita-berita negatif tentang Malaysia seperti jerebu dan kekurangan air sebelum itu. Apakah perancangan seterusnya agar pelancong akan terus tertarik untuk melancong di Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, kejayaan negara menjayakan Sukan Komanwel 98 baru-baru ini sememangnya telah menaikkan imej negara di mata dunia. Pelancong yang datang telah dapat melihat dan menilai sendiri bahawa berita-berita negatif mengenai negara seperti jerebu dan kekurangan air adalah tidak benar sama sekali. Bagi menarik pelancong agar terus berminat untuk terus melancong di negara ini, kerajaan akan melaksana dan meningkatkan program yang telah diatur, antaranya ialah:

- (i) program promosi dalam dan luar negara;
- (ii) memperkembangkan produk pelancongan supaya sentiasa menarik;
- (iii) mempermudah prosedur kemasukan pelancong ke negara ini;
- (iv) mengenal pasti dan memajukan produk pelancongan yang boleh menjadi tarikan utama pelancong;
- (v) mengenal pasti pasaran-pasaran pelancongan baru yang mempunyai potensi untuk dimajukan;
- (vi) menjalankan kempen 'Think Tourism'; dan
- (vii) menanamkan sikap serta kesediaan masyarakat tempatan untuk menerima pelancong.

**Datuk Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, kadar pakej pelancongan tempatan memang lebih tinggi kalau dibandingkan dengan pakej pelancongan ke luar negeri. Jadi, dalam perkara ini ingin saya meminta Yang Berhormat

Sertiusaha Parlimen menyatakan apakah sebabnya dan juga apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian Yang Berhormat?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar bahawa industri pelancongan memang kompetitif, lantaran itu kementerian sentiasa menasihatkan agensi-agensi pelancongan dan mereka yang terlibat dalam perniagaan pelancongan supaya mengenakan harga yang kompetitif.

Walau bagaimanapun, kementerian tidak menentukan sesuatu harga yang patut dikenakan kepada mana-mana pakej, terpujanglah kepada pengusaha untuk memikirkan kerana mereka perlu sedar bahawa kalau mereka tidak kompetitif, perniagaan mereka akan merosot.

Kita harap dengan nasihat-nasihat ini dan mereka sedar berkenaan dengan pasaran semasa, mereka akan mengenakan harga yang sesuai. Namun kita memohon juga rakyat Malaysia untuk membezakan pakej-pakej yang terdapat di dalam negara ini dengan pakej-pakej yang terdapat di luar negara terutama sekali di negara-negara jiran. Kita mestilah membandingkan perkara yang sama, jangan kita bandingkan harga sahaja tanpa mengira benda, nikmat dan produk yang diberikan. Kita mesti bezakan orange dengan orange jangan kita bezakan orange dengan apple. Terima kasih.

**Tuan Yeong Chee Wah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin tahu berapakah penilaian televisyen komersial yang negara kita mendapati sepanjang Sukan Komanwel '98 diadakan di dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ramai pelancong yang datang ke negara kita dalam tempoh Sukom '98, tetapi selepas Sukom '98 dan pada masa kini nampaknya kurang sedikit pelancong datang ke negara kita, saya ingin tahu mengapa kejadian tersebut, mungkinkah disebabkan oleh demonstrasi di beberapa tempat yang telah menakutkan pelancong datang. Apakah kementerian lakukan

untuk mengatasi masalah itu seterusnya menarik ramai pelancong datang ke negara kita.

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, semasa Sukan Komanwel berlangsung, sejumlah 1,870 orang wartawan media cetak dan jurufoto telah membuat liputan ke atas Sukan Komanwel ke-XVI di Kuala Lumpur. Daripada jumlah ini 910 adalah terdiri daripada media antarabangsa. Bagi media elektronik, seramai 2,369 crew television dari 16 buah negara termasuk Malaysia telah membuat liputan Sukan Komanwel.

Sebagai contoh publisiti yang telah dihasilkan melalui siaran TV adalah seperti berikut:

- (i) CBC dari Kanada telah menyiarkan sejumlah 37 jam masa siaran liputan Kuala Lumpur '98;
- (ii) CBC juga telah menyiarkan 26 rancangan, di antaranya di antara tiga ke lima minit mengenai pelbagai topik;
- (iii) Nilai komersial bagi semua 26 rancangan ini adalah dijangkakan sebanyak RM1,000,750;
- (iv) bagi rangkaian 9 TV Australia, nilai komersial untuk siaran liputan KL '98 di sekitar New South Wales sahaja dianggarkan A\$500 juta.

Fakta di atas tidak termasuk liputan oleh stesen-stesen TV negara lain yang turut berada di Kuala Lumpur bagi Sukan Komanwel.

Mengapa selepas Komanwel didapati pelancong kurang, ini adalah kerana produk yang begitu baik yang ada pada kita masa itu sudah habis, sebab itu mereka balik. Ditambah pula dengan liputan-liputan negatif yang dibuat oleh media-media luar negeri terhadap Malaysia. Kita berusaha akan mengatasi masalah-masalah ini dengan menjalankan kegiatan publisiti kita sendiri, melalui pelbagai media dan

kita juga akan menggunakan Internet untuk membuat promosi di Malaysia ini bagi memberitahu keadaan yang sebenar.

Menyebut tentang riot dan sebagainya, kalau dapat liputan yang adil, mereka tahu bahawa rusuhan itu hanya dalam beberapa jam sahaja, selepas itu selesai. Tetapi apa yang kami dapat daripada maklum balas luar negeri, seolah-olah negara kita ini sentiasa dalam rusuhan, sebab itulah ada di antara mereka yang takut hendak datang. Inilah satu perang yang kementerian akan laksanakan habis-habisan untuk masa depan industri pelancongan negara kita.

*[Soalan No. 5 – Y.B. Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim (Sabah Bernam) tidak hadir]*

*[Soalan No. 6 – Y.B. Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang (Kuala Pilah) tidak hadir]*

*[Soalan No. 7 – Y.B. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran) tidak hadir]*

#### **JUMLAH JUALAN TIKET SUKAN KOMANWEL**

8. **Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]:** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) berkenaan jumlah jualan tiket sempena temasya Sukan Komanwel serta keuntungan yang telah diperolehi setakat ini; dan
- (b) sejauh manakah usaha kerajaan untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik 2008 dan bagaimanakah kedudukan Kompleks Penginapan Sukan Komanwel selepas ini.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:**

- (a) Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan SUKOM '98 Berhad anggaran jumlah tiket yang telah dijual semasa Sukan Komanwel bernilai RM38 juta. Walau bagaimanapun angka ini masih belum mendapat pengesahan Audit, memandangkan masih banyak perkara

yang perlu diselesaikan dan dikemaskinikan maka jumlah keuntungan yang diperolehi masih belum dapat dinyatakan.

- (b) Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya serius untuk mendapatkan hak penganjuran Sukan Olimpik 2008. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menawarkan diri iaitu 'bidding' temasya sukan berkenaan. Usaha ini perlu dirancang dan distrategikan dengan baik agar proses penawaran dibuat secara yang paling berkesan dan kertas strategi ini sedang disiapkan untuk diangkat kepada kerajaan sebelum apa-apa tindakan selanjutnya diambil untuk penawaran tersebut. Satu lawatan ke Ibu Pejabat IOC di Switzerland akan dibuat pada bulan November tahun ini bagi meneliti prosedur dan penawaran bagi mendapatkan nasihat dari Lembaga IOC mengenai pendekatan terbaik bagi Malaysia menawarkan diri untuk Olimpik tahun 2008. Kompleks Penginapan Sukan Komanwel, ianya merupakan satu projek kondominium yang dimajukan oleh Syarikat United Engineer Malaysia Berhad dan kompleks ini dipinjam kepada SUKOM '98 Berhad untuk dijadikan perkampungan sukan. Kondominium ini telah pun dijual lebih awal lagi kepada orang perseorangan dan akan diserahkan kepada mereka masing-masing dalam bulan November tahun ini.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu, adakah aduan yang telah dibuat bahawa tiket-tiket palsu telah banyak dijual semasa Sukan Komanwel dan jika betul, berapakah anggaran kerugian akibat perkara ini dan Sukan Olimpik yang dijangka pada tahun 2008, adakah infrastruktur-infrastruktur yang sedia ada cukup atau apa-apa

yang tidak cukup dan berapakah belanja yang mungkin untuk memberi satu standard yang sama yang diperlukan oleh Sukan Olimpik .

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama itu tidak terang, tolong ulangi.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tiket-tiket palsu, bila saya ada di sana, saya sendiri telah diberitahu banyak tiket palsu yang dijual. Adakah ini benar? Dan berapakah kerugian akibat penjualan tiket palsu ini?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini merupakan satu perkara yang 'hearsay', tidak ada bukti sampai masa ini. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna bahawa kita tidak memandangkan dengan serius, jadi saya katakan tadi banyak perkara belum diselesaikan, jadi kita kena bincang lagi apa yang diadu itu adakah benar atau tidak, kalau benar kita akan ambil tindakanlah. Jadi ada perkara-perkara yang belum diselesaikan, tadi saya sudah jawab.

Soalan kedua untuk menawarkan atau mengadakan temasya Sukan Olimpik pada tahun 2008 sampai hari ini belum pasti bahawa kita akan berjaya dalam 'bidding' kita kerana kita nampak bahawa negara-negara lain telah register themselves dengan izin untuk mengadakan temasya Sukan Olimpik tahun 2008. Satu daripadanya ialah negara China, walau bagaimanapun seperti mana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan register ourselves, dengan izin, dan kita tahu bahawa temasya Sukan Olimpik ini adalah temasya sukan yang terbesar sekali di dunia, jadi perbelajaan akan merupakan terbesar sekali beberapa ratus juta ringgit.

Walaupun bagaimanapun kita telah berjaya mengadakan temasya Sukan Komanwel, dari segi infrastruktur kita tidak ada masalah langsung, apa yang kita ada sekarang ini cukup, cuma kita bimbang kalau berjaya dalam 'bidding' kita bagi mengadakan temasya Sukan Olimpik ini dalam tahun yang jauh daripada

sekarang ini, kemungkinan upgrading of the infrastructure kita kena buatlah, itu sahaja. Jadi tidak ada apa-apa masalah. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kita telah menubuhkan jawatankuasa untuk mendapatkan hak penganjuran Sukan Olimpik bermakna kita serius untuk mendapatkan hak tersebut. Saya ingin bertanya apakah rasional kita hendak mengadakan Sukan Olimpik di negara Malaysia dengan seperti mana yang dinyatakan dengan kos perbelanjaan yang tinggi, saya percaya akan memakan berbilion ringgit dan adakah kita telah membuat kajian cost benefit untuk mengadakan sukan ini?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, seperti beberapa tahun yang lalu, apabila kita bid untuk mengadakan temasya Sukan Komanwel, kita tahu bahawa untuk mengadakan sukan yang besar seperti ini dan kalau dari segi dolar and sen, kemungkinan kita tidak dapat apa-apa keuntungan tapi kalau kita mengira semua termasuk imej negara di dunia, termasuk pelancong-pelancong yang datang ke negara kita ini, dan kalau kita kira semua ini, negara kita ini untung. Jadi kita telah nampak kita berjaya dengan mengadakan temasya Sukan Komanwel baru-baru ini dan sukan ini juga telah menaikkan perasaan (feeling) patriotisme kepada negara kita ini, adalah lebih penting untuk perpaduan kaum di dalam negara kita ini. Jadi kita akan terus untuk menawar, mengadakan temasya Sukan Olimpik kerana nampaknya kita telah membelanjakan lebih daripada RM1 bilion, Tuan Yang di-Pertua atas infrastruktur yang kita telah bina ini.

Untuk menjadikan infrastruktur ini tidak dijadikan sebagai gajah putih atau white elephant, dengan izin, jadi kita ingin terus mengadakan temasya Sukan Olimpik. Kalau kita berjaya dalam usaha kita menganjurkan temasya Sukan Komanwel, kita berkemampuan untuk mengadakan temasya Sukan Olimpik untuk

membuktikan kepada dunia bahawa 'Malaysia boleh' dan kita boleh. Terima kasih.

## **SABAH ELECTRICITY SDN. BHD. – JAMINAN TARIF ELEKTRIK**

**9. Datuk Nurnikman bin Abdullah [Beaufort]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan selepas Syarikat Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) yang mengambil alih fungsi Lembaga Letrik Sabah (LLS), apakah jaminan bahawa tarif elektrik tidak dinaikkan serta apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh SASB supaya dapat membekalkan letrik yang berkekalan (tidak terputus-putus) seperti yang selalu dialami sebelum ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat satu daripada syarat yang dikenakan ke atas Sabah Electricity Sdn. Bhd. yang telah menswastakan business pembekalan elektrik Lembaga Letrik Sabah adalah bahawa kenaikan tarif elektrik tidak akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan sebelum tahun 2000. Segala permohonan yang mungkin dibuat oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. pada tahun tersebut akan dipertimbangkan oleh kerajaan dengan mengimbangi kepentingan pengguna dan utiliti tersebut.

Mengenai langkah-langkah yang diambil bagi menentukan bekalan elektrik yang berpangkalan di Sabah, Sabah Electricity Sdn. Bhd. sedang mengurus pelaksanaan projek-projek pembangunan tenaga elektrik di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh di Sabah yang bernilai lebih kurang RM823.49 juta.

Pembangunan ini adalah bagi meluaskan lagi sistem rangkaian penghantaran dan pembahagian bagi seluruh negeri Sabah. Membaik pulih dan meningkatkan kapasiti stesen-stesen janakuasa sedia ada untuk meningkatkan lagi kualiti bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna di seluruh negeri Sabah. Di

samping itu kapasiti penjanaan elektrik di Sabah telah meningkat baru-baru ini dengan permulaan tugas sebuah IPP baru iaitu Powertrone Resources Sdn. Bhd. kepada 735.5 mega watt manakala permintaan puncak adalah hanya 346 mega watt.

### **SKIM PINJAMAN EKSPORT (ECR) - SAMBUTAN**

10 **Tuan Haji Abdul Rahin bin Dato' Haji Mohd. Said [Kuala Nerus]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kerajaan dapat menggalakkan eksport barang buatan Malaysia ke luar negara dengan bantuan Skim Pinjaman Eksport melalui "Export Credit Refinance". Apakah tidak mungkin pinjaman ECR ini dilipatgandakan untuk syarikat bumiputera luar bandar untuk menghasilkan barangan IKS.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan mendapati bahawa sambutan pengeksport terhadap pembiayaan melalui skim Export Credit Refinance atau skim ECR adalah menggalakkan. Dengan demikian, kerajaan telah membuat keputusan untuk menambahkan lagi dana ini sebanyak RM1,700 juta untuk menjadikan keseluruhan skim ini berjumlah RM3,000 juta. Berdasarkan daripada perangkaan pembiayaan skim ECR untuk tempoh 9 bulan mulai Januari 1998 hingga 30 September 1998, jumlah pembiayaan adalah sebanyak RM4,200 juta yang merangkumi pembiayaan barangan buatan sebanyak RM3,200 juta dan selebihnya RM1,500 juta adalah pembiayaan untuk barangan pertanian dan komoditi-komoditi utama yang terpilih. Pada 16 Julai, 1998 had pembiayaan maksimum bagi setiap pengeksport telah dinaikkan daripada RM25 juta kepada RM50 juta untuk memberi peluang kepada ramai lagi pengeksport-pengeksport termasuk dari sektor industri kecil dan sederhana IKS untuk menyertai skim ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembiayaan skim ECR ini hanya dikhaskan kepada pengeksport-pengeksport sahaja. Namun demikian saranan Yang Berhormat supaya skim ECR ini diperluaskan kepada syarikat-syarikat bumiputera luar bandar supaya dilipatgandakan bagi pengeluaran barangan, maka

sukacita dimaklumkan bahawa skim khas iaitu skim Pinjaman Mudah Mesin atau Peralatan, program pembangunan industri luar bandar dengan peruntukan sebanyak RM4 juta di Bank Pembangunan Malaysia Berhad sebagai agensi pelaksana telah diwujudkan untuk tujuan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Bendera

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, satu kemudahan kewangan yang mustahak ialah letter of credit. Saya hendak tanya Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan sama ada peniaga-peniaga Malaysia menghadapi masalah berkenaan dengan letter of credit daripada bank tempatan di mana bank-bank asing tidak mengiktirafkan atau tidak mengakui letter of credit ini dan adakah masalah ini berkenaan dengan control exchange mechanism yang dilancarkan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilakukan sekarang ialah pengeksport-pengeksport boleh meminjam wang daripada Bank of Commerce, dengan izin. Selepas itu, semua resit akan dibagikan kepada Bank of Commerce yang boleh minta kepada Exim Bank untuk membayar balik. Jadi ini yang diberi buat masa ini.

**Tuan Yang di Pertua:** Tanjong Karang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan skim pinjaman yang baru iaitu skim pinjaman mudah mesin, di bawah program pembangunan industri luar bandar. Saya ingin mendapat penjelasan berapakah kadar faedah dan berapa ramaikah yang telah diluluskan pinjaman tersebut dan apakah keistimewaan yang terdapat dalam skim pinjaman ini.

**Dat'o Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, skim ini ialah skim Pinjaman Mudah Mesin yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan skim ini dilancarkan pada 4 Ogos, 1998 dengan

peruntukan sepertimana yang saya katakan tadi sebanyak RM10 juta. Sehingga kini sebanyak 25 kelulusan dengan nilai RM3.54 juta telah dluluskan dan peruntukan pada 1999 akan ditentukan berdasarkan sambutan kelak. Kadar faedahnya hanya 5.5% dibandingkan dengan kadar faedah lain dan pembayaran balik sipeminjam diberi hanya 70% maknanya, kalau dia pinjam 100%, 70% hanya dibayar balik dan 30% itu merupakan geran daripada kerajaan dan ini adalah khas untuk 100% bumiputera. Terima kasih.

### **BANK ISLAM - JUMLAH URUS NIAGA**

11 **Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]** minta Menteri Kewangan menyatakan: -

- (a) jumlah urus niaga (seperti jumlah pinjaman dan simpanan) yang dibuat di bank-bank Islam tahun ini dibandingkan dengan bank-bank komersial di negara kita; dan
- (b) adakah sistem perbankan Islam lebih mendapat sambutan semasa krisis ekonomi sekarang dan tindakan kerajaan untuk menggalakkan sistem ini.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, setakat 31 Ogos, 1998 jumlah deposit yang dimobilisasikan oleh bank-bank yang menyertai Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) dan Bank Islam Malaysia Berhad berjumlah sebanyak RM10,509 juta, manakala jumlah pembiayaannya pula adalah berjumlah RM10,568 juta. Jumlah deposit dan pembiayaan ini hanya merupakan 2.5% daripada jumlah keseluruhan deposit dan pinjaman sistem perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi sistem perbankan Islam turut mengalami kesan krisis ekonomi sekarang ini di mana jumlah deposit mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.2% bagi lapan bulan pertama 1998 berbanding dengan pertumbuhan 36.2% pada tahun 1997. Jumlah pembiayaan pula mengalami kejatuhan sebanyak 1.7% pada tempoh yang sama berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 75% pada tahun 1997. Bagi menggalakkan pertumbuhan

sistem perbankan Islam, Bank Negara Malaysia sedang di dalam proses untuk menyediakan rancangan jangka panjang bagi pembangunan sistem perbankan Islam negara kita.

**Tuan Haji Abdul Rahin bin Dato' Haji Mohd. Said:** Terima kasih, Tuan Yang di Pertua, deposit is the life blood of the bank, dengan izin. Apakah ruang yang sebaiknya diberikan kepada bank-bank Islam dan kaunter-kaunter perbankan Islam untuk memperbanyakkan cawangan-cawangan bukan sahaja sekadar mengadakan cawangan mini ataupun cawangan midi, tetapi ianya berbentuk cawangan besar ataupun full pledge branch. Kerana apa yang kita dapati masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur dan penyimpan-penyimpan di luar bandar khususnya adalah hanya sekadar dapat menyimpan tetapi tidak dapat meminjam. Apakah kelulusan diberi seluas-luasnya kepada bank Islam dan kaunter-kaunter SPTF.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk membangunkan sistem perbankan Islam ialah pertamanya menubuhkan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan untuk perbankan Islam dan Takaful, yang keduanya, keperluan pendedahan kewangan baru ataupun financial disclosure di dalam laporan tahunan kewangan institusi perbankan dan ketiganya pembukaan cawangan penuh SPTF. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, setakat 30 September 1998 Bank Islam Berhad mempunyai 80 buah cawangan di seluruh negara, sementara itu bank-bank yang menyertai SPTF mempunyai kira-kira 1,896 buah cawangan di seluruh negara. Saranan Yang Berhormat tadi mengenai full pledge SPTF, sekarang ini kita ada 12 buah cawangan penuh SPTF untuk maklumat Yang Berhormat Dato' dan tuan-tuan sekalian, cawangan penuh SPTF ada dikendalikan seperti Bank Bumiputra Malaysia Bhd. - 1 buah, EON Bank - 3 buah, BSN Commercial Bank Bhd. - 2 buah, Arab Finance 3 buah, Arab Malaysia

Finance Bhd 1 buah, Bank Bumiputera (Kewangan) Malaysia Bhd. - 1 buah, dan Hong Leong Finance Bhd - 1 buah.

**Dr. Ramli bin Taib:** Soalan tambahan, bolehkah kita dapat tahu berapa peratus NPL bagi sistem perbankan Islam ini yang terlibat dan adakah Bank Islam sendiri memerlukan capital injection, ataupun suntikan modal. Adakah kerajaan bercadang menubuhkan Bank Islam yang kedua di negara kita.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai NPL pada keseluruhannya, kita ada figures tetapi mengenai Bank Islam sahaja saya tidak ada angka di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya akan berikan secara bertulis. Tetapi apa yang hendak kita tengok di sini ialah pertamanya deposit untuk Bank Islam ini 60% terdiri daripada orang Melayu, orang Islam dan 40% terdiri daripada orang bukan Islam dan pembiayaannya 70% bukan Islam, maknanya bukan Islam meminjam dari Bank Islam dan cuma lebih 30% sahaja orang Islam meminjam daripada Bank Islam.

*[Soalan No.12 – Y.B.Dato' Salomon bin Selamat (Shah Alam) tidak hadir]*

#### **TAHANAN DI BAWAH ISA – SENARAI NAMA**

13. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan senarai nama-nama yang ditahan di bawah ISA dan lain-lain undang-undang selepas pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri. Sama ada kerajaan bersedia mendakwa mereka di mahkamah. Jikalau tidak, bila mereka akan dibebaskan.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat dari Cheras pada hari ini, Yang Berhormat dari Beaufort pada 3 November, Yang Berhormat dari Jelutong pada 17 November, Yang Berhormat dari Lipis pada 18 November kerana kesemua soalan tersebut bertanyakan perkara-perkara yang hampir sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dato' Ong Ka Ting:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sejak pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim terdapat sebanyak 16 demonstrasi secara haram telah diadakan yang bertujuan bagi menyokong reformasi yang dilaungkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri. Pihak polis telah menangkap seramai 262 orang di bawah seksyen 27(8) Akta Polis 1967 dan kebanyakan mereka telah dibebaskan dengan ikat jamin sementara menunggu pendakwaan di mahkamah.

Sementara itu, 19 orang telah ditahan untuk siasatan di bawah seksyen 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, dari jumlah tersebut seramai 15 orang termasuk Dato' Seri Anwar Ibrahim sendiri telah dibebaskan tanpa syarat dan 4 orang masih ditahan untuk siasatan. Saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak polis akan terus bertindak menangkap sesiapa sahaja yang merancang untuk melibatkan diri dalam sebarang perhimpunan haram.

Saya menyeru kepada semua pihak supaya menghormati dan mematuhi undang-undang negara supaya keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terjamin.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan kita boleh mengizinkan demonstrasi secara aman tanpa memberi apa-apa ancaman kepada sesiapa pun. Sama ada demonstrasi secara aman ini boleh dilakukan dalam negara kita? Terima kasih.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hanya menimbangkan sesuatu perhimpunan untuk suatu tujuan yang baik untuk negara dan masyarakat. Kalau sekiranya ada satu perhimpunan yang benar-benar perlu permohonan kena buat terlebih dahulu. Selalunya apa yang berlaku ialah pihak-pihak yang cuba hendak mengadakan demonstrasi ini mereka selalu kata ini demonstrasi aman, tetapi demonstrasi itu berlaku apabila timbulnya insiden yang

tidak disangka maka sudah jadi huru-hara dan sudah jadi rusuhan. Dan inilah satu tugas, tanggungjawab pihak Polis Diraja Malaysia di mana mereka lebih profesional untuk tahu sama ada satu-satu demonstrasi itu akan mendatangkan faedah ataupun menggugat keselamatan. Jadi saya bagi pihak Kementerian Dalam Negeri mengingatkan mereka cara demonstrasi itu bukan cara yang paling sesuai. Ikutlah cara demokrasi di mana pembangkang sentiasa boleh cakap dengan lantang di sini termasuk apa pun mereka cakap, tidak berasas pun kita benarkan di sini, itu demonstrasi bukan rusuhan ataupun demonstrasi yang haram.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Selepas tragedi pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri ada juga yang lari daripada tangkapan ISA terutama sekali seperti Dr. Abdul Rahim Ghous dan Saifudin Nasution yang pergi ke luar negara menghasut bahkan mereka ini menderhaka kepada negara, adakah mereka ini apabila balik akan ditahan di bawah ISA ataupun ada hukuman-hukuman lain yang telah disediakan untuk mereka berdua ini?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang nama-nama yang disebut itu bukan sahaja mereka melibatkan diri dalam perancangan demonstrasi sebelum tangkapan Dato' Seri Anwar dan apa yang lebih dahsyat lagi mereka ke luar negeri untuk cuba merosakkan imej negara kita dan apa yang mereka buat itu adalah serius. Sebenarnya pihak polis hendak menyiasat mereka, kalau mereka balik kita tetap akan menjalankan siasatan mengikut undang-undang yang sewajarnya.

*[Soalan No.14 –Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) tidak hadir]*

#### **PENDATANG TANPA IZIN – TINDAKAN TERHADAP KAKITANGAN KERAJAAN**

15. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kakitangan kerajaan yang diambil tindakan sejak tahun 1996

kerana kelakuan penyalahgunaan kuasa dengan tujuan membantu kemasukan pendatang tanpa izin.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1996 hingga Oktober 1998 seramai 54 orang kakitangan kerajaan yang terdiri daripada 26 pegawai dan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara, 14 orang pegawai imigresen, 10 orang anggota polis, 2 orang pegawai kastam dan masing-masing seorang anggota tentera dan kakitangan Jabatan Kerja Raya telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Negeri kerana didapati terlibat dengan kegiatan membawa masuk pendatang tanpa izin ke negara ini.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pihak polis telah menangkap ramai juga pendatang-pendatang tanpa izin dan yang izin dalam demonstrasi-demonstrasi ini yang telah berlaku di tanah air kita ini, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian supaya mereka ini mendapat balasan daripada penglibatan mereka dalam demonstrasi dan apakah tindakan seterusnya pihak kementerian untuk menyekat pendatang-pendatang sama ada dari Indonesia ataupun dari Filipina untuk melibatkan diri dalam pentadbiran negara kita ini. Terima kasih.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pendatang sama ada mereka sah atau tidak sah tempoh tinggal di sini mereka tetap tidak boleh melibatkan diri dalam sebarang demonstrasi. Kerajaan telah beri amaran dan ada antara mereka itu ditangkap. Mereka itu sama seperti rakyat yang lain kalau melanggar undang-undang tetap akan didakwa mengikut undang-undang dan selepas hukuman setimpalnya dijatuhkan, mereka akan diusir dan seterusnya nama mereka akan disenaraihitamkan supaya mereka itu tidak akan dibenarkan masuk ke Malaysia ini.

Bagi orang luar yang cuba hendak campur tangan, saya rasa selain daripada pihak penguatkuasa ataupun agensi keselamatan sentiasa berhati-hati

memerhatikan mereka dan saya rasa kita semua seharusnya kena cintai negara patriotik jangan beri orang luar campur tangan. Ini adalah kedaulatan negara kita. Kemerdekaan kita ini adalah semua sebagai satu tanda yang kita bangga sama-sama, jangan bagi orang ambil kesempatan pada saat yang genting ini. Mereka ini cuba campur tangan hanya pada masa ini adalah mempunyai niat yang jahat. Sebenarnya apabila negara Malaysia perlu bantuan mereka sepatutnya lebih dahulu sudah menunjukkan sikap prihatin, bukan masa sekarang baru cuba hendak jadi hero. Itu pun salah pada tempatnya.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Dalam Negeri memberikan apakah langkah-langkah pencegahan yang patut diadakan supaya kita dapat mengurangkan bilangan kakitangan kerajaan yang terlibat dalam kerja-kerja membantu kemasukan pendatang tanpa izin supaya dapat mempertahankan imej Kerajaan Barisan Nasional?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dalam beberapa tahun ini kerana kehadiran begitu ramai pendatang tanpa izin telah pun memperketatkan lagi penguatkuasaan undang-undang. Kerajaan sentiasa mempunyai risikan yang sesuai terhadap tempat-tempat yang dikatakan berisiko tinggi dan mereka yang mungkin melibatkan diri. Semua itu dapat membantu kita menjalankan, menguatkuasakan undang-undang dan kita bertindak terhadap mereka seperti bilangan kakitangan kerajaan yang saya sebut tadi. Selain daripada itu, kelemahan manusia memang ada di semua negara, apabila mereka ada sesuatu untuk mereka boleh dapat kekayaan yang singkat dia akan cuba melanggar undang-undang.

Bagi kakitangan kerajaan, saya rasa ini tidak boleh dikaitkan dengan imej Kerajaan Barisan Nasional kerana Kerajaan Barisan Nasional tidak langsung membenarkan ataupun bersetuju dengan mereka yang cuba melanggar undang-undang ini. Kita anggap mereka ini bukan orang Barisan Nasional. Saya rasa

mungkin dia menentang Barisan Nasional sebab semangat kita adalah betul dan mereka ini salah.

### **PENANGKAPAN DATO' SERI ANUAR IBRAHIM - JUMLAH DITAHAN DI BAWAH ISA**

16. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak penangkapan Dato' Seri Anwar Ibrahim berapa ramai orang ditangkap, siapakah mereka dan apakah caj kesalahan dikenakan dan jumlah yang ditahan di bawah ISA.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab semasa soalan No. 13, tidak ada apa yang hendak ditambah lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang terjadi kepada kajian yang dibuat dalam beberapa tahun ini yang ada diumumkan oleh pihak kerajaan kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri supaya tidak ada apa-apa bentuk penyalahgunaan kuasa kepada suatu akta yang begitu draconian dan yang baru-baru ini ada berlaku iaitu penyelewengan digunakan sebagai satu alat politik. Adakah pihak kerajaan atau pihak polis pernah menimbang, menahan pegawai polis yang memukul bekas Timbalan Perdana Menteri semasa beliau dalam tahanan pihak polis di bawah ISA?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kajian semula Akta Keselamatan Dalam Negeri ini memang pernah dibangkit dan kerajaan memang sedang mengkaji Akta Keselamatan ini. Pada masa akta ini dikaji semula negara kita dalam keadaan yang begitu stabil, aman dan ekonomi begitu stabil dan bagus. Sekarang keadaan macam ini, walaupun kerajaan tidak tukar pendirian, kajian itu masih berterusan dan ini adalah di dalam bidang kuasa bukan sahaja Kementerian Dalam Negeri kerana Kementerian Dalam Negeri hanya menguatkuasakan akta ini.

Saya rasa kerajaan, agensi-agensi yang lain yang melibatkan diri masih dalam cara bersepadu mengkaji akta ini. Walau bagaimanapun saya ingin menekankan di sini Akta Keselamatan Dalam Negeri ini tidak boleh senang-senang disalahgunakan kerana ia ada check and balance pada masa kini. Polis hanya dapat uruskan akta ini dalam 60 hari yang pertama. Selepas itu

Kementerian Dalam Negeri akan menapis, akan memastikan semua alasan tahanan itu sudah cukup baru Menteri Dalam Negeri akan membuat keputusan. Pada masa kini cara ini masih diteruskan.

Mengenai soalan bahagian yang akhir iaitu dakwaan apa yang berlaku pada bekas Timbalan Perdana Menteri semasa tahanan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah jawab dan telah pun jamin tentang siasatan yang tidak akan melindungi sesiapa, no cover up dengan izin, dijalankan dan tindakan yang adil akan diambil mengikut undang-undang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada sejarah tahanan-tahanan ataupun orang-orang yang ditahan di bawah ISA, ada ataupun tidak di antara tahanan di antara ini mendapat faedah daripada hasil tahanan mereka seperti mungkin ada di antara mereka berpeluang melanjutkan pelajaran, yang saya difahamkan sekarang Tanjong pun semasa dalam tahanan ISA dia dapat LLB. Kalau tidak ada ditahan ISA mungkin dia tidak dapat LLB. Apakah ini benar ataupun tidak, Yang Berhormat?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar dari segi cara mereka itu ditahan, cara mereka itu dipulihkan di dalam pusat perlindungan tahanan di Kamunting, saya ingin jelaskan sekali lagi, pusat tahanan saya rasa Yang Berhormat dari Tanjong lebih faham daripada saya, sebab dia pernah di situ, bukan penjara. Penjara itu tempat kita menghukum orang yang disabitkan kesalahan tetapi Kamunting adalah tempat pemulihan di mana mereka yang ditahan itu dibenarkan untuk melanjutkan pelajaran, mereka boleh menghadiri kelas agama, mereka boleh ingat kembali apa yang mereka sudah silap. Ada ramai di antara mereka sudah keluar, dia sudah insaf, dia rasa dia buang banyak masa dulu buat sesuatu. Jadi dia sudah tukar cara. Saya rasa inilah faedahnya selain daripada itu kita kena tengok faedah lebih besar untuk negara.

Cuba kita ingat kalau 20 September, saya ingin hendak tekankan di sini, 20 September, satu hari sebelum Sukom, kalau tidak guna ISA pada malam itu, Kuala Lumpur kecoh. Bukit Jalil semua habis, Sukom tidak jadi lagi. Pada masa itu rusuhan, riot, macam-macam perkataan maki-caci sudah cakap. Mereka sebut hendak bakar rumah Perdana Menteri, kata hendak bunuh Perdana Menteri. Ini kalau tidak ada ISA, negara kita tidak aman. Hari ini, saya rasa kita kena tengok cara objektif, bila dan ISA ini bukan sewenang-wenang. Lepas itu pun yang ditahan itu hampir semua kebanyakan sudah dilepaskan bukan sengaja hendak masuk ke dalam lama-lama.

Jadi percayalah Kerajaan Barisan Nasional memang jujur hendak adakan keamanan, kestabilan untuk menjaga semua rakyat, jangan salah sangka, mereka selalu ingat apa kita buat itu mesti salah. Sebenarnya sudah 41 tahun merdeka, terjamin apa yang kita buat ini adalah untuk kebaikan rakyat dan negara.

### **KRISIS KEWANGAN - KESAN TERHADAP KEMASUKAN PELABUR ASING**

17. **Tuan Tiong Thai King [Lanang]** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) selepas negara kita mengalami krisis kewangan, apakah kesan terhadap kemasukan pelabur asing dalam tempoh Julai 1997 hingga Ogos 1998; dan
  - (b) berapa jumlah Ringgit telah dibawa pulang selepas kawalan tukaran mata wang, dan tindakan terhadap mereka yang enggan membawa pulang Ringgit.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, meskipun wujud krisis kewangan namun para pelabur jangka panjang tetap menganggap Malaysia sebagai tempat pelaburan yang baik. Ini dapat dilihat daripada jumlah permohonan yang ketara yang terus diterima dan diluluskan. Daripada bulan Julai 1997 ke bulan Julai 1998, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menerima permohonan untuk penubuhan projek-projek perkilangan dengan

majikan asing berjumlah RM12.6 bilion sementara nilai permohonan yang diluluskan ialah RM11.9 bilion. Pelaburan yang diluluskan, kebanyakannya berasal daripada Amerika Syarikat, Jepun, Taiwan dan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, deposit dalam akaun luar negeri telah meningkat kepada RM12.6 bilion pada 22 September 1998 ekoran penghantaran pulang deposit yang dahulunya disimpan di luar negara. Selepas 30 September 1998, Ringgit tidak lagi sah di luar Malaysia. Oleh itu mereka yang tidak bawa balik Ringgit sebelum tarikh tersebut akan mengalami kerugian. Ini merupakan tindakan terhadap mereka yang enggan bawa pulang Ringgit Malaysia.

**Tuan Md. Isa bin Sabu :** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan memang menggalakkan FDI ke negara kita, jadi apakah kelonggaran yang diberi untuk pegangan ekuiti asing?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, kelonggaran yang diberikan mengikut sektor, pertamanya, milikan asing 100% dibenarkan, kalau ia bersifat IT dan ditempatkan di Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor). Pegangan asing minimum yang dibenarkan ialah 30% untuk sektor perbankan dan kewangan.

Kalau sektor insurans pula pegangan asing maksimum yang dibenarkan ialah sebanyak 51% untuk syarikat insurans asing yang ada cawangannya dan diperbadankan di sini, keduanya syarikat insurans yang sedia ada di Malaysia dan seterusnya kalau kita lihat pula dari segi pegangan asing minimum yang dibenarkan iaitu 30% bagi syarikat broker saham dan bagi telekom pula ialah 14.09%.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih, soalan tambahan. Adakah maklumat tentang deposit Ringgit akaun di bank-bank Singapore telah memindah deposit kepada wang asing supaya depositor tidak perlu memindah (transfer) balik deposit secara langsung ke Malaysia tetapi melalui bank-bank Singapore.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang kepada depositor yang berkenaan, misalnya kalau sebelum tarikh tutup 1 Oktober itu depositor menukarkannya kepada currency yang lain maka duit Ringgit itu mesti ada dan dipindahkan ke akaun di Malaysia, jadi ini bermakna depositor itu terlepas daripada duit

Ringgit Malaysia tetapi ia mempunyai currency yang lain, itu terpulang kepada bank yang berkenaan pula mentransmitkan Ringgit Malaysia itu kepada branchnya di Kuala Lumpur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk pertanyaa-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 2,5,6,7,12 dan 14 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada hari Jumaat 23 Oktober 1998.

### **USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.2) 1998**

##### **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Usul Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.2) 1998 dalam Jawatankuasa sebuah buah Majlis.” *[Hari Kedua]*

##### **Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kepong, minta sambung.

##### **Maksud P.7 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2) 1998] -**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, semalam saya mula menyentuh P.7 mengenai perumahan Angkatan Tentera Malaysia. Saya pernah berada di dalam angkatan tentera dan saya sedar bahawa perumahan angkatan tentera sentiasa menimbulkan masalah dan memang kita perlu lebih banyak rumah, terutamanya kos rendah dan sederhana rendah untuk Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Pengerusi, biasanya apabila anggota tentera mengalami kesusahan untuk mendapat tempat kediaman dan sebagainya ada sesetengahnya pergi ke kawasan setinggan dan ini memang satu perkara yang kita perlu berusaha untuk mengelakkannya. Di sini saya hendak menanya pihak kementerian di manakah projek-projek perumahan ini untuk tambahan lebih RM4.7 juta kerana kita hendak tahu sama ada di Majidee, di Kinrara, Terendak ataupun di kem-kem yang lain dan kos untuk seunit kos rendah, kos sederhana. Adakah ini ditetapkan kepada RM25,000 setiap unit, RM40,000 setiap unit ataupun RM60,000 setiap unit, ini kita perlu tahulah kerana sekarang pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pun sudah mengakui bahawa kerana kos meningkat, kos seunit dibenarkan naik sedikit untuk menampung kos yang tinggi. Adakah di antara unit-unit yang sedang dibina di seluruh negara ini disewakan kepada anggota-anggota tentera ataupun dijual kepada anggota tentera, semua ini kita perlukan butiran yang lebih lanjut lagi supaya kita bersama-sama berkerjasama untuk mengadakan lebih banyak unit perumahan bagi angkatan tentera kita.

Tuan Pengerusi, seterusnya mengenai lebih RM533 juta yang dikehendaki untuk membiayai kos pembinaan kemudahan-kemudahan awam dan pemasangan dalaman dan sistem keselamatan bangunan JPM.

Tuan Pengerusi, pada tahun yang lepas pihak kerajaan telah mengumumkan bahawa projek fasa II Putrajaya telah ditunda dan nampaknya kerja masih diteruskan untuk fasa I. Di sini kita hendak mengetahui bagaimana dengan kekurangan wang sekarang ini pihak kerajaan mendapat wang untuk terus memajukan Putrajaya dalam fasa I kerana Putrajaya merupakan satu projek raksasa dan saya nampak pada mulanya kita sudah ubah lanskap untuk kawasan itu. Mudah-mudahan kita akan dapat menyaksikan satu bandar yang canggih sebagai pusat pentadbiran di negara ini, walau bagaimanapun dengan kekurangan wang sekarang kita perlu meminjam. Adakah benar sekarang terdapat konsortium ataupun syarikat-syarikat institusi kewangan yang bekerjasama dengan Putrajaya Holding Sdn. Bhd. untuk memberi end financing kepada harta-harta kediaman di kawasan Putrajaya. Kalau benar berapakah jumlah wang yang diperuntukkan di dalam satu perjanjian dengan Putrajaya Holding ini untuk mengadakan pembangunan harta-harta kediaman itu.

Tuan Pengerusi, di dalam projek inilah kita dapati di kebanyakan tempat terutamanya di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya harga hartanah memang telah jatuh dengan teruk, saya pun tidak tahu kemerosotan harga hartanah ini akan sampai ke tahap mana, ini memang kita pun tahu. Di Kuala Lumpur kita menghadapi masalah hartanah dan di Putrajaya memang kita akan menghadapi masalah yang lebih teruk lagi kerana di situ belum ada pembangunan yang cukup di sekelilingnya untuk menarik pembeli-pembeli untuk menyertai skim di Putrajaya itu. Bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana kita dapat memajukan harta-harta seumpama ini di dalam keadaan bidang hartanah yang merosot dan ini memang satu soalan yang Yang Berhormat perlu jawab, jangan kita hendak merapu kemudiannya.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Kelang.

### **11.10 pagi**

**Dr. Tan Yee Kew [Kelang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada maksud P.28 Perbendaharaan, Butiran 02900 dan 02903 iaitu Penyertaan Dalam Projek Strategik. Di bawah butiran ini tambahan sebanyak RM626 juta adalah dikehendaki untuk pembayaran kemajuan bagi kerajaan mengambil alih projek hidroelektrik Bakun.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Mencelah]* Tuan Pengerusi, ini P.7 saja.

**Tuan Pengerusi:** Ya, bincang berkenaan dengan P.7 Yang Berhormat, berkenaan dengan P.7. saja.

**Dr. Tan Yee Kew:** P.7.

**Tuan Pengerusi:** Jabatan Perdana Menteri.

**Dr. Tan Yee Kew:** Boleh saya lanjut, minta maaf, saya hanya hendak merujuk kepada P.28 saja.

**Tuan Pengerusi:** Nanti, tak sampai masa lagi. Yang Berhormat dari Gelang Patah.

#### **11.11 pagi**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, saya ingin dapat penjelasan tentang projek perumahan angkatan tentera di kawasan Skudai dalam kawasan Parlimen Gelang Patah yang mana saya dapati kerja tanah telah dijalankan dan saya harap dapat makluman tentang jumlah rumah untuk angkatan tentera yang akan dibina di tapak projek perumahan angkatan tentera ini dan bilakah projek ini akan disiapkan dan luas kawasan yang terlibat dalam projek ini serta kos projek. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dapat mengadakan satu projek perumahan Angkatan Tentera Malaysia di kawasan Parlimen Gelang Patah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tumpat.

#### **11.12 pagi**

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]:** Tuan Pengerusi, Butiran Projek 08700 Pusat Pentadbiran Putrajaya. Kelmarin saya telah menyentuh sedikit sebanyak dan hari ini adalah merupakan tambahan dan kelmarin nampaknya pihak kementerian tidak menjawab soalan-soalan yang saya telah kemukakan berhubung dengan pusat pentadbiran Putrajaya. Di mana di sini ada disebut bahawa antara peruntukan yang diperuntukkan sekarang ini adalah sebahagiannya adalah bagi perbelanjaan sistem keselamatan bangunan JPM (Jabatan Perdana Menteri). Saya hendak tahu berapakah peruntukan yang akan diperuntukkan daripada sejumlah RM530 juta lebih ini iaitu untuk sistem keselamatan bangunan JPM.

Dan yang kedua, sepertimana yang saya bangkitkan kelmarin mengenai perbelanjaan bangunan rumah kediaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam jawapan pada persidangan Parlimen yang telah lalu pihak kementerian telah

memberi jawapan bahawa kos perbelanjaannya tidak sampai RM20 juta. Tapi sebagaimana saya dimaklumkan, difahamkan dan saya telah mendengar sendiri kaset ucapan bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, dia menyatakan bahawasanya perbelanjaan sebenarnya rumah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah sebanyak RM200 juta. Jadi saya nak tahulah di sini yang mana yang benar sebenarnya dan saya mengharapkan pihak kerajaan, saya meminta supaya tubuh satu jawatankuasa untuk menyasat, untuk mengetahui angka yang sebenarnya. Kita tidak mahu yang mana yang berbohong ini, kita tidak tahu. Kita tidak ada pengadilan di sini, hanya Parlimen, bagi mengetahui yang sebenarnya bagaimana? Kita tidak mahu sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat satu kenyataan pembohongan di Tokyo, dinyatakan bahawasanya tahanan bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu dengan layanan VIP. Ternyata mengikut sumber-sumber daripada dalaman yang menyatakan bahawasanya tahanan terhadap bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah ditahan dengan tahanan yang biasa saja, tiada VIP dan sebagainya. Ini saya bimbang juga dalam kes rumah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berlaku hal yang demikian. Yang kedua, Tuan Pengerusi, iaitu ....

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya, ada yang bangun tu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini macam menyambung isu semalam, minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat menuduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berbohong. Ini saya boleh bawa point of order 36(6) satu tuduhan yang tak benar. Adakah Yang Berhormat sendiri termasuk dalam kumpulan ISA yang baru-baru ini yang tahu sebenar layanan dibuat atau tidak? Saya rasa minta tarik baliklah. Mungkin Yang Berhormat boleh mendapat penjelasan, saya minta daripada kerajaan tapi menuduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berbohong, kalau Yang Berhormat sendiri

tidak ada maklumat yang tepat, saya minta tarik baliklah dan juga kalau boleh, kalau tak hendak tarik balik pun jelaskan. Ini satu tuduhan daripada semalam Yang Berhormat, macam geram sangat ini. Ada apa? Ada agenda tertentukah ini?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kerajaan mestilah membuktikan bahawasanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu tidak berbohong. Membuktikan pada kitalah, kepada Parlimen ini dan kalau boleh benarkan kita pergi melawat tempat tahanan yang ditahan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu untuk melihat bagaimana bentuk tilamnya, bagaimana bentuk bantalnya, bagaimana bentuk piring mangkuk yang pernah dihidangkan kepada bekas Timbalan Perdana Menteri dan sebagainya. Kalau betullah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak berbohong, saya minta Parlimen pada hari ini, pihak yang berkenaan membuktikan kepada Parlimen bahawasanya ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Rompin bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya rasa soalan dok sekitar itu jugakan? *[Ketawa]*.

Tuan Pengerusi, yang keduanya masalah Kementerian Pertahanan, Butiran Projek 00400 Kelengkapan. Saya ingin mengetahui daripada peruntukan sebanyak RM574 juta lebih ini sebenarnya berapakah peruntukan keperluan keseluruhannya untuk perumahan angkatan tentera. Sebab apa yang saya faham, masih banyak lagi pihak angkatan tentera ini memerlukan perumahan dan angka yang telah diperuntukkan ini adalah merupakan sebahagian kecil daripada peruntukan-peruntukan yang sepatutnya.

Dan yang kedua, sebagaimana soalan yang saya timbulkan kelmarin, saya ingin flash back kembali iaitu saya tidak mahu peruntukan sejumlah ini adalah merupakan peruntukan pancingan kerana sekarang ini menjelang pilihan raya sudah hampir, mungkin hendak berbodek sedikit dengan pihak tentera agar semua tentera akan memberi sokongan kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya yang akan datang. Apakah ini merupakan bodek ataupun peruntukan yang dalam bentuk kewajipan dari kerajaan terhadap angkatan tentera. Saya rasa itulah sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Timbalan Menteri.

**11.20 pagi**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli-ahli Parlimen dari Kepong, Gelang Patah, Tumpat yang telah membuat beberapa pertanyaan khususnya dalam peruntukan tambahan yang melibatkan yang pertama, perumahan angkatan tentera. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan memang komited terhadap menyediakan perumahan bagi angkatan tentera dengan sebegitu lengkap dan adalah tidak benar kalau dikatakan oleh Tumpat tadi kerajaan berhasrat untuk memancing undi, pada pandangan saya itu adalah satu telahan yang sangat rendah kelasnya kerana penyediaan prasarana program perumahan bagi maksud tentera dilakukan oleh kerajaan dari masa ke semasa tidak menghiraukan masa bila dan dekat atau pun jauh dengan pilihan raya.

Dari segi kawasan-kawasan atau pun tambahan yang diperlukan adalah bagi pembinaan perumahan-perumahan kawasan Angkatan Tentera pertamanya di Kota Belud ataupun Kem Paradise Kota Belud yang memerlukan tambahan sebanyak RM3.7 juta sepertimana ditanyakan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Yang kedua, perumahan TD Port Dickson sebanyak RM2 juta, perumahan TLDM Kuantan RM10 juta. Perumahan Kem Terendak RM9 juta, Sandakan sebanyak RM6 juta, perumahan tentera Gemas RM9 juta. Perumahan TUDM Bukit Jugra RM6 juta. Perumahan TD Tawau RM7.9 juta dan perumahan Mentakab RM1 juta dan ini menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang

Berhormat dari Kepong yang ingin mengetahui tentang detail pertambahan bagi tiap-tiap kawasan.

Yang keduanya berkenaan dengan kos rumah. Yang sebenarnya kerajaan tidak menjual dan masalah sewa dan jual pun sedemikian juga dan yang ditanya oleh Tumpat ialah sistem keselamatan Jabatan Perdana Menteri dan dikaitkan dengan rumah Perdana Menteri. Sebenarnya peruntukan ini tidak langsung menyentuh berkenaan dengan pembinaan rumah Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, oleh kerana semalam Yang Berhormat telah bertanya dengan begitu ghairahnya, saya ingin menyatakan sekali lagi bahawasanya sepertimana dijawab tempoh hari iaitu kos bagi, saya ulang, kos bagi pembinaan rumah kediaman rasmi Perdana Menteri saya telah menjawab dalam Parlimen tempoh hari ialah dianggarkan RM17 juta sahaja. Tetapi hari ini saya telah menyemak kembali dan saya telah diberi angka yang terkini iaitu RM17.5 juta sahaja.

Dalam jawapan dahulunya saya telah menyatakan bahawasanya keseluruhan kompleks kediaman ini mencakupi kemudahan-kemudahan awam yang lain seperti merangkumi dewan banquet, bilik-bilik mesyuarat, kemudahan bilik menunggu, kemudahan bagi bilik akhbar, kemudahan bagi orang-orang kenamaan dan juga kemudahan bagi negarawan-negarawan yang dirangkumi sebagai kemudahan-kemudahan awam. Ini adalah berbeza dengan rumah kediaman rasmi. Jadi oleh itu kos bagi yang lainnya kemudahan-kemudahan itu akan diteliti pada ketika ini.

Tadi Yang Berhormat dari Kepong kalau tidak silap saya bertanya, bagaimanakah untuk kita majukan hartanah dalam ekonomi merosot. Sesungguhnya peruntukan tambahan yang diminta ini tidak ada langsung kaitan dengan pembinaan rumah-rumah untuk masyarakat. Ianya melibatkan persediaan prasarana, pembinaan jalan, pembinaan masjid, surau, sekolah dan sebagainya. Sebahagian besar, Tuan Pengerusi, daripada peruntukan tambahan yang diperlukan adalah kerana kerajaan merasakan lebih baik dilaksanakan pembangunan ini secara integrated. Kalau dahulunya kita menganggarkan sekolah akan dibina oleh Kementerian Pendidikan, hospital akan dibina oleh Kementerian Kesihatan tetapi kerajaan merasakan adalah lebih sesuai kalau kita centralised dan dibinakan di bawah satu jabatan iaitu Jabatan Perdana Menteri. Itulah sebenarnya di antara punca yang menyebabkan kita memerlukan peruntukan tambahan bagi tahun ini.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tumpat bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Pengerusi, saya rasa persoalan saya yang pertama belum dijawab, iaitu perbelanjaan atau kos sistem keselamatan bangunan Jabatan Perdana Menteri, berapakah harga daripada RM530,008,500.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, saya tidak dapat memberikan angka yang tepat, kalau Tuan Pengerusi izinkan saya hendak bacakan dari segi perbelanjaan peruntukan yang diperlukan tambahan hingga 31.12.98 bagi umpamanya item baru iaitu perabot dan pitau adalah sebanyak RM119,600,000, perbelanjaan bagi pendawaian kemudahan IT, ini saya kirakan termasuk keselamatan adalah sebanyak RM21 juta telah dibelanjakan. Perbelanjaan sebenar sehingga 15.10.98 dan anggaran perbelanjaan hingga 31.12.98 adalah dianggarkan sebanyak RM29.8 juta. Selain dari itu kalau kita hendak anggarkan ini juga merupakan sistem keselamatan, sistem pusat kawalan bandar, perbelanjaan sebenar hingga 15.10.98 ialah RM2.9 juta dan anggaran perbelanjaan yang diperlukan hingga 31.12.98 ialah RM5.7 juta.

Tuan Pengerusi, saya kira itu saja yang boleh saya jelaskan kerana selain dari itu apabila ditanya tadi sama ada apakah caranya kita hendak menyediakan end financing sesungguhnya peruntukan belanjawan yang kita pohon ini tidak melibatkan pembinaan rumah bagi masyarakat ramai dan oleh itu perkara itu tidak berbangkit. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala yang ditanyakan.

**Tuan Chang See Ten:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Gelang Patah bangun.

**Tuan Chang See Ten: [Gelang Patah]:** Tuan Pengerusi, nampaknya soalan saya tidak dijawab oleh Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, terima kasih Gelang Patah, saya telah cuba mencari peruntukan tambahan bagi Gelang Patah. Saya telah membaca sebentar tadi dari perbelanjaan tambahan yang telah saya bacakan tadi dan

saya tengok tidak ada Gelang Patah. Jadi, mungkin tidak ada tambahan yang diperlukan bagi kem Gelang Patah, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah perbelanjaan sebanyak RM587,742,210 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1998 di bawah Jabatan Perdana Menteri hendaklah diluluskan

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM587,742,210 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1998.

### **Maksud P.16 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1998] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kepala Pembangunan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Kangar.

#### **11.30 pagi.**

**Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]:** Tuan Pengerusi, bagi P.16 Jabatan Bomba dan Penyelamat di mana peruntukan tambahan sebanyak RM79,075,000 adalah diperlukan untuk membiayai kos dua buah helikopter bagi Maksud Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Tuan Pengerusi, dalam kes Jabatan Bomba dan Penyelamat, kalau kita perhati pada masa lampau kita dapati kebanyakan balai bomba ditubuhkan di tempat-tempat yang ada untuk mengawal kebakaran tetapi walau bagaimanapun, masa berubah dan keadaannya pun berubah. Kita dapati kebakaran hari ini bukan bertumpu di estet-estet tetapi di kawasan-kawasan setinggan. Jadi, apa yang saya minta di sini, di samping kita memperhebatkan bekalan alat penyelamat supaya pihak jabatan berkenaan dapat menubuhkan pasukan-pasukan bomba sukarela dengan peralatan-peralatan yang baru, dengan kereta-kereta yang boleh berfungsi dengan baik terutama sekali di negeri saya didapati beberapa pasukan bomba sukarela yang masih memerlukan bantuan termasuk di Kuala Perlis, Kuala Sanglang dan juga di Pekan Pauh di kawasan Parlimen Arau dan juga kita dapati pasukan bomba sukarela di Pekan Padang Besar dan Kaki Bukit dalam kawasan Parlimen Padang Besar.

Di samping itu juga, oleh kerana kita dapati pada hari ini didapati banyak rumah kos rendah – rumah yang berderet-deret di mana penduduknya berasak-asak. Seeloknya bahawa Jabatan Bomba dapat menggalakkan atau mengadakan latihan menyelamatkan (fire drill) supaya penduduk-penduduk di tempat begitu dapat melakukan kerja-kerja menyelamatkan apabila berlaku sesuatu yang dikehendaki. Di samping itu juga, bukan sahaja di kawasan-kawasan rumah kos rendah begini, kita dapati rata-rata di negara kita masih banyak lagi kawasan rumah setinggan di mana kawasan-kawasan begini juga perlu diberikan tumpuan supaya kita dapat menyelamatkan jiwa dan harta-benda rakyat kerana pada masa-masa yang lepas kita tengok dalam berita-berita di muka-muka akhbar, banyak kemalangan yang berlaku yang melibatkan terutama sekali orang tua, kanak-kanak di kawasan-kawasan setinggan. Jadi, perkara inilah saya minta supaya dapat diberi tumpuan supaya penduduk kita rasa selamat daripada kebakaran.

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bandau.

**11.33 pagi.**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Maksud ini ialah untuk membiayai sebahagian kos perolehan dua buah helikopter bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Saya ingin bertanya apakah sebenar logiknya di bawah perolehan ini kerana di saat-saat negara menghadapi kekurangan kewangan kerana kegawatan ekonomi, bukankah lebih baik untuk menyewa helikopter ini ataupun dengan leasing sebab satu masalah untuk kos perolehan selepas itu penyelenggaraan, maintenance, selepas itu kos untuk membiayai pilot-pilot dan seterusnya. Kita melihat bahawa ini sudah menjadi satu amalan di beberapa kementerian atau jabatan, seperti bahagian polis - PDRM mempunyai helikopter juga untuk tujuan-tujuan tertentu dan kos penyelenggaraan seperti kami bincang dalam PAC baru-baru ini, cukup tinggi. Begitu juga di bahagian Tentera Laut ada juga helikopter dan beberapa jabatan juga ingin memperolehi helikopter masing-masing.

Saya ingin bertanya adakah ini telah diambil kira bahawa barangkali helikopter tentera yang luas dipakai semasa masalah jerebu dan kebakaran hutan di Sabah dan

Sarawak dahulu lebih dari boleh untuk kegunaan penyelamat dan untuk mengatasi masalah-masalah kebakaran dan seterusnya. Lagi pun, memandangkan negara kita cukup aman, helikopter-helikopter tentera ini jarang-jarang dipakai. Jadi, apakah logiknya untuk mendapatkan sebuah helikopter yang khusus? Adakah pihak kementerian telah mengambil kira kos keseluruhan, bukan sahaja perolehan tetapi kos untuk penyelenggaraan dan seterusnya dan adakah lebih mudah bagi kementerian untuk membeli ini jika ketetapan telah dibuat untuk membeli untuk secara leasing ataupun rental. Kalau perkara-perkara ini tidak diambil kira, maka soal penggunaan wang dengan lebih disiplin, saya berpendapat, belum lagi dijalankan. Lebih banyak lagi pusat-pusat bomba kita yang tidak cukup alat-alat seperti di kawasan Bandau – kawasan kami di Kota Marudu ada bangunan tetapi tidak ada alat-alat bomba ataupun pegawai-pegawai bomba. Jadi, harus ini yang lebih asas.

Saya minta penjelasan, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Gelang Patah.

**11.36 pagi.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bahas tentang Maksud P.16 Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Saya berpendapat bahawa jika Jabatan Bomba boleh mengadakan jadual pemeriksaan yang lebih banyak di premis-premis yang mana kemungkinan kebakaran akan berlaku seperti di kilang-kilang atau bangunan tinggi, ini akan dapat menjimatkan kewangan kerajaan. Daripada Maksud ini wang akan digunakan untuk membekal kereta-kereta bomba dan kelengkapan. Saya dapati bahawa walaupun tujuan ini adalah sangat penting tetapi saya ingin menyarankan bahawa kita perlu sentiasa menyelenggara pili-pili bomba yang telah dibina kerana kadang-kadang ada terjadi bahawa bila sesuatu tempat itu berlaku kebakaran tetapi apabila kereta bomba sampai, pili bomba tidak berfungsi dan ini adalah kerana kekurangan penyelegaraan terhadap pili bomba itu. Kerja ini adalah sangat penting dan perlu diambil perhatian.

Di samping itu, saya harap pasukan bomba sukarela patut diperbanyakkan dan mereka perlu dibimbing dan diberikan kerjasama daripada Jabatan Bomba terutama bekalan alat-alat bomba. Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya dapati, terutamanya di

kawasan Johor Bharu, di kawasan perkilangan, nampaknya kejadian kebakaran sentiasa berlaku. Adalah satu perkara yang sangat luar biasa, adakah ini kerana negara kita pada masa sekarang menghadapi masalah kemerosotan ekonomi dan kebakaran lebih banyak berlaku. Adakah ini sengaja atau tidak sengaja? Saya harap pihak Jabatan Bomba dapat menyiasat dengan teliti supaya kita dapat menjimatkan wang kerajaan daripada hanya menyelamatkan kebakaran.

Tuan Pengerusi di sini saya ingin mengambil peluang keemasan ini untuk meminta pihak Jabatan Bomba supaya dapat merancang untuk mengadakan balai bomba di Pekan Gelang Patah, Skudai dan Tampoi kerana pertumbuhan kawasan itu adalah pesat dan perlu diadakan balai bomba di kawasan itu kerana jarak daripada balai bomba di Johor Bharu ke tempat-tempat yang saya sebutkan tadi adalah agak jauh. Saya harap pihak Jabatan Bomba akan mengambil perhatian tentang keperluan ini.

Sekian, terima kasih.

**11.40 pagi.**

**Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin tahu mengenai Maksud P.16 Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Tuan Pengerusi, pada 17 haribulan lalu apabila saya menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah Kinta saya diberitahu bahawa peruntukan untuk membina balai bomba di Jelapang sebanyak RM2.5 juta telah dipindahkan bagi tujuan pembinaan balai bomba dan kuarters di Gempeng, Pahang oleh Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Lumpur. Saya ingin membuat bantahan di sini oleh sebab di Pekan Jelapang yang jaraknya lebih kurang 10 kilometer dari Bandar Raya Ipoh dan memang memerlukan sebuah balai bomba untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda sekiranya ada rumah terbakar atau apa-apa kebakaran. Oleh sebab itu saya minta Yang Berhormat Menteri untuk mengkaji semula dan apabila beliau memberikan alasan mengapa peruntukan RM2.5 juta ini dipindahkan ke tempat lain disebabkan kedudukan tapak di Jelapang belum diluluskan untuk pembinaan balai bomba dan kuarters. Saya

hairan kerana alasan ini tidak sepatutnya berlaku di antara satu agensi dengan satu agensi lain di dalam kerajaan. Jika ada apa-apa masalah tentang tapak tersebut kita boleh tolong untuk menyelesaikan masalah ini. Mengapa masalah kedudukan tapak belum selesai atau belum diluluskan maka peruntukan tersebut telah dipindahkan.

Saya sebutkan perkara ini sebagai satu hijack, dengan izin, sebab peruntukan telah diluluskan kepada kawasan Batu Gajah dan saya telah mengumumkan perkara itu dan saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengadakan satu balai bomba di Jelapang. Tetapi sekarang bagaimana saya hendak menemui penduduk di Jelapang, saya mintalah penjelasan.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, di negeri Perak ada 25 balai bomba dan penyelamat dan juga balai bomba dan penyelamat di Batu Gajah adalah satu tempat yang terletak dalam kawasan saya yang bertanggungjawab untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda tetapi nampaknya persediaan dan peralatan-peralatan yang canggih untuk menyelamatkan nyawa ini tidak dapat disediakan dengan secukupnya. Contohnya, ada satu kes banjir yang telah berlaku di Kampung Sedani pada tarikh 15 Ogos 1995, jam 10.00 malam. Setelah membuat tinjauan pertama bot adalah diperlukan untuk menyelamatkan mangsa tetapi Balai Bomba Batu Gajah tidak ada bot – oleh sebab itu Balai Bomba Batu Gajah terpaksa menghubungi Balai Bomba Ipoh untuk mendapatkan bantuan. Bantuan tersebut telah sampai pada pukul 12.50 malam dan memakan masa yang panjang untuk menyelamatkan nyawa. Pada tinjauan saya, life-jacket amat diperlukan bagi tindakan awal dan juga untuk menyelamatkan mangsa sekali gus dalam apa-apa kemalangan atau mangsa mati lemas di lombong.

Tuan Pengerusi, pada masa ini mereka hanya menggunakan ‘rubber tube’ sahaja untuk menyelamatkan mangsa dan ‘rubber tube’ ini sukar untuk memasuki

tempat-tempat yang terpencil. Oleh sebab itu saya mintalah untuk mendapatkan lebih peralatan-peralatan yang canggih kepada Balai Bomba dan Penyelamat Batu Gajah, Sekian, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Batang Lupar.

**11.45 pg.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud P.16 Jabatan Bomba dan Penyelamat. Ada peruntukan RM79,070,000 untuk kos pembelian dua buah helikopter bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sama ada helikopter baru ataupun helikopter 'second hand' yang hendak dibeli? Jadi saya tanya perkara ini kerana kita masih ingat sejarah skyhawk habis dibeli dan terlantar di 'Cendiun Smart' di Amerika. Jadi saya minta penjelasan daripada kementerian sama ada helikopter ini baru ataupun second hand dan apakah arrangements yang telah dibuat di antara kita dengan pembekal helikopter ini iaitu ada spare parts, after sale services kerana kita tidak mahu bomba yang menyelamatkan menjadi yang diselamatkan nanti. After sale services ini kita tidak mahu beli spare part di belakang kedai yang dibuat sendiri oleh pihak-pihak tertentu kerana helikopter ini mestilah dalam keadaan yang baik dan sempurna.

Kita setuju mengadakan helikopter ini sebagai satu alat tambahan penyelamat. Sebaliknya pula saya ingin bertanya apakah kegunaan sebenar helikopter ini? Adakah untuk memadam api di bandar atau untuk memadam kebakaran di hutan? Oleh kerana kalau di bandar saya nampak banyak bangunan kita gunakan bumbung seperti ini dan tidak ada landing pad. Sedikit sahaja bangunan-bangunan yang mempunyai landing pad oleh kerana architecture kita adalah architecture yang berlandaskan design tempatan. Seperti di negara Amerika banyak menggunakan helikopter dan boleh dipakai kerana banyak landing pad on

top of the building, dengan izin. Sudahkah bangunan-bangunan ini apabila diadakan landing pad itu mempunyai satu foundation yang cukup kuat untuk membolehkan helikopter itu turun.

Jadi saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri, tahniah sebelum itu saya terlupa beri tahniah kerana baru dapat 'Datuk', walaupun lambat tetapi alhamdulillah dapat juga kerana telah lama menjadi Timbalan Menteri baru dapat 'Datuk' [*Ketawa*] Alhamdulillah. Saya belum dapat 'Datuk' dan Tuan James Jimbun Anak Pungga juga belum dapat 'Datuk'. Tidak apalah nanti dapat 'Datuk' selepas ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri saya hendak tanya satu perkara di kawasan saya seperti juga di kawasan Sarawak, kebakaran walaupun orang kata hari hujan air bah di sana sini tetapi kebakaran berlaku juga. Daripada bulan Julai, Ogos hingga sekarang berlaku tiga kebakaran di kawasan saya. Rumah panjang di kawasan Muton terbakar – 42 bilik habis ranap dan selepas itu di Meludang, Kampung Melayu lima terbakar. Pada minggu lepas satu lagi rumah panjang di kawasan Lingga terbakar. Walaupun dalam keadaan demikian masih berlaku kebakaran tetapi rata-rata apabila saya berbincang dengan pihak tertentu soal Bomba Sukarela ini - saya tidak minta bomba atau 'fire brigade' ini berada di kampung-kampung dan rumah-rumah panjang. Kalau di Sarawak ada 5,000 kampung dan rumah panjang tidak boleh dapat sampai semua bomba-bomba di sana. Tetapi apa yang penting ialah kita mengadakan Bomba Sukarela di semua kampung dan tempat-tempat yang sesuai. Berperingkat-peringkat kita beri tetapi masalahnya bagaimana hendak mendapatkan perkakasan atau equipment untuk mengadakan Bomba Sukarela.

Di kawasan saya ada lima permohonan yang datang ke pejabat saya untuk mewujudkan satu Bomba Sukarela tetapi masalahnya kita kena beli 'hose', kapak dan pelbagai alat-alat bomba ini. Jadi untuk mengatasi masalah ini adalah

dijangka baik kalau kementerian boleh memikirkan untuk mengadakan satu peruntukan khas terutamanya dalam budget yang akan datang tahun 1999. Kita tetapkan khusus untuk membeli perkakas-perkakas Bomba Sukarela, jadi maknanya kalau ada kampung atau kawasan yang memohon Bomba Sukarela kita akan beri latihan di tempat-tempat bomba yang mahir sama ada di daerah-daerah, di bahagian-bahagian atau pusat bandar di mana latihan boleh didapati daripada pihak bomba. Apabila mereka ini balik ke kampung mereka dan mewujudkan satu Bomba Sukarela.

Dengan wujudnya Bomba Sukarela itu sudah diberi certificate oleh pihak jabatan dan kementerian menolong memberi perkakas yang sesuai untuk menjalankan tugas-tugas mereka di sana. Jadi, saya ingat banyaklah harta-benda boleh diselamat, nyawa pun mungkin boleh diselamat. Dalam kebakaran yang saya sebutkan tadi iaitu di rumah panjang di Pesar, di Meludam dan satu lagi di Lingga baru-baru ini, kalaulah ada hose ataupun perkakas bomba yang sesuai, saya percaya rumah ini tidak akan terbakar ranap semua sekali. Jadi, oleh kerana keadaan sedemikian kerja saya sebagai Yang Berhormat tidak ada cara lain. Saya cari pakaian second hand beri kepada kawan-kawan di rumah panjang. Empat puluh bilik rumah panjang, semua pakaian habis ranap sekali, baju, seluar tidak ditinggal lagi, melainkan sehelai sepinggang yang tinggal. Jadi, saya terpaksa buat. Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar pening kepala, saya tanya berita tiap-tiap hari. Jadi, alhamdulillah, jadi 'Datuk' jugalah oleh kerana selalu kita minta tolong.

Saya berharap pihak kementerian melihat perkara ini dan diambil tindakan khusus supaya tempat-tempat yang terpencil bukan sahaja di Sabah dan Sarawak tetapi termasuk juga di Semenanjung ini di mana kampung-kampung yang berjauhan ada kemahuan daripada masyarakat setempat mewujudkan satu Bomba Sukarela dan selepas diberi latihan diberi certificate oleh pihak bomba dan

sepatutnya kementerian boleh memberikan satu peruntukan yang khusus untuk membeli perkakas bagi mereka ini dengan harapan supaya jika ada kebakaran berlaku tidaklah mereka jadi ‘bucket brigade’ sahaja. Itu pun kalau kampung itu boleh membeli bucket. Kalau tidak ada duit hendak beli bucket, tidak boleh buat bucket brigade.

Jadi, dengan secara ringkas, Tuan Pengerusi, itulah sahaja cerita saya, dan saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Bagan.

**11.52 pagi.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, Maksud P.16, Jabatan bomba dan Penyelamat. Pada masa yang lampau saya pernah membangkitkan bahawa kerajaan perlu mempertimbangkan dengan seriusnya memberi perlindungan nyawa dan kecemasan kepada ahli-ahli pasukan Bomba Sukarela. Dua bulan yang lepas Kerajaan Pulau Pinang telah menghebohkan kedatangan ‘La-Ninia’ di mana mereka meyebarkan risalah-risalah mengenai kedatangan fenomena ‘La-Ninia’.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ‘La-Nina’kah?

**Tuan Lim Hock Seng:** La-Nina atau ‘La-Ninia’, mereka mengatakan ‘La-Ninia’, tetapi sebenarnya ‘La-Nina’. Walau bagaimanapun, saya turut ikutlah. Rakyat pun sambut dengan hebat, menyediakan berbagai-bagai penyediaan untuk menghadapi fenomena La-Nina ini. Seorang dari Kepala Batas, beliau adalah seorang tauke kilang plastik, beliau membelanjakan lebih kurang RM3,000 untuk membeli sebuah bot dan satu enjin sangkut. Beliau dengan beberapa orang kawannya telah pergi ke Sungai Muda berdekatan dengan Bumbung Lima, Kepala Batas untuk berlatih memandu bot supaya jikalau ada berlakunya banjir di kawasan mereka, mereka boleh menggunakan bot mereka. Malangnya, tauke

kilang plastik ini apabila menjalankan latihan belajar memandu bot ini telah ditimpa kemalangan. Beliau jatuh dalam sungai dan terus tidak dijumpai sehingga beberapa jam yang lepas. Beliau mati lemas di tempat kejadian itu.

Kerajaan langsung tidak ada memberi perlindungan insurans nyawa baik pun kecemasan atau kecederaan kepada sesiapa pun. Dengan kata-kata ini saya menyerulah sekali lagi supaya kerajaan ambil pertimbangan yang serius terhadap memberi perlindungan insurans kepada mereka yang menyertai pasukan Sukarela. Sekian sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tambun.

**11.55 pagi**

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dengan ringkas sahaja. Jabatan bomba dan Penyelamat – perkara pertama yang ingin saya bangkitkan tentang soal keberkesanan tugas-tugas dan tanggungjawab yang dijalankan oleh Jabatan bomba. Kadangkala kita lihat berlaku kebakaran daripada satu rumah ia merebak menjadi satu kebakaran yang besar. Ini berpunca kerana kereta bomba lambat sampai. Antara punca lain kerana pili bomba tidak berfungsi.

Jadi, apa yang saya ingin memberi pandangan, saya ingin mengesyorkan kepada Jabatan bomba supaya membuat perancangan semula serta membuat siasatan rapi ke atas paip-paip bomba keseluruhannya di seluruh negara serta mengkaji tempat-tempat paip bomba ini diperlukan. Saya dapati di bawah keadaan sekarang Jabatan bomba nampaknya tidak begitu penting. Saya jarang nampak Jabatan bomba membuat penyiasatan, perancangan dan sebagainya. Seheinggakan kita dapati tempat-tempat kawasan perumahan yang density penduduk begitu tinggi, kita dapati paip bomba tidak mencukupi. Dan bila berlaku kebakaran

bomba baru hendak mencari air, barulah tanya orang kampung di mana terdapat kawasan-kawasan lombong yang boleh kereta bomba menyedut air dan digunakan.

Bermakna pegawai-pegawai Jabatan bomba tidak bersedia dan tidak membuat perancangan dan tidak mengetahui akan kawasan keseluruhannya di tempat mereka bertugas. Saya dapati antara punca masalah adalah kerana isu pembinaan paip bomba dilakukan oleh Lembaga Air. Manakala fungsi penggunaannya dilakukan oleh Jabatan bomba. Dengan itu mesti ada satu koordinasi yang efektif agar kedua-dua pihak terlibat dalam merancang semula secara menyeluruh semua keperluan Jabatan bomba ini.

Kedua, saya dapati di Ipoh lokasi stesen bomba tidak strategik. Ia terletak dekat Stadium Perak. Setiap kali bila kita menonton pertandingan bola sepak semasa kita balik, saya merasa bimbang. Kalaulah semasa kereta sedang keluar daripada kawasan stadium berlaku kebakaran, bagaimanakah kereta bomba hendak keluar dan pergi menyelamatkan sesebuah rumah. Saya difahamkan kalau rumah kayu, dalam 10 minit akan ranap. Tetapi fungsi bomba bukan untuk menyelamatkan rumah tersebut, tetapi untuk menahan daripada ia merebak ke rumah-rumah lain. Jikalau dalam masa yang lewat kereta bomba ini sampai, tentu api akan merebak ke kawasan lain.

Jadi, di sini saya ingin menarik perhatian daripada apa yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Batu Gajah, saya juga ingin mencatatkan protes saya apabila peruntukan sebanyak RM2.5 juta untuk kawasan saya berkongsi dengan Batu Gajah dipindahkan ke Gebeng, Pahang. Sedang kita membuat perancangan, kita mesyuarat dalam Jawatankuasa Pembangunan Daerah, pihak bomba telah mengenal pasti tanah, sedang buat penilaian harga tanah, tiba-tiba peruntukan ini di'hijack' ke tempat lain. Saya ingin menyatakan jikalau berlaku kebakaran di kawasan saya, saya akan menyalahkan pihak yang berkenaan kerana hendak tunggu kereta bomba daripada Stadium Perak, kalau dalam keadaan yang normal

tidak ada kesesakan lalu lintas, sekurang-kurangnya akan mengambil masa 40 minit. Tetapi dengan kesesakan lalu lintas, saya percaya akan memakan masa satu jam lebih.

Stesen bomba di Jelapang ini adalah untuk kegunaan salah satu tempatnya kawasan Manjoi, kawasan density penduduk yang paling padat di negara kita, ada lebih kurang 4,000 rumah papan keseluruhannya dan kalau berlaku kebakaran di situ saya akan menyalahkan pihak bomba dan ibu pejabat kerana memindahkan wang tersebut tanpa pengetahuan saya dan juga Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah.

Tuan Pengerusi, ketiga, tentang pasukan sukarela bomba ini, saya hendak bertanya dari segi keberkesanannya, adakah pasukan sukarela ini mereka betul-betul efektif kalau berlaku kebakaran. Saya ambil contoh katalah di Kuala Lumpur berlaku kebakaran, adakah pasukan sukarela ini dahulu sampai ataupun kereta bomba sampai, kemudian setelah semua selesai baru pasukan sukarela ini sampai. Kalau pasukan sukarela dahulu sampai maknanya dia efektif, kalau selepas itu ia tidak efektif. Kalau tidak efektif, mengapa kita hendak menekankan kepada pasukan sukarela.

Saya tidak nampak kegunaannya, hanya semata-mata kita sebagai leaders, kita hendak adakan pasukan sukarela, hendak tunjuk kita ada, pada saya itu tidak penting, tetapi saya hendak melihat dari segi kekesanannya kerana dalam banyak kebakaran yang melibatkan kawasan yang berhampiran dengan kawasan saya, saya belum pernah nampak pasukan sukarela yang sampai awal. Saya ingat lebih penting daripada itu, oleh kerana kereta bomba ini berat, jadi kalau hendak sampai ke tempat kebakaran itu lewat, kita cari alternatif dengan mengadakan kenderaan yang ringan ataupun menggunakan motosikal supaya pasukan bomba boleh sampai lebih awal lagi daripada kereta bomba. Dan oleh kerana kita ada paip bomba, mungkin hose dan sebagainya kita boleh simpan di lokai-lokasi yang bertaburan, kalau macam di Kuala Lumpur, di tempat-tempat tertentu ini ada, pasukan bomba yang bermotosikal ini boleh sampai awal, dia gunakan hose, dia cuba untuk memadam api sebelum menunggu kereta bomba untuk sampai.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan apa pentingnya pasukan sukarela ini dalam hendak menyelamatkan kebakaran kerana saya tahu sekarang cukup banyak pasukan sukarela seperti pertahanan awam ada, badan-badan yang lain juga ada, yang membuat kerja dan fungsi yang sama.

Akhirnya, berkaitan dengan La-Nina, saya dapati selain daripada usaha-usaha penyelamat menghadapi masalah La-Nina, selepas berlaku banjir kita memerlukan kerja-kerja untuk mencuci kawasan-kawasan yang terlibat dan saya dapati dalam pengalaman lalu, bila kita hendak mendapatkan khidmat daripada Jabatan Bomba ada birokrasi dan akhirnya bila hendak buat cucian dan sebagainya, kereta bomba tidak datang untuk membantu, kata pegawai bomba hendakkan kelulusan dari pihak atas dan sebagainya.

Saya ingat tentang soal La-Nina ini, kalau berlaku dan ia menyeluruh dan pada masa orang berhadapan dengan krisis, dia tidak terfikir hendak buat surat, minta kelulusan daripada bomba dan bomba hendak hantar ke pihak atasan, mengapa tidak kita daripada ibu pejabat, kita buat ‘blanket approval’ bermakna bila berlaku La-Nina, selepas itu hendak cuci, kerana ia baik dicuci semasa air sedang surut, bila sudah kering ia lebih susah lagi hendak cuci, kita beri ‘blanket approval’ mana-mana sahaja pihak yang memohon di peringkat bandar ataupun daerah, ia boleh memberi kelulusan kerana kuasa ada pada pihak berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** SibU.

**12.05 tgh.**

**Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana telah menerima anugerah dari T.Y.T. Negeri Sarawak pangkat ‘Datuk’ – tahniah, kerana dia kerja kuat! *[Ketawa]* Dia sangat layak!

Tuan Pengerusi, Maksud P.16 – Jabatan Bomba dan Penyelamat. Saya ingin bertanya stesen helikopter ditempatkan di mana, di Kuala Lumpur atau di negeri-negeri Semenanjung ataupun di Sabah, Sarawak. Kerana saya fikir kalau berlaku kebakaran hutan di mana banyak berlaku di negeri Sarawak dan Sabah, saya harapkan minimum satu stesen di Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, di dalam kawasan saya lebih kurang 100 buah rumah panjang, satu tahun kadang-kadang sebuah ke lima buah rumah panjang kena kebakaran, semasa kena kebakaran ia akan terbakar habis semua, burnt to the ground, dengan izin, kerana kekurangan alat pemadam api itu tidak begitu berkesan.

Saya ingin merayu kepada kerajaan bolehkah menimbangkan untuk memberi peruntukan membeli pam air mobile kepada setiap rumah panjang dan wujudkan satu team bomba sukarela kerana rumah panjang di Sarawak tidak dapat menerima perkhidmatan bomba dari lokasi di stesen di bandar iaitu pasukan sukarela bomba dan pam air mobile adalah sangat perlu untuk menentang kebakaran yang berlaku di rumah panjang.

Tambahan lagi bolehkah kementerian memberikan satu peraturan kerana di Sarawak rumah panjang kadang-kadang 40, 50 hingga 100 pintu sambung bersama di dalam sebuah rumah panjang iaitu tidak ada harapan kalau satu pintu kena kebakaran, semua akan habis iaitu bolehkah diwujudkan satu fire break, dengan izin, contohnya kalau rumah panjang ini terlalu panjang mungkin setiap sepuluh pintu untuk satu fire break, ini adalah satu cadangan saya, bolehkah ini diterima oleh kementerian?

Stesen bomba baru di Sibu ini kami sudah merayu beberapa kali di Dewan yang mulia ini, tetapi sampai sekarang masih belum ada hasil, saya mahu bertanya bilakah stesen bomba baru di Sibu akan dibina. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Seremban.  
**12.09 tgh.**

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan secara ringkas saya amat menyokong peruntukan tambahan yang telah diberikan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat. Sebenarnya, saya rasa jabatan ini memang merupakan satu jabatan yang amat penting kerana fungsi jabatan ini ialah merupakan untuk menyelamatkan nyawa, tetapi pada masa yang biasa tidak nampak penting cuma apabila sesuatu kebakaran berlaku dan nyawa hilang barulah bertanya mengapa bomba lewat sampai, mengapa alat-alat bomba tidak mencukupi dan sebagainya.

Oleh kerana itu saya memang menyokong supaya Jabatan Bomba dan Penyelamat ini dilengkapi dengan alat-alat yang canggih, saya memang amat bersetujulah. Walaupun, kita mengalami kegawatan ekonomi tetapi pada hemat saya peruntukan ini tidak patut kita kurangkan untuk memberikan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat ini. Dan saya juga ucapkan berbanyak terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Bomba di kawasan saya sebab setakat ini memang menjalankan tugas begitu baik dan memang mereka telah cuba sedaya upaya mereka untuk menjalankan tugasnya.

Apa yang ingin ditanya ialah bila agaknya bila balai bomba di kawasan Nilai akan dibina, sebenarnya saya telah beberapa kali sebut perkara ini dan nampaknya setakat ini belum ada apa-apa tindakan lagi. Saya pun pernah tanya di Pejabat Bomba Kuala Lumpur dan diberitahu bahawa projek ini telah diluluskan dan juga panggilan tender pun telah dibuat tetapi nampaknya projek ini masih belum bermula. Saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri kerana kawasan Nilai ini memang terdapat banyak kilang beroperasi di situ dan kebakaran kerap kali berlaku. Walaupun Jabatan Bomba telah berusaha untuk menasihatkan setiap kilang itu mesti mempunyai pasukan-pasukan sukarela tersendiri tetapi nampaknya langkah itu masih belum mencapai satu tahap prestasi, yang baik.

Oleh kerana itu saya minta perlulah cepatkan dan janganlah memberikan jawapan, ini kerana kegawatan ekonomi, saya setuju sebab peruntukan mesti diberikan, jangan ingat ini tidak penting. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri akan memastikan supaya projek ini dapat dijalankan dan kita tidak mahu lihat apabila nyawa hilang, harta hilang, barulah memberi jawapan, rakyat tertanya-tanya bila agaknya projek itu akan dimulakan. Sekian, banyak terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Kepong.

**12.13 tgh.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, Maksud P.16 ialah untuk membeli dua buah helikopter yang harganya berjumlah RM59 juta, sebuah helikopter harganya hampir RM30 juta daripada Russia dan walaupun Yang Berhormat Sibu minta

ditempatkan di Sibiu, saya nampak dengan harga helikopter yang begitu tinggi RM30 juta maka patut kita tempatkan di Kuala Lumpur sebab di Kuala Lumpur ada lebih banyak bangunan tinggi dan masalah yang lebih rumit.

Tuan Pengerusi, daripada peruntukan tambahan RM79 juta ini nampaknya bayar helikopter hampir RM59 juta dan baki hampir RM20 juta itu untuk kelengkapannya dan saya hendak menggunakan kesempatan ini untuk membangkitkan beberapa masalah yang bersabit dengan konsep kecepatan sebab saya nampak banyak yang hendak dicepatkan di Jabatan Bomba dan Penyelamat, yang pertama, dia adakan motosikal iaitu Rapid Response Approach (RRA) dengan kecepatan Honda NSR, 150 c.c. nampak cepat, saya harap semua dapat dicepatkan, sekarang dengan honda NSR ini. Dan pula dia hendak adakan Rapid Intervention Team (RIT), ini salah satu pasukan datang cepat ini ialah dengan dua buah helikopter sekarang yang akan digunakan untuk berbagai fungsi termasuk untuk mencegah kebakaran udara, untuk penyelamat di jalan-jalan dan kemalangan-kemalangan dan juga untuk membenih awan (cloud seeding) saya nampak tapi walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, yang pertama, bolehkah Yang Berhormat mengumumkan kos untuk membenih awan dalam tempoh El Nino, kerana semua perkataan La-Nina, El-Nino adalah perkataan bahasa Sepanyol, mula-mula dirasai di Amerika Latin dan apakah kos yang telah pun dibelanjakan untuk kerja membenih awan semasa El Nino dahulu dan sekarang dengan masalah banjir dan hujan yang lebih, pasukan bomba memang perlu memainkan peranan sama ada kebakaran itu kerana kering, itu musim tengkujuh atau musim kemarau, memang pasukan bomba memainkan peranan yang penting. Saya setuju juga dengan Yang Berhormat Seremban tadi bahawa kita mesti mengambil perhatian untuk mengadakan satu pasukan ataupun Jabatan Bomba dan Penyelamat yang lebih baik. Tuan Pengerusi, baru-baru ini ada satu peruntukan yang diluluskan ialah hampir RM115 juta tetapi nampaknya dengan dua buah helikopter, kita hampir-hampir habis peruntukan untuk projek-projek di dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat ini dan sebab itulah saya setuju kita mesti adakan lebih banyak kelengkapan, lebih banyak helikopter kerana dua buah pun tidak cukup, memang tidak cukup. Walaupun dari segi sejarah lebih dua puluh tahun yang lepas towering inferno yang serius, itu dengan Kompleks Cambell di Kuala Lumpur, selepas itu tidak adalah

kebakaran yang begitu dahsyat. Dengan bangunan mencakar langit, walaupun ada sekali sekala di Komtar, Pulau Pinang dan lain-lain tempat ada sedikit kebakaran tidak serius.

Walau bagaimanapun kelengkapan dan persediaan untuk menghadapi kebakaran di bangunan-bangunan mencakar langit ini tidak cukup bagi saya, tidak cukup. Malah latihan yang diadakan di Akademi Kuala Kubu Bahru pun, empat bulan tidak cukup juga untuk kadet-kadet dan sebagainya menghadapi masalah kebakaran bangunan tinggi dan juga kebakaran hutan sebab pengalaman bomba kita misalnya, di Sumatera, Indonesia menunjukkan walaupun ahli-ahli bomba kita bekerja dengan kuat, bertungkus-lumus untuk memadamkan kebakaran api di hutan tetapi kerana saya nampak pengalaman tidak cukup, bukan satu kepakaran kita, walaupun pihak kementerian mengatakan semua itu baik tapi saya nampak kelemahan-kelemahan.

Sebab itulah saya minta kementerian supaya kita meningkatkan lagi semua latihan Akademi di Kuala Kubu Bahru dan kita perlu mengadakan lebih ramai anggota untuk kerja, untuk perkhidmatan yang lebih baik lagi. Dan sebab itulah saya menyeru supaya satu kajian dibuat setakat mana pihak pasukan bomba dan penyelamat dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik untuk mencegah kebakaran di bangunan-bangunan tinggi dan juga kebakaran hutan kerana kita mesti adakan satu pasukan yang lebih canggih untuk menghadapi kebakaran di hutan sebab ini memerlukan satu kepakaran. Setakat ini pihak bomba tidak ada, walaupun kementerian kata dia mampu untuk mencegah segala kebakaran di hutan, bagi saya yang ada sekarang kepakaran itu tidak cukup, memang tidak cukup.

Bahkan juga kepakaran untuk mencegah kebakaran di bangunan pencakar langit pun tidak cukup walaupun jika dibandingkan dua puluh tahun lampau memang lebih baik, kelengkapan ada helikopter, masa dua puluh tahun yang lampau tidak ada helikopter dan ada kelengkapan-kelengkapan bomba yang lain, yang lebih canggih. Itu memang satu kemajuan. Walau bagaimanapun saya menyeru sekali lagi supaya kita kaji kemampuan dan keberkesanan pihak bomba untuk menghadapi cabaran-cabaran. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
**Mahiruddin]:** Bukit Mertajam, selepas ini kementerian akan menjawab.

**Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan maksud P.16 Jabatan Bomba dan Penyelamat, saya ingin menyokong peruntukan tambahan itu. Jabatan Bomba dan Penyelamat adalah satu jabatan yang sangat penting untuk menjaga harta benda dan nyawa rakyat tetapi di dalam masa di mana kebanyakan bandar mengalami keadaan kesesakan lalu lintas, kita selalu dapati kereta bomba yang besar itu tidak boleh lalu dan kadangkadangkang oleh kerana di dalam sebuah bandar ada terdapat lebih daripada 74 kawasan perumahan contohnya di bandar Bukit Mertajam kita hanya dapat dua buah kereta bomba. Jadi, dengan dua buah kereta bomba dan bilangan ahli bomba dan penyelamat yang terhad kita pun tidak tahu daya upaya yang dapat dilakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam masa-masa kecemasan. Oleh kerana itu saya ingin utarakan supaya Jabatan Bomba dan Penyelamat mempertimbangkan membina cawangan-cawangannya di kawasan-kawasan Bukit Tengah dan Macang Bubuk supaya di dalam kawasan Parlimen saya yang terdapat tiga kawasan ADUN supaya setiap kawasan ADUN itu mempunyai sebuah Jabatan Bomba yang kecil, supaya setiapnya mempunyai sebuah kereta untuk menghadapi kesulitan jikalau berlakunya kebakaran.

Perkara yang kedua, saya ingin menyentuh ialah berkaitan dengan pertubuhan badan sukarela seperti Bomba Sukarela di kawasan saya. Bomba Sukarela telah dimulakan di kawasan saya dan sebanyak 16 unit sudah ditubuhkan atas semangat kesukarelaan orang ramai. Dan kebanyakan pasukan itu ditempatkan di perkampungan-perkampungan baru di kawasan rumah-rumah setinggan di mana risiko kebakaran adalah tinggi sekali dan di mana kereta-kereta bomba dari Jabatan Bomba dan Penyelamat tidak boleh masuk kerana jalan di sana terlalu sempit. Saya ingin mengucapkan tahniah dan berterima kasih kerana

Jabatan tersebut telah membeli sebuah kereta bomba yang lama kepada 16 unit pasukan itu. Malangnya prosedur pelupusan kenderaan tersebut daripada Jabatan Bomba itu mengambil masa yang terlalu panjang. Sampai masa sekarang kenderaan tersebut masih belum dapat dipakai oleh unit tersebut oleh kerana Kementerian Kewangan belum mengeluarkan sijil pelupusan untuk kereta bomba yang lama itu. Dan Unit Bomba Sukarela yang kita dapat di Bukit Mertajam tidak apat didaftarkan kereta yang lama itu di bawah Unit Bomba Sukarela.

Satu sebab lagi, kereta bomba yang lama itu menggunakan sebuah enjin petrol yang sangat mahal untuk dijalankan dengan petrol. Sekali keluar mungkin menggunakan petrol sebanyak RM100 atau lebih. Ahli-ahli Bomba Sukarela ingin tukarkan enjin itu kepada bentuk enjin diesel supaya jimatkan duit untuk semua orang dan kalau belum dapat sijil pelupusan daripada Kementerian Kewangan atas kenderaan bomba yang lama itu, memang tidak dapat membuat apa-apa perubahan kepada kereta bomba yang lama itu. Saya berharap Jabatan Bomba dan Penyelamat khasnya daripada Pulau Pinang dapat mempercepatkan prosedur-prosedur pelupusan kereta bomba yang lama itu supaya kereta bomba itu boleh digunakan dengan berkesan oleh unit-unit pasukan Bomba Sukarela yang didapati di kawasan saya.

Selain dari itu, saya pun ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana sudah janji memberikan peruntukan alat-alat bagi pasukan tersebut. Tetapi, kita pun berharap juga selain daripada itu Jabatan Bomba dan Penyelamat dapat mempercepatkan pengeluaran kad-kad (pas) ahli-ahli bomba atas satu sebab yang sangat penting. Sering kali ahli-ahli bomba sukarela kami pergi ke tempat berlakunya kebakaran dengan kereta bomba yang sudah dipakai. Tetapi kadang-kadang mereka tidak dibenarkan masuk tanpa pas ahli Bomba Sukarela yang diiktiraf oleh Jabatan Bomba. Kami sedang uruskan proses pengeluaran kad atau pas ahli bomba sukarela daripada Jabatan Bomba dan

Penyelamat. Tetapi mengikut sepucuk surat daripada Jabatan tersebut kedudukan pass ahli bomba sukarela belum ditentukan oleh jabatan tersebut, masih menunggu keputusan daripada kementerian.

Jadi saya harap prosedur pentadbiran seperti itu tidak mengganggu keberkesanan badan-badan sukarela seperti Bomba Sukarela yang ingin memberi bantuan tetapi sering diganggu oleh kerana tidak ada pas ini tidak ada pas itu.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan terima kasih atas bantuan yang diberikan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat yang telah memberikan latihan peringkat pertama dan latihan peringkat kedua kepada lebih daripada 300 orang ahli-ahli bomba sukarela dan penyelamat di kawasan saya. Dengan latihan yang diberi itu saya yakin ahli-ahli itu boleh memberi bantuan bila berlaku kecemasan seperti kebakaran, banjir dan sebagainya. Baru-baru ini dengan ancaman La-Nina di Pulau Pinang ahli-ahli bomba sukarela dan penyelamat pun memainkan peranan dengan efektifnya dalam masalah membersihkan parit, membersihkan longkang dan membersihkan seluruh kawasan Bukit Mertajam. Saya rasa atas semua kerja yang mereka sudah buat secara komuniti, saya berharap kementerian dan khasnya Jabatan Bomba dan penyelamat boleh memberikan segala bantuan dan sokongan yang dapat untuk memberikan sokongan yang seratus peratus kepada pasukan badan Bomba Sukarela kawasan Bukit Mertajam khasnya dan amnya untuk semua Unit Bomba Sukarela di Malaysia ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui] :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana ramai Ahli Yang Berhormat, kalau tidak silap 12 orang Ahli Yang Berhormat telah bertanya tentang peruntukan

yang diagihkan kepada kementerian melalui Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Secara amnya Tuan Yang di Pertua, saya hendak menjawab tentang dua buah helikopter yang dibeli oleh kerajaan.

Helikopter ini adalah selaras dengan tujuan jabatan ini untuk mewujudkan air wing bagi jabatan ini supaya anggota jabatan ini boleh bergerak dengan cepat dalam menangani masalah kebakaran, kebakaran bangunan dan kebakaran hutan. Dua buah helikopter ini - satu adalah helikopter terpakai atau second hand dan satu adalah baru. Jumlah kos nya bagi dua buah helikopter ini lebih RM59 juta sebab ini belum ditentukan seluruhnya kerana kita ambil kira alat-alat gantian yang perlu kita beli daripada pembekal ini dan kita anggapkan jumlah yang akan dibelanjakan tidak melebihi RM60 juta untuk mendapatkan dua buah helikopter dan alat-alat gantian. Kita juga perlu menyediakan lain-lain alat bagi helikopter ini kerana helokopter ini perlu kita gunakan untuk maksud 'melawan' kebakaran dan juga menggunakan helikopter ini untuk menangani masalah kebakaran hutan dan juga lain-lain kegunaan seperti mengangkut anggota-anggota dengan cepat.

Dan alat-alat khas yang digunakan oleh helikopter ini adalah termasuk sistem avionic dan navigasi, ciri-ciri keselamatan dan juga kita akan menggunakan alat yang kita boleh menggunakan special nozzle yang kita sediakan dari helikopter itu supaya helikopter itu apabila ia terbang dia juga boleh pancut air ke tempat-tempat yang terbakar dan semua ini akan kita sediakan dan buat masa sekarang dua helikopter ini masih diletakkan di TUDM Subang - AIROD dan apabila helikopter ini sudah dilengkapi dengan alat-alatnya maka helikopter ini akan diletakkan di TUDM Sungai Besi supaya helikopter ini boleh digunakan untuk maksud-maksudnya.

Kita berharap dua helikopter ini akan menjadi asas bagi air wing Jabatan Bomba dan Penyelamat dan ini juga memberikan satu peluang untuk anggota-

anggota bomba ini mendapat latihan yang diperlukan bagi ‘melawan’ kebakaran seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong tadi iaitu high rise building dengan izin, dan juga kebakaran hutan di mana-mana tempat seluruh negara. Dan latihan-latihan ini juga akan membina satu keupayaan yang belum ada buat masa sekarang kerana kita maklumlah anggota-anggota bomba setakat ini masih menggunakan kereta-kereta bomba sahaja dan belum menggunakan helikopter atau fixed wing plane dengan izin, untuk usaha-usaha dalam mencegah kebakaran. Ya, sila.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Kalau Datuk kata seluruh negara termasuk Sabah, jauh sangat ia nak terbang. Saya ingat kapasiti helikopter tidak boleh sampai minyaknya. Saya hendak tanya kerana ramai kawan kata RM59 juta untuk satu helikopter baru dan satu second hand ini terlalu mahal. Itu yang pertama. Keduanya berapa besarkah helikopter ini, daripada mana kita dapat dan kenapa mahal sangat dan kalau kita beli sebelum kegawatan ekonomi bermakna exchange rate sudah turun ataupun selepas keadaan mata wang kita telah sudah pulih. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, helikopter ini adalah jenis MI1715. Ini dibuat oleh Russia dan sebenarnya kemampuan adalah lebih sebab ia ada dua enjin. Satu main engine dan satu auxilliary engin dan helikopter ini mampu untuk maksimum take off gross weight ialah 13,000 kilogram dan mampu membawa kargo maksimum 4,000 kilogram di dalam kabin atau secara external cargo sling dan helikopter ini juga boleh membawa 30 anggota lengkap peralatan combat dengan tempat duduk susunan para dan berkeupayaan mengangkut secara hoisting dua orang dengan berat maksimum 300 kilogram menggunakan electrical winch dan besarnya hampir sama dengan jenis Nuri yang digunakan oleh TUDM sekarang dan kita anggapkan

helikopter ini lebih sebagai work horse dengan izin, sebab ia mampu angkut barang-barang yang berat dan kemampuan kapasitasnya juga lebih daripada Nuri.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Bomba Sukarela ini, ramai Ahli Yang Berhormat pun yang berminat dan saya rasa inilah sesuatu yang kita hendak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana pasukan Bomba Sukarela adalah satu jenis gerakan bagi orang ramai dan kita haraplah sebab dalam kementerian ini kita pun sudah mengadakan satu kajian terhadap keberkesanan gerakan Bomba Sukarela ini dan sebenarnya kita sudah hampir satu tahap di mana kita hendak launch semula, satu, dan sebab kita tidak ada cukup kewangan tahun ini, maka kita tidak menjalankan majlis relaunching, dengan izin, Bomba Sukarela ini. Tetapi saya sudah tentukan dalam awal tahun hadapan, kita akan lebih sedikit kewangan untuk mengadakan majlis relaunching ini dan kita haraplah boleh umumkan kepada semua ciri-ciri baru bagi Bomba Sukarela ini supaya Unit Bomba Sukarela ini boleh ditubuhkan dilebih banyak kawasan seperti yang diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Kita harap boleh sampai ke daerah-daerah dan kalau dapat juga kepada kampung-kampung dan kawasan-kawasan di mana ada kawasan perumahan yang lebih padat lagi seperti perumahan kos rendah dan yang juga disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, kita juga ingin hendak membekalkan kepada setiap anggota bomba ini dengan alat-alat yang sesuai bagi gerakan mereka.

Ini termasuk juga satu perkara yang dihuraikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan tadi mengenai insurans. Kita juga ambil kira kerana ahli-ahli bomba ini apabila mereka bergerak, mereka juga menghadapi sedikit risiko dalam menjalankan tugas. Kita harap juga dapat mengadakan satu insurans yang sesuai terhadap risiko yang mereka hadapi. Saya tidak dapat janji kita boleh menubuhkan satu pasukan bagi setiap kampung atau setiap rumah panjang yang

disebutkan oleh Batang Lupar dan Sibu tadi, tetapi kita akan berusaha untuk menubuhkan lebih banyak lagi Pasukan Bomba Sukarela.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam peruntukan yang kita minta kali ini sebenarnya RM400 ribu telah disediakan untuk membeli pam angkut di mana kita akan membekalkan pam-pam angkut ini kepada pasukan-pasukan Bomba Sukarela yang sedia ada. Ini kita sudah menawarkan tender bagi pembekal dan kita haraplah tidak lama lagi pam ini boleh dapati dan kita akan salurkan pam ini kepada pasukan-pasukan yang layak untuk diberikan. Bagi kawasan Bukit Mertajam, saya ingin ucapkan tahniah kerana kita tahulah kawasan Bukit Mertajam ini adalah salah satu kawasan di mana Yang Berhormat berkenaan telah ambil perhatian yang berat dalam usaha Bomba Sukarela ini dan oleh sebab usaha beliau dan juga lain-lain orang di dalam kawasan itu, kita dapat 16 unit Bomba Sukarela. Saya rasa ini yang terbesar, kalau kita hendak kira unit di dalam satu kawasan Parlimen dan kita cuba menyediakan lebih banyak alat lagi. Saya masih ingat, saya ada janji sikit alat-alat kepada pasukan itu, saya akan cubalah dengan masa tidak lama lagi supaya kita dapat membekalkan alat-alat baru. Ya, sila.

**Tuan Jimmy Donald:** Terima kasih. Saya merujuk kepada pasukan sukarela ini, saya ingin tahu sama ada pasukan sukarela ini telah ditubuhkan di pedalaman Sarawak dan sama ada kempen kesedaran tentang pasukan sukarela ini telah dijalankan dan saya juga merujuk dan minta penjelasan tentang pertanyaan ahli dari Sibu tadi tentang kebakaran yang sering berlaku di rumah panjang dan sama ada kementerian ingin membekalkan alat pemadam api dan kalaulah membekalkan sama ada ada rancangan untuk menentukan pemadam api ini masih boleh digunakan selepas beberapa tahun kerana apabila kebakaran mereka hendak gunakan ternyata sudah tidak dapat berfungsi lagi. Jadi, sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Saya rasa soalan itu saya sudah jawab dalam sesi Jawap Lisan dalam Dewan yang mulia ini mengenai sama ada kita boleh

membekalkan alat-alat pemadam api kepada rumah-rumah panjang atau kampung-kampung. Minta maaf Yang Berhormat, kementerian tidak mampu untuk membekalkan alat-alat pemadam api ini kepada sesuatu kampung atau rumah panjang tetapi kalau sesuatu kampung atau rumah panjang itu boleh menubuhkan satu pasukan Bomba Sukarela maka kita akan mendaftarkan pasukan bomba sukarela ini dan seperti yang saya sebut tadi, kita akan cubalah dengan peruntukan yang kita sedia ada untuk membekalkan alat-alat pemadam api seperti pam angkut kepada pasukan ini supaya pasukan ini boleh jaga kampung atau rumah panjang yang berkenaan. Inilah kita hendak gunakan skim atau gerakan ini supaya kita ada pasukan-pasukan yang bertanggungjawab di dalam satu kampung atau satu rumah panjang supaya kalau ada kebakaran berlaku, ada orang yang bertanggungjawab, ada orang yang layak atau keupayaan dari segi pengalaman atau latihan, ada keupayaan untuk mengambil tindakan sesuatu untuk mencegah kebakaran itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sekarang ini kita mempunyai 13,191 orang anggota bomba sukarela di seluruh negara dan ini memang tidak cukup dan kita berharap ini akan bertambah sekali ganda lagi iaitu sampai 2,600 orang pada tahun hadapan supaya lebih lagi pasukan ini akan diadakan dan mereka ini kalau pun tidak mengambil tindakan di dalam mencegah kebakaran mereka boleh bergerak sebagai wakil-wakil daripada jabatan untuk memberi sedikit sebanyak penjelasan atau latihan kepada orang ramai di dalam kawasan-kawasan mereka berada. Ini sedikit sebanyak akan meningkatkan kesedaran umum terhadap betapa bahayanya kebakaran.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya ingin menyentuh tentang balai-balai bomba yang disebutkan oleh ramai juga Ahli Yang Berhormat tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ke-7 ini kita telah diberi peruntukan untuk membina sebanyak 19 buah balai bomba di seluruh negara dan ini termasuk Sarawak dan Sabah. Saya tidak ada list sepenuhnya tentang setiap balai bomba yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi saya ingin menjawab sedikit sebanyak tentang masalah balai bomba di Jelapang. Masalah tapak masih belum ditetapkan di Jelapang menyebabkan

peruntukan dipindahkan kepada lain-lain kawasan di mana tapak sudah disediakan tetapi saya ingin memberi jaminan di sini projek ini tidak dibatalkan. Apabila masalah tapak selesai ianya akan diteruskan semula, ini bukan bermakna kita tidak ingin membina satu balai bomba di Jelapang, memang kita berhasrat untuk meneruskannya tetapi masalah tapak ini kita tidak boleh secara langsung dari kementerian ini untuk menyelesaikannya sebab kita tumpukan kepada pihak kerajaan negeri supaya pihak kerajaan negeri boleh memastikan di mana tapak itu. Ini juga dikaitkan dengan satu masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai kawasan yang tidak sesuai atau kawasan di mana stesen itu diletak di kawasan lalu lintas yang tidak cukup besar dan selalu sesak. Saya hendak jelaskan di sini pihak kementerian walaupun kita minta daripada kerajaan negeri supaya boleh menyediakan tapak-tapak balai bomba, kita tidak dapat memberi arahan kepada negeri supaya tapak itu yang kita hendak sebab kita tidak ada kuasa, memang pihak negeri yang menentukan, misalnya kita minta tapak A tidak dapat, mereka beri B, C, atau D maka tapak B,C,D itu tidak berapa sesuai dari segi lalu lintas dan sebagainya tetapi apa boleh buat kerana kita hanya dapat tapak itu sahaja. Kalau hendak membina balai bomba di sana kita perlulah menerima tawaran daripada pihak negeri dan itulah yang menyebabkan kadang kala, bukanlah saya sebut di sini negeri-negeri ini tidak bekerjasama dengan pihak kementerian, kadang kala ada masalah ini yang berlaku tetapi pada keseluruhannya kita bekerjasama dengan pihak negeri adalah baik sebab kerajaan negeri juga ingin melihat balai bomba dibina dengan lebih banyak lagi di dalam kawasan mereka.

**Tuan Yeong Chee Wah:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri kerana telah memberi satu jaminan bahawa projek ini tidak dibatalkan. Tetapi saya bimbang walaupun tapak itu telah selesai tetapi duit tidak ada, bagaimana? Saya berharap Timbalan Menteri boleh berjanji di sini apabila saya dan Yang Berhormat dari Tambun bersama-sama menolong kementerian untuk mendapat satu tapak di kawasan Jelapang, mesti ada jaminan untuk membina satu balai bomba di sana, janganlah tunggu sehingga RMK-8, RMK-9 dan RMK-10. Saya minta janji ditepati, untuk mendapatkan satu tapak ini adalah berhubung kait dengan Pejabat Tanah dan kementerian, janganlah menggunakannya untuk menyeksa orang ramai. Oleh

kerana untuk mendapat satu tanah kita bersama-sama di dalam satu kerajaan, kita mesti boleh berbincang dengan kerajaan negeri untuk mendapatkan satu tapak yang sesuai. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Kita harap perkara ini boleh diselesaikan dan apabila perkara itu telah diselesaikan saya boleh jelaskan iaitu walaupun kita menggunakan kewangan itu untuk membina balai bomba di lain-lain tempat tetapi projek ini masih di dalam list kita. Apabila kita sudah mendapat kewangan daripada pihak Kementerian Kewangan, kita akan meneruskan projek itu. Masalah kewangan itu saya tidak dapat jaminkan di sini tetapi kita boleh memberikan jaminan projek itu mesti dijalankan apabila kita mendapat peruntukan yang sesuai untuk projek itu.

**Tuan Noh bin Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tentang masalah tapak untuk membina balai bomba. Di dalam penerangan tadi, di dalam RMK-7 hanya 9 balai bomba sahaja akan dilaksanakan. Seperti di kawasan saya, di Sekinchan, tapak sudah lama ada tetapi tidak termasuk di dalam senarai RMK-7, jadi apakah jaminan pihak kementerian bagi memastikan tapak yang sudah lama ini tidak hilang? Apakah jaminan kementerian untuk memastikan balai bomba di Sekinchan ini akan dilaksanakan kerana kebakaran kerap berlaku di kawasan saya sekarang ini.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Itu satu soalan yang bagus sebab kita pun tidak mahu apabila tapak itu sudah ada, negeri sudah pastikan, apabila kita hendak bina, tapak itu sudah hilang, diambil alih oleh lain-lain kementerian atau lain-lain kegunaan. Oleh sebab itu kita cubalah dari segi menyediakan peruntukan yang mencukupi itu, kita akan gunakan sebahagian kewangan ini untuk membeli tapak dahulu, dengan izin, we will buy the land first. Apabila kita tunggu ada duit untuk membina balai itu baru kita teruskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan untuk sidang sebelah pagi sudah cukup nanti sambung sebelah petang.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**2.30 ptg.**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila sambung.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan pengerusi, hanya dua, tiga perkara saja saya hendak beri penjelasan atas pertanyaan Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat dari Seremban ingin tahu sama ada Balai Bomba Nilai akan dibina. Saya ingin jelaskan di sini, projek ini memang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Pada masa ini proses mengenal pasti tapak yang sesuai untuk pembinaan balai tersebut sedang dijalankan dan apabila tapak itu diperolehi, projek ini akan diteruskan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Sibu untuk mengadakan satu reka bentuk bagi rumah panjang, reka bentuk ini termasuk satu fire break, dengan izin, saya rasa cadangan ini sesuai dan kita boleh laksana jikalau pelan untuk rumah panjang itu diluluskan oleh Jabatan Bomba atau disemak oleh pihak Jabatan Bomba dan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat boleh mengadakan satu kaedah termasuk kelulusan bagi pelan tersebut supaya ada satu fire break bagi rumah tersebut.

Akhir sekali mengenai perolehan bot yang ditanya oleh Batu Gajah, ingin saya jelaskan di sini, kementerian sedang dalam proses pembelian 110 unit bot bomba termasuk 30 unit rubber dingy dan 80 unit bot aluminium untuk menjalankan tugas-tugas mereka khasnya dalam masa menghadapi La-Nina atau fenomena La-Nina. Tuan Pengerusi, saya rasa itu saja yang saya adakan dalam

masa sekarang, jikalau ada yang saya tidak jawab di sini, saya ingin memastikan pihak pegawai saya sudah tentu ada mencatatkan cadangan atau masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, dan kita akan ambil tindakan sewajarnya.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM79,070,000 untuk Maksud P.16 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1998 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM79.070.000 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2) 1998.

**Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan (Tamb)(Bil.2) 1998] -**

**Tuan Pengerusi:** Masalah ialah bahawa perbelanjaan di bawah Maksud p.25, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1998, di bawah Kementerian Pertahanan, sekarang terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM574,020,100 untuk maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1998 di bawah Kementerian Pertahanan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM574,020,100 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1998.

**Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1998] –**

**Tuan Pengerusi:** Masalah ialah bahawa perbelanjaan di bawah Maksud P.26, di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Ya, Bintulu

**2.38 ptg.**

**Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 00201, 00203, 00800 dan 00901, sekolah-sekolah menengah di Bintulu dan saya ingin mengucapkan syabas kepada kementerian kerana siap membina SMK Kidurong dengan konsep sekolah yang baru, konsep baru, tunggal, di Sarawak. Para pelajar telah berpindah masuk sejak Februari tahun ini tetapi malangnya rumah-rumah guru tidak terdapat di situ. Ini telah menimbulkan kesusahan kepada guru-guru dan keluarga mereka. Saya faham kementerian telah ambil perhatian dalam hal ini dan saya berharap kementerian akan membina rumah-rumah guru secepat mungkin.

Saya juga difahamkan terdapat kekurangan rumah-rumah guru untuk sekolah-sekolah lain di Bintulu dan pegawai pendidikan. Bilakah rumah-rumah mereka akan siap dibina supaya mereka dapat ditempatkan pada tempat yang tetap. Saya ingin menegaskan juga keperluan pembinaan sebuah sekolah menengah di Jepak yang terletak di seberang Sungai Keminar di sebelah Bandar Bintulu. Setiap hari para pelajar memberanikan diri melayari Kuala Sungai Keminar dengan motobot kecil pergi ke sekolah yang terletak di seberang sungai. Dari situ mereka terpaksa mengambil pengangkutan lain untuk sampai ke sekolah yang agak jauh. Keadaan bertambah teruk semasa musim hujan. Itulah hasrat penduduk Kampung Jebak supaya dibina sebuah sekolah menengah di sana kerana sekolah tersebut bukan sahaja untuk menempatkan anak mereka tetapi juga untuk menempatkan anak-anak dari 20 rumah panjang berhampiran. Pada masa ini terdapat hanya sebuah sekolah rendah kerajaan Kampung Jepak di Jepak.

Satu perkara lagi ialah blok-blok bangunan asrama SMK Sebauh yang musnah terbakar. Saya difahamkan bahawa peruntukan ada untuk projek tersebut untuk membina 4 blok asrama.

Oleh itu saya harap projek pembinaan asrama baru dapat dibina secepat mungkin meskipun ekonomi merosot sekarang kerana para pelajar telah menumpang sementara selama lebih satu tahun.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai permintaan lebih separuh dari sekolah-sekolah rendah di Bintulu supaya kementerian mengarahkan peruntukan untuk membaiki bangunan sekolah yang rosak, membina bangunan tambahan, memperbaiki dan menyenggara rumah-rumah guru dan perabot, asrama pelajar dan lain-lain. Permintaan ini sudah lama wujud dan masing-masing sekolah menunggu peruntukan dan memohon supaya kerja-kerja dimulakan. Sudah lama sekolah-sekolah luar bandar ini mengalami kerosakan. Saya rasa adalah wajar pihak kementerian dapat membantu menyegerakan permohonan ini untuk *allocation*, dengan izin, disalurkan ke sekolah-sekolah berkenaan. Saya berharap pada musim La Nina ini kementerian akan menyediakan contingency fund untuk menghadapi kecemasan banjir yang akan dibawa oleh La Nina. Fenomena ini akan merosakkan banyak kemudahan sekolah rendah di luar bandar kerana kebanyakan sekolah-sekolah di luar bandar dibina dengan bahan-bahan pembinaan ringan (*light-building material*) dengan izin. Baru-baru ini sebahagian blok tandas di SRK Kebulu, Sungai Jelalong telah pun dihancurkan kerana hujan lebat, tetapi permohonan wang untuk membaikinya masih belum didapati. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Sibü.

#### **2.43 ptg.**

**Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibü]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit tentang Butiran Projek 00201 Menengah Akademik. Saya ingin mengucap syabas kepada kementerian kerana memberikan peruntukan RM10 juta untuk membina sekolah-sekolah menengah tetapi sini saya ingin tanya bila ada rancangan untuk membina satu SMK di Sibü Jaya. Tuan Pengerusi, ini kerana Sibü Jaya ialah satu perumahan estet yang baru dijangka akan dibina kalau siap unit rumah ialah 8,000 unit rumah kos rendah dan lain-lain, iaitu sampai sekarang tidak ada satu sekolah, sampai sekarang telah bina 2,000 buah rumah dan kurang lebih 1,000 keluarga telah tinggal di

Sibu Jaya sekarang iaitu kawasan ini sangat perlulah kerajaan beri perhatian untuk membina SMK dan juga SRK.

Tentang Butiran 00203 ini RM20,000,800 kepada membina sekolah menengah berasrama penuh. Saya ingin tanya dari Timbalan Menteri ini berapa peruntukan ini akan di berikan kepada negeri Sarawak dan di kawasan mana termasuk kawasan Sibu dan kawasan Bukit Mas.

Butiran 00800 Rumah-rumah Guru Luar Bandar, ini sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan kerana rumah-rumah untuk guru-guru luar bandar sangat perlulah khasnya di Sarawak kerana banyak sekolah di luar bandar kemudahan untuk kediaman guru-guru tidak mencukupi, saya telah menerima beberapa aduan khasnya guru-guru wanita kalau dikehendaki mengajar di luar bandar mereka ini tidak dapat tinggal di rumah-rumah yang sesuai di kawasan sekolah tertentu. Saya pun ingin tanya ini hanya RM272,900 yakni di antara itu berapa untuk Sarawak dan di kawasan mana di Sarawak. Untuk Sibu berapa peruntukan bagi asrama jikalau ada. Bagi Butiran 00901 samalah, saya ingin tahu RM10 juta ini berapa untuk Sarawak dan di kawasan mana. Sekian, terima kasih.

#### **2.46 ptg.**

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]:** Tuan Pengerusi, terima kasih, saya ingin juga mengambil bahagian dengan cara ringkasnya berkenaan dengan Maksud P.26 di bawah Kementerian Pendidikan. Mengenai Butiran 00203 iaitu berkenaan dengan Sekolah Menengah Berasrama Penuh dan juga Butiran 00800 berkenaan dengan Rumah-rumah Guru Di Luar Bandar. Jadi saya hendak bincangkan kedua-dua butiran itu dengan sekaligus.

Tuan Pengerusi, kebanyakan rumah-rumah guru berasrama penuh di kawasan luar bandar di Sarawak masih belum cukup kemudahan misalnya lebih lagi rumah guru yang berada di luar bandar di mana rumah guru itu tidak lengkap dan tidak cukup misalnya di kawasan saya Selangau, rumah guru itu di Sekolah Rendah Kemena, Balingian dan juga rumah guru berasrama penuh di Sekolah Rendah Nanga Muput Anap. Baru-baru ini saya telah melawat dua buah sekolah menengah dan rendah itu berasrama penuh itu di mana di satu tempat rumah asrama penuh bagi murid-murid misalnya di SK Sungai Palugau telah

runtuh dan juga bukan sahaja rumah guru tidak cukup, malahan dewan makan dan sebagainya.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan mengenai tambahan peruntukan sebanyak RM20 juta berapa akan diagih kepada negeri Sarawak terutama sekali untuk membaik pulih atau membina sekolah baru bagi sekolah-sekolah berasrama penuh atau sekolah-sekolah di luar bandar dan juga tambahan sebanyak RM272 juta berkenaan dengan pembinaan sekolah-sekolah rendah di luar bandar. Saya ingin juga bertanya berapa peruntukan telah dibekalkan bagi sekolah-sekolah di luar bandar dan juga saya ingin menjelaskan di sini bahawa tentang membaik pulih bagi rumah-rumah sekolah atau rumah guru di luar bandar tempoh hari atau tahun-tahun kebelakangan ini tidak berapa memuaskan, di mana pihak kontraktor diberi tender tetapi adalah didapati beberapa buah sekolah rendah yang diberi kepada kontraktor itu terbengkalai. Jadi kalau dapat Kementerian Pendidikan menguruskan dalam bentuk outright grant kepada PIBG supaya PIBG itu dapat membuat secara gotong-royong supaya wang itu diperbelanjakan lebih baik lagi daripada memberi kontraktor yang tidak begitu bertanggungjawab.

Saya telah melawat dua buah sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Sungai Bawang Balingian di daerah Mukah dan juga Sekolah Rendah Menengah Belugau Balingian di daerah Mukah di mana dua buah asrama penuh telah terbengkalai. Sesetengah daripada rumah itu siap tetapi sesetengahnya ditinggal begitu sahaja. Jadi, saya mencadangkan kalau boleh peruntukan yang diberi kepada kementerian disalurkan kepada PIBG supaya PIBG itu dapat menggunakan wang itu dengan baik untuk membina sekolah tersebut.

Di Sekolah Menengah Kerajaan Sungai Tepus di mana blok asrama bagi murid perempuan yang tidak cukup. Tempoh hari dalam pelan atau dalam rancangannya, blok rumah asrama bagi perempuan itu ada tetapi bila sudah siap, pihak kontraktor tidak membuat mengikut pelan dan saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan mengapakah blok asrama bagi perempuan di Sekolah Menengah Kerajaan Sungai Tepus itu tidak dibina. Sama ada peruntukan itu tidak cukup atau tidak ada. Jadi, kalau boleh saya minta Kementerian Pendidikan dengan peruntukan tambahan ini untuk membina semula mengikut pelan-pelan yang dibuat tempoh hari.

Jadi, dengan kata-kata yang demikian, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana memberi sedikit sebanyak peluang untuk menjelaskan beberapa masalah yang ada terutamanya di kawasan saya Selangau.

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bagan.

**2.53 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini membangkitkan satu masalah berkenaan dengan pendidikan. Tidak dinafikan bahawa industri pendidikan negara kita telah menarik minat penuntut-penuntut dari negara asing - negara jiran kita Indonesia, khasnya oleh kerana ada rusuhan, maka ramai ibu bapa berminat menghantar anak-anak mereka ke negara kita untuk melanjutkan pendidikan.

Satu masalah yang mereka hadapi adalah visa iaitu tempoh tinggal di negara kita. Kini mereka hanya diberi satu bulan untuk tinggal di negara kita dan apabila habis tempoh itu mereka kena keluar dari negara kita dan balik ke negara kita beberapa hari kemudian. Ini telah membangkitkan masalah kepada mereka.

Saya sedar bahawa kuasa memberi tempoh tinggal adalah di bawah Imigresen tetapi kerana ini ada bersangkutan-paut dengan pendidikan, maka saya menyeru pihak berkenaan boleh berbincang atau menjalankan semangat bertanggungjawab bersama (collective responsibility) untuk membincangkan hal ini supaya memberi tempoh tinggal kepada murid-murid negara asing satu masa yang lebih panjang supaya mereka tidak perlu pergi balik ke negara asal mereka dalam masa-masa yang mereka menuntut di negara kita ini.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Bandau.

**2.54 ptg.**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk terus kepada Butiran 00800 – Rumah-rumah Guru Luar Bandar dan 00901 iaitu Asrama Biasa dan seterusnya 04200 - Universiti Malaysia Sabah.

Berkaitan dengan 00800 dan 00901 di mana peruntukan-peruntukan telah pun ditetapkan bagi pembinaan rumah-rumah guru di luar bandar sejumlah RM272,900 dan asrama biasa berjumlah RM10 juta. Dalam ucapan peringkat dasar kelmarin saya telah menyentuh masalah berkaitan dengan SK Mangandai, saya berharap pihak kementerian boleh memberi ulasan dalam perkara ini kerana pada hari kelmarin tidak juga diulas oleh pihak Timbalan Menteri dalam Kementerian Kewangan iaitu di mana sekolah yang saya katakan tadi iaitu SK Mangandai telah pun diambil alih oleh Jabatan Pendidikan tiga bulan yang lalu.

Pada mulanya sekolah dibuat oleh NGO iaitu Persatuan Wartawan Sabah bersama dengan Guinness Stout Challenged Award Panel dan setakat ini empat guru di sana. Saya telah pun melawat minggu lalu dan guru bahasanya ditukar tinggal 3 lagi guru di sana, satu belum lapor untuk bertugas dan seperti mana saya katakan tadi, dalam keadaan yang amat memerlukan – 50 orang budak-budak sekolah tidak ada uniform. Jadi, saya merayulah di bawah Tajuk Asrama Biasa ini dan juga guru-guru luar bandar supaya sekolah ini diberi perhatian yang wajar demi untuk mencapai matlamat dasar pendidikan negara mengurangkan jurang di antara keadaan di luar bandar dan di bandar.

Seperti mana saya katakan tadi, sebut secara permulaan perlu RM200,000 boleh membina bangunan baru untuk kelas kerana dua bilik yang dibuat oleh pihak kampung itu tidak mencukupi dan juga pada masa yang sama guru-guru di sana itu tinggal di balai raya. Jadi, perlu peruntukan RM50,000 pun mencukupi untuk membuat rumah guru yang sederhana dan yang lain itu untuk – barangkali RM25,000 itu untuk asrama kanak-kanak kita. 200 berdaftar, 50 sahaja yang hadir kerana tidak ada tempat tinggal di tempat itu dan saya merayu kepada pihak kementerian di dalam Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua ini supaya ini diberi perhatian.

Seterusnya dalam perkara ini saya ada tekankan, Barisan Nasional telah menjanjikan supaya sebelum tahun 2000 tidak ada buta huruf di negeri Sabah. Ertinya yang tua-tua tidak ada gigi semua itu pun boleh membaca sebelum tahun 2000 tetapi kanak-kanak kita pun kita tidak boleh bekal apa yang asas dan hak mereka. Jadi, saya merayu sekali lagi ini diberi perhatian dengan sewajarnya.

Seterusnya di bawah Butiran 04200 – Universiti Malaysia Sabah. Saya ingin meminta beberapa penjelasan, kalau kira di sini setakat jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan, bererti tahun ini RM540 juta dan pada tahun 1995 RM1 juta telah pun dikeluarkan. Saya ingin bertanya berapakah jumlah keseluruhan telah dikeluarkan untuk projek ini memandangkan tidak ada catatan bagi tahun 1996.

Seterusnya inginlah saya bertanya apakah tahap persiapan projek tersebut. Apakah jenis bangunan yang telah pun disiapkan dan apakah kadar pembangunan sekarang ini tepat kepada jadualnya sebab kalau lihat secara mata sahaja belum banyak yang kelihatan telah pun siap. Jadi, kita ingin tanya jumlah peruntukan yang telah pun dikeluarkan, adakah memuaskan. Prestasi perjalanan projek adakah tepat kepada jadualnya dan seterusnya adakah jumlah peruntukan keseluruhan projek in telah dikurangkan berdasarkan keadaan ekonomi negara ataupun bagaimana.

Akhirnya saya ingin meminta penjelasan bilakah kampus ini akan mula digunakan sepenuhnya oleh Universiti Malaysia Sabah ini. Saya rasa persoalan-persoalan pokok ini sangat penting kerana anggaran dahulu ialah bahawa dalam dua atau tiga tahun, boleh pindah daripada kampus Menggatal ke kampus yang baru itu. Jadi, kita minta penjelasan pihak-pihak tertentu supaya melihat prestasi dan perjalanan projek keseluruhan.

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sipitang.

**3.00 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyokong penuh Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi Maksud P.26. Walaupun kegawatan ekonomi tetapi saya rasa perbelanjaan untuk pendidikan ini begitu penting dan tidak boleh dikompromi kerana ianya merupakan keperluan asas.

Tuan Pengerusi, saya ingin membincangkan sedikit mengenai dengan Menengah Akademik di bawah Butiran 00201. Setakat ini kerajaan memang berhasrat untuk membina beberapa buah sekolah menengah terutama sekali Sekolah Bestari. Setakat ini berapa buahkah Sekolah Bestari yang sudah beroperasi dan

berapa buah lagikah yang akan dilaksanakan pada tahun ini? Pada keseluruhannya untuk beberapa tahun ini berapa buahkah di bawah rancangan kerajaan untuk dilaksanakan?

Tuan Pengerusi, di kawasan saya ada sebuah iaitu Sekolah Menengah Pengiran Omar yang telah pun diisytiharkan Sekolah Bestari tetapi setakat ini belum ada tanda-tanda untuk menggerak ke arah itu. Jadi saya mohon daripada Kementerian Pendidikan supaya lebih cergas untuk pelaksanaan program ini.

Tuan Pengerusi, perkara kedua mengenai sekolah-sekolah menengah ini kemudahan-kemudahan asas – kita merasa kesal juga apabila sekolah ini dibuat ia tidak seperti kebanyakan sekolah di luar bandar khususnya di kawasan saya iaitu Sekolah Menengah Padang Berempah di Parlimen Sipitang. Sebuah sekolah yang mempunyai penuntut lebih kurang 700 orang dengan tidak ada kemudahan asas seperti padang permainan yang merupakan perkara ‘basic’, tidak berpagar dan tidak ada lain-lain kemudahan. Saya mohon supaya kementerian melihat perkara ini dan mungkin ‘terlepas pandang’ oleh pegawai-pegawai. Saya berharap supaya ia dapat dilaksanakan. Begitu juga dengan peralatan-peralatan lain seperti komputer dan sebagainya yang nampaknya tidak begitu mencukupi. Saya berharap kemudahan asas sekolah-sekolah menengah ini perlu didahulukan dan yang lain-lain itu mungkin boleh dikebelakangkan. Begitu juga dengan keperluan asrama di mana kebanyakan asrama tidak lagi sesuai untuk menjadi tempat tinggal dan menyebabkan para pelajar menjadi tidak selesa dan kita berharap kementerian dapat melihat perkara ini.

Saya juga ingin penjelasan daripada kementerian berkenaan dengan peruntukan kecemasan misalnya sekolah-sekolah yang terbakar ataupun terkena ribut. Nampaknya peruntukan pembaikan walaupun perlu tetapi begitu lambat diperolehi. Saya minta kementerian lebih peka terhadap perkara ini. Saya telah melihat TV semalam, di mana sebuah sekolah di Pekan dilanda ribut dan pada pagi

ini telah keluar di dalam surat khabar pelajar-pelajar keluar dan usaha-usaha pembaikan cepat disegerakan. Tetapi sebuah sekolah di Parlimen saya iaitu Sekolah Menengah Gadong telah terbakar dua tahun dan satu blok di bahagian atas telah hancur dan tidak boleh digunakan. Sehingga sekarang ini belum ada tanda-tanda kerja itu dimulakan. Saya mohon kerana perkara ini adalah perkara spesifik dan meminta kementerian melihat perkara ini agar ia dapat dilaksanakan. Saya ingat bukan sahaja di kawasan saya tetapi kawasan-kawasan lain juga sama supaya soal-soal peruntukan kecemasan ini perlu dibuat segera tanpa mengikut prosedur-prosedur biasa yang mengambil masa dua tahun yang begitu lambat.

Mengenai dengan kemasukan ke sekolah menengah, ramai ibu bapa merungut iaitu apabila anak-anak mereka masuk sekolah, pihak sekolah menuntut bayaran sekitar RM30 bagi seorang murid setiap awal tahun. Saya mohon penjelasan daripada kementerian apakah bayaran standard yang sepatutnya dibayar oleh ibu bapa apabila mendaftar anak-anak mereka ke sekolah. Saya difahamkan ada koperasi-koperasi sekolah yang menetapkan sendiri bayaran ini untuk keperluan sekolah. Bagi sekolah luar bandar ini merupakan beban misalnya seorang petani yang berpendapatan sekitar RM300 sebulan dengan mempunyai empat orang anak yang masuk ke sekolah menengah. Apabila awal tahun mendaftar anak mereka masuk ke sekolah sama ada tingkatan satu, dua, tiga atau empat mereka akan dikenakan bayaran. Kalau empat orang – RM30 seorang, sudah RM120. Walaupun amaun itu kecil tetapi ini merupakan beban juga kepada mereka. Jadi saya mohon kementerian melihat perkara ini supaya dapat difikirkan bagaimana untuk membantu menyelesaikannya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh sedikit iaitu Butiran 00800 – Rumah Guru-guru Luar Bandar. Saya ingat perkara ini juga perlu disegerakan kerana moral guru-guru di luar bandar ini bergantung kepada keadaan kediaman mereka. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan

yang telah pun pada dasarnya meluluskan sistem perumahan guru-guru secara style apartment ataupun kondominium sederhana. Ini nampaknya mendapat respond yang begitu baik daripada guru-guru dan ini saya ingat perlu kita laksanakan segera. Bagi di Semenanjung Malaysia mungkin tidak ada masalah yang serius kerana guru-guru ini di samping boleh tinggal di rumah guru-guru yang disediakan oleh jabatan mereka boleh juga tinggal di rumah-rumah yang boleh disewa. Tetapi bagi Sabah dan Sarawak di kawasan luar bandar itu tidak ada rumah yang boleh disewa melainkan ‘rumah kampung’. Jadi adalah baik guru-guru ini disediakan rumah yang selesa, bukan sahaja guru-guru yang berasal dari Semenanjung tetapi guru-guru yang berasal dari Sabah dan Sarawak itu sendiri yang wajar mendapat tempat ini kerana ada ura-ura cuma guru-guru di Semenanjung yang ditempatkan di Sabah dan Sarawak sahaja yang diberikan rumah.

Jadi kalau seorang guru dari Tawau, misalnya kalau di Sabah bekerja di Parlimen saya di Sipitang tentu sekali Tawau ke Sipitang sekitar 600 kilometer jauhnya dan tidak ada saudara-mara di situ dan tidak ada rumah. Keperluan mereka sama seperti orang-orang dari Semenanjung yang bertukar ke Sabah dan Sarawak. Jadi keperluan rumah guru ini menyeluruh bukan sahaja untuk guru-guru dari Semenanjung. Mengenai Butiran 04200 – Universiti Malaysia Sabah, tambahan ini memang kita sokong dan kita berharap kementerian mempercepatkan proses pengambilan pelajar-pelajar untuk sesi yang akan datang ini iaitu bangunan baru. Kita berharap bangunan baru ini dapat disiapkan mengikut jadual dan bolehlah dikembangkan pengambilan pelajar-pelajar terutama sekali pelajar-pelajar dari Sabah yang mana permohonan begitu banyak dan terpaksa ramai yang ditolak. Jadi kalaulah bangunan ini siap dan boleh diambil lebih ramai pelajar, maka boleh memenuhi keperluan setempat.

Bagi negara kita juga perlukan lebih ramai pegawai perubatan ataupun doktor-doktor perubatan. Kita berharap juga Fakulti Perubatan di Sabah UMS ini dapat ditukar secepat mungkin. Saya rasa soal tenaga pengajar dan soal tempat belajar telah pun sedia. Di Hospital Kuala Lipis sendiri boleh dijadikan sebagai

hospital latihan untuk mahasiswa dan mahasiswi perubatan ini. Jadi tidak ada masalah tentang latihan dan beberapa program kerjasama boleh dibuat di antara UMS Fakulti Perubatan dengan Hospital Queen Elizabeth, seperti juga pada awalnya UKM dengan Hospital Besar Kuala Lumpur. Jadi saya mohon dan minta penjelasan apakah rancangan kerajaan dan bilakah Fakulti Perubatan ini dapat dimulakan di Universiti Malaysia, Sabah? Bagi perkembangan terakhir terdapat juga laporan bahawa Universiti Malaysia Sabah akan dibuka cawangannya di Labuan iaitu kawasan Yang Berhormat dari Labuan. Jadi tentu sekali perkara ini kita alu-alukan dan berharap ia dapat disegerakan. Saya mohon supaya ia dapat mengambil atau disiapkan secepat mungkin. Saya difahamkan tidak kurang daripada 5,000 pelajar boleh ditempatkan di kawasan ini dan kita minta penjelasan daripada kementerian apakah jenis-jenis kursus yang akan dibuat di Universiti Malaysia Sabah cawangan di Labuan ini? Apakah sekolah atau fakulti yang akan dibuka di situ? Kalaupun dibuka apakah ianya akan mengambil pelajar-pelajar dari luar negara misalnya dari negara-negara ASEAN, Timur Tengah ataupun yang mempunyai universiti kembar dengan universiti luar negara.

Saya ingat ini perlu sebagai menjana ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan itu sendiri. Kalau ia dapat dilaksanakan, bayangkan kalau ada 5,000 pelajar dengan pekerja, dengan tenaga pengajar sudah tentu akan dapat mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi Labuan itu sendiri. Jadi, inilah yang kita inginkan dan kita berharap ia dapat menjadi kenyataan secepat mungkin. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong di bawah peruntukan tambahan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Jelebu. Ramai lagi yang hendak berucap.

**3.11 ptg.**

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyatakan sokongan kepada P.26 Kementerian Pendidikan, mengenai dengan peruntukan tambahan pembangunan, terutama bagi Butiran 00201, 00800, 00901 secara sekali gus.

Tuan Pengerusi, pertamanya saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan di atas keprihatinan kementerian melihat akan permasalahan yang berlaku di sekolah-sekolah berasrama, di sekolah-sekolah menengah akademik, mengenai tempat tinggal guru-guru dan juga mengenai asrama-asrama biasa yang ada di sekolah-sekolah di dalam kawasan Parlimen Jelevu. Perkembangan ini menampakkan bahawa keprihatinan kerajaan ke arah untuk memaju dan mempertingkatkan prestasi pencapaian murid dan juga guru di dalam menjalankan perkhidmatan demi untuk kejayaan anak bangsa di masa akan datang.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, ada beberapa perkara yang perlu dilihat di samping pelaksanaan kerja-kerja yang begitu baik dan memuaskan kepada projek-projek ataupun program-program yang telah ditentukan pelaksanaannya pada tahun ini yang masih kadang-kadang terdapat begitu lembab untuk dilakukan oleh pihak yang berkenaan terutamanya oleh pihak Jabatan Kerja Raya itu sendiri yang mengelolakan proses tender dan sebagainya. Kita berharap diwujudkan lagi hubungan yang lebih baik di antara Kementerian Pendidikan dan juga pihak JKR supaya projek-projek ini akan dapat dilaksanakan dengan baik dan lebih licin dan teratur.

Seperkara lagi saya ingin menyarankan supaya perkiraan juga haruslah dilihat kepada sekolah-sekolah menengah yang ada dalam kawasan Parlimen Jelevu yang masih tidak mempunyai satu dewan pun, dewan untuk perhimpunan di sekolah menengah yang ada di kawasan Parlimen Jelevu satu dewan pun tidak ada di sekolah-sekolah. Di samping kita membangunkan, menambahkan bilik darjah, apakah wajar difikirkan sama untuk dewan perhimpunan bagi pelajar diadakan. Begitu juga dengan asrama bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Undang Jelevu, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Undang Musa yang nampak asramanya tidaklah begitu baik dan perlukan pembaikan.

Begitu juga dengan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Lui Barat dalam daerah Jempol, dalam kawasan Parlimen Jelevu yang telah pun dirancang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan saya memohon pihak JKR dan Kementerian Pendidikan akan dapat menyegerakan perkara ini kerana tapak telah pun dikenal pasti dan keperluan untuk menambah bilik-bilik darjah dan juga keperluan-keperluan asramanya begitu mendesak. Oleh kerana di dalam kawasan Parlimen Jelevu, Dewan Undangan Negeri kawasan Lui hanya Sekolah Menengah Lui Barat sahajalah satu-satunya sekolah menengah yang menjadi tumpuan kepada tujuh sekolah rendah yang ada di Dewan Undangan Negeri Lui untuk mereka selepas Darjah Enam ataupun Tahun Enam untuk belajar di sekolah menengah, iaitu di Sekolah Menengah Lui Barat.

Sebab itulah keperluan untuk memperbaiki dan menambah bangunan ini, bilik darjah, asrama dan sebagainya amatlah mendesak dan saya mohon kerjasama di antara kementerian dan pihak JKR dapat menyegerakan perkara ini. Cuma saya ingin menekankan satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, mengenai rumah-rumah guru luar bandar yang juga melibatkan sekolah-sekolah yang sedemikian. Saya berterima kasih di atas Kementerian Pendidikan yang telah memperuntukkan lebih kurang hampir RM17 juta untuk pembangunan sekolah-sekolah, pembaikan sekolah dan juga pembinaan asrama-asrama rumah guru dan sebagainya bagi kawasan Parlimen Jelevu.

Seperkara lagi, Tuan Pengerusi, mengenai dengan pembaikan sekolah-sekolah rendah, saya mintalah perkara yang dibangkitkan sebelum ini iaitu Sekolah Rendah Amar Penghulu dan juga Sekolah Rendah Kampung Sepui dapat disegerakan. Di samping itu, satu perkara yang menampakkan perbelanjaan tidak digunakan ialah bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Durian Tipus yang telah diperuntukkan sebanyak RM415,000 yang masih belum digunakan oleh kerana permohonan asalnya untuk pembaikan sekolah itu telah diubah kepada

kehendak yang lain oleh pihak PIBG sekolah berkenaan untuk memindahkan tapak bangunan sekolah itu secara totalnya ke tempat yang baru. Saya mohon supaya perbelanjaan untuk pembaikan ini didahulukan supaya sekolah yang masih digunakan sekarang dapat digunakan dengan selamat dan murid boleh belajar dengan selesa dan ibu bapa tidak merasa bimbang akan keselamatan pelajar anak-anak mereka.

Jadi, harapan saya di samping ucapan ribuan terima kasih kepada kementerian, saya juga memohon supaya pihak kementerian akan dapat menyegerakan dan mendesak pihak JKR supaya menyegerakan proses tender yang diminta kepada mereka agar pelaksanaan keperluan-keperluan ini dapat disegerakan di dalam tahun ini. Sekian, Tuan Pengerusi. Saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kepong.

**3.18 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, di dalam peruntukan Maksud P.26 terdapat banyak perkara yang kena-mengena dengan pembinaan sekolah-sekolah menengah, sekolah menengah berasrama penuh dan pembinaan rumah guru serta perbelanjaan untuk pembinaan asrama di UTM, di UUM dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan masalah pembangunan tambahan ini kerana Kementerian Pendidikan telah pun mendapat peruntukan pembangunan untuk tahun ini RM1.86 bilion. Sekarang diperuntukkan dengan tambahnya RM1 bilion lagi. Ini bermakna kalau ikut pengumuman pihak kementeriannya sudah meningkat kepada RM2.86 bilion. Saya berharap Yang Berhormat dapat terangkan apakah sebenarnya jumlah peruntukan untuk pembangunan tahun ini. Adakah masih RM1.86 bilion ataupun meningkat kepada RM2.86 bilion.

Kerana daripada RM1 bilion peruntukan tambahan itu, RM300 juta ialah daripada World Bank (Bank Dunia) dan memang saya tidak membantah, tidak menafikan bahawa kita perlu lebih banyak sekolah-sekolah menengah, lebih banyak universiti-universiti, lebih banyak makmal-makmal dan pusat-pusat di universiti-universiti tempatan kerana kita perlukan lebih banyak tempat untuk pelajar-pelajar di Malaysia kerana kita mahu di dalam millennium baru ini tambahlah bilangan pelajar di sekolah-sekolah dan universiti-universiti sehingga kita boleh mencapai matlamat sebagai negara yang maju dengan rakyat yang terpelajar.

Tuan Pengerusi, pertamanya walaupun Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengatakan setakat ini efisiensi itu sangat tinggi, lebih 50% daripada peruntukan pembangunan ini sudah pun digunakan untuk projek, tetapi saya nampak masih ada 300 projek tidak dapat dilaksanakan, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah terjadi dengan 300 projek sekolah dan universiti yang ditundakan pada awal tahun ini.

Tuan Pengerusi, sambil berharap semua projek boleh dijalankan dengan lancar, saya menyeru supaya pihak Kementerian Pendidikan memastikan keberkesanan sistem tender dan sistem pembinaan projek-projek. Sebab sebelum ini ada setengah-setengah projek apabila dikeluarkan tender kepada sesuatu syarikat kontraktor tetapi kontraktor ini tidak dapat menyiapkan dalam jadual masa yang ditetapkan dan bukan sahaja begitu, ada projek-projek yang terbengkalai dan bila ada terbengkalai seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sipitang tadi, proses untuk menender semula memang mengambil masa kadangkala berbulan-bulan malah bertahun-tahun pun ada.

Saya pernah menyaksikan satu projek di kawasan saya di Jinjang Utara bertahun-tahun diambil untuk menender semula dan meneruskan projek. Saya berharap pihak kementerian lebih berhati-hati mengenai sistem tender dan sistem

pembinaan. Kalau dikatakan sekarang kita efisiensi untuk menggunakan wang diperuntukkan dan disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, efisiensi itu pada akhir tahun ini akan meningkat kepada 90%. Kalau 90% dari segi angka itu baik untuk Yang Berhormat Menteri Pendidikan, itu memang satu angka yang baik tetapi pada hakikat dan kenyataannya kita mesti pastikan semua projek ini disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Itulah yang diharapkan oleh pihak kami supaya kita dapat lebih sekolah-sekolah dan universiti-universiti, maklumlah di semua tempat sekolah tidak mencukupi dan bilangan pelajar sudah bertambah dan tambahan lagi kita tidak memaksa semua orang masuk sekolah, sepatutnya ia dibuatkan compulsory diwajibkan, patutlah pada satu hari kelak kita boleh wajibkan semua orang masuk sekolah, sekarang tidak dilaksanakan lagi. Itulah harapan kita untuk sistem pendidikan di Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya nampak kita berusaha untuk membina rumah guru di sekolah-sekolah luar bandar. Ini memang satu langkah ke arah yang betul kerana di sekolah-sekolah luar bandar memang kekurangan guru, bukan sahaja di sekolah-sekolah luar bandar bahkan di bandar pun ada kekurangan guru seperti guru yang mengajar Bahasa Mandarin kekurangan lebih 1,500 dan guru yang mengajar Bahasa Tamil kekurangan 500 atau lebih, itulah masalahnya bukan sahaja di luar bandar bahkan di bandar-bandar juga dan pembinaan rumah guru ini memang baik untuk menggalak lebih ramai guru pergi ke sekolah-sekolah luar bandar.

Tuan Pengerusi, sambil menggalakkan pembinaan lebih banyak rumah guru, sekolah-sekolah terutamanya di luar bandar kita mesti menekankan bila kita buat rumah-rumah ini pun kita mesti mengadakan rumah guru yang cukup seperti guru yang mengajar Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil. Beberapa kali seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai usahanya tahun demi tahun untuk memperbetulkan keadaan kekurangan guru ini tetapi saya nampak usahanya itu masih tidak berhasil, mungkin beliau terpaksa balik ke

pejabat untuk mengkaji apakah kelemahan di dalam sistem maktab perguruan sekarang. Mungkin itulah satu cara yang dibuat sebab saya pun bersimpati dengan beliau. Tidak ramai orang yang sanggup menjadi guru sekarang kerana syarat-syarat dan terma-terma untuk guru itu tidak begitu cerah berbanding dengan di sektor swasta ataupun sektor yang lain. Saya bersimpati tetapi walau bagaimanapun, kita mesti menyelesaikan masalah kekurangan guru, ini termasuk guru Bahasa Malaysia juga, saya nampak standard itu tidak begitu tinggi, setengah-setengah standard itu kurang dan ini bermakna sistem di maktab perguruan itu, sistem untuk mewujudkan guru bahasa itu memang perlu dipertingkatkan, dikemaskinikan lagi. Tuan Pengerusi, itulah masalah guru.

Tuan Pengerusi, mengenai pembinaan sekolah menengah berasrama penuh. Memang di dalam tempoh lebih 20 tahun, lebih dua dekad ini memang sekolah-sekolah seumpama ini sudah memainkan peranan yang penting dan mewujudkan ramai pelajar yang baik. Tetapi sekarang kita mesti mengkaji semula dengan millennium akan datang apakah bentuk dan corak sekolah-sekolah menengah berasrama penuh, sebab kita mesti meneliti dari segi semua kaum macam mana seperti sekarang ini dengan pergolakan politik sekarang, semua kaum masih boleh tenteram, masih boleh aman, ini memang satu gejala yang baik dan ini salah satu langkah untuk mengekalkan keamanan semua kaum ini ialah melalui pendidikan dan sekolah menengah berasrama penuh, ini satu pusat yang boleh kita gunakan untuk menggalakkan semangat bagi masyarakat majmuk.

Pada pendapat saya, sekarang ini di sekolah menengah berasrama penuh, semangat perpaduan, semangat cintakan semua kaum itu tidak mencukupi. Kadangkala kita nampak mungkin mata pelajaran atau sistem pengajaran di dalam sekolah menengah berasrama penuh ini tidak begitu sempurna untuk mewujudkan pelajar-pelajar yang benar-benar mempunyai fahaman untuk semua etnik di Malaysia. Ini memang satu perkara yang perlu ditimbangkan oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri untuk kita sama-sama mengadakan sekolah yang sedemikian dengan lebih baik.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi, untuk universiti-universiti di negara ini, IPTA, saya setuju kita mesti bina lebih banyak makmal, sama ada Makmal Kaji Terbang, Makmal Kaji Pandu, Fakulti Sains Komputer di Univesiti Teknologi Malaysia, di Universiti Islam Antarabangsa kita adakan kompleks pusat dan juga di Universiti Utara Malaysia, asrama pelajar kita perlu. Sebenarnya saya berpendapat kita perlu lebih banyak asrama di semua universiti, di semua IPTA ini, memang saya setuju, kita bina lebih banyak untuk menampung lebih ramai pelajar di IPTA. Sebab, Tuan Pengerusi, sekarang kalau kita tengok pengambilan pelajar di IPTA itu memang tidak dapat menampung semua pelajar yang lulus Sijil Pelajaran Malaysia, hanya 35% dapat diambil dan untuk pelajar yang lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia pun hanya 51% yang diambil oleh pihak IPTA, ini bermakna bakinya terpaksa mencari jalan yang lain dan sekarang kita ada lebih 150,000 pelajar yang masuk IPTS. Memang IPTS itu bagus juga, kita memberi peluang kepada orang yang tidak ada peluang untuk masuk ke IPTA.

Tetapi Tuan Pengerusi, tiap-tiap tahun saya nampak apabila para pelajar memohon untuk memasuki IPTA kecoh, kecoh semua, borang-borang tidak cukup, ada setengah-setengah itu, borang-borang itu walaupun percuma, tetapi ada orang yang beli dan pusat-pusat, jentera itu tidak begitu licin dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya prosedur untuk permohonan memaski IPTA ini dikemaskinikan. Baik kita buat kajian, mengapa di negara-negara yang lain seperti Australia, New Zealand, United Kingdom, Kanada, mereka boleh jalankan sistem pengambilan pelajar di IPTA mereka dengan lebih lancar, dengan lebih berkesan tetapi di negara ini kecoh tiap-tiap tahun. Walaupun ada cadangan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa sistem baru yang akan diadakan untuk memudahkan prosedur, kita akan adakan sistem kad

yang baru dan juga kita adakan borang-borang itu diberi dengan lebih awal dan juga untuk memudahkan borang-borang permohonan dan satu lagi disebutkan ialah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar itu mengesahkan status permohonan dan sebagainya.

Memang, saya mengalu-alukan langkah-langkah yang boleh perbaiki prosedur permohonannya kerana kita bina lebih banyak universiti, baik, lebih membangun, pembangunan lebih banyak, makmal itu lebih baik tapi apa gunanya bila para pelajar memohon untuk memasuki, mereka menghadapi kesusahan, ini memang perlu diselesaikan untuk pelajar-pelajar kita dan itulah sahaja Tuan Pengerusi.

**[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Tiat]:** Yang Berhormat Kubang Kerian, lepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

**3.35ptg.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, tambahan belanja RM334 juta dalam suasana ekonomi meleset ini memang dialu-alukan terutama kerajaanlah yang akan menggerakkan ekonomi dalam suasana seperti ini, sama ada pembinaan sekolah, pembinaan jalan raya, universiti ataupun hospital, infrastruktur yang dibina oleh kerajaan ini dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi dalam suasana swasta berada dalam keadaan yang agak teruk.

Saya ingin menyentuh Butiran 02800 Universiti Islam Antarabangsa. Universiti Islam Antarabangsa ditubuhkan di antaranya dapat pembiayaan daripada kerajaan dan juga derma dari negara-negara lain. Apakah sekarang Universiti Islam Antarabangsa ada masalah untuk melantik presiden baru setelah bekas Timbalan Perdana Menteri dilucutkan daripada jawatan itu? Adakah halangan-

halangan perlembagaan universiti yang menyebabkan presiden baru tidak dapat dilantik sehingga sekarang ini? Kemudian dengan terlucutnya presiden lama, iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim, apakah universiti ini memberi kesan terutama sekali derma-derma daripada negara-negara Arab kepada Universiti Islam Antarabangsa sekarang ini? Apakah langkah kerajaan untuk menerangkan kepada negara Arab permasalahan Universiti Islam Antarabangsa, supaya mereka tidak memboikot memberi bantuan kepada Universiti Islam Antarabangsa ini? Harap Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab sungguh-sungguhlah sebentar lagi.

Kemudian rektor Universiti Islam Antarabangsa sekarang ini tidak pulang, katanya sakit. Adakah benar-benar sakit atau sakit hati? Kerana protes terhadap tindakan kerajaan terhadap presiden universiti tersebut, ini semua perlu diberi penerangan-penerangan kepada kita sebab masalah Universiti Islam Antarabangsa ini, ia bersangkutan paut dengan masalah presidennya dan ia juga bersangkutan paut di peringkat antarabangsa. Oleh itu kita bimbang Universiti Islam Antarabangsa yang ditanggung bersama oleh donation, derma-derma dari luar itu akan memberi kesan apabila negara-negara tersebut tidak puas hati dengan tindakan melucutkan jawatan presiden universiti tersebut. Apakah langkah-langkah Kementerian Pendidikan untuk mengatasi perkara ini? Dan juga pergolakan yang berlaku di Universiti Islam Antarabangsa termasuk penahanan ISA seorang pensyarah kanannya, adakah ia memberi kesan kepada pentadbiran Universiti Islam Antarabangsa sekarang ini yang menjadi lambang kemegahan Universiti Islam Antarabangsa yang ada di Malaysia ini?

Tuan Pengerusi, seterusnya Buiran 01900, RM20 juta diperuntukkan untuk Makmal Kaji Terbang dan Makmal Kaji Pandu, selalunya bila ada makmal-makmal seperti ini, Kaji Terbang dan Kaji Pandu, di peringkat awalnya baik tetapi lama kelamaan setahun, dua tahun, tiga tahun dilaksanakan selalunya penyelenggaraannya begitu mahal. Dan akhirnya perkara-perkara ini diswastakan

sehingga dalam PAC, misalnya pihak polis sendiri minta helikopter-helikopter mereka yang dibaik pulih akhirnya mereka mahu ianya diswastakan, baik pulih dan sebagainya. Kita bimbang Makmal Kaji Terbang dan Makmal Kaji Pandu ini peringkat awalnya ia baik, boleh dilaksanakan tapi dalam tiga, empat tahun akan ada cadangan supaya perkara ini diswastakan. Apakah langkah-langkah untuk mengelakkan supaya makmal ini peringkat tiga, empat tahun lagi tidak dipohon untuk diswastakan kerana hendak menyelenggarakannya terlalu mahal? Itu saya minta jaminan dari pihak Kementerian Pendidikan.

Saya sekali lagi mengalu-alukan tindakan mengadakan projek-projek seperti ini terutama dalam bidang pelajaran, sekolah, universiti dan sebagainya kerana ini adalah tanggungjawab sosial kerajaan dalam masa meleset atau dalam masa mewah, tanggungjawab kerajaan mesti dipertingkatkan. Begitulah juga bukan setakat sekolah, hospital, universiti dan sebagainya, pegawai-pegawai kerajaan pun harap pengumuman besok, bonus kepada mereka, jangan tidak diberi bonus, sebab masa meleset ini mereka dikerahkan bekerja lebih kuat. Oleh itu kita harap jangan hanya bangunan dipertingkatkan, bonus kepada pegawai kerajaan pun mesti, jangan dinafikan pada tahun hadapan. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat] :** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

**3.40 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada beberapa orang Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan menyentuh hal pendidikan. Saya akan menjawab secara yang saya boleh tentang soalan-soalan yang dikemukakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bintulu telah membangkitkan berkaitan dengan masalah sekolah menengah di Bintulu dan rumah guru. Sebenarnya satu

peruntukan yang agaknya sempurna dan wajar telah diperuntukkan untuk membina rumah-rumah guru di seluruh negara, dan ini juga termasuklah rumah-rumah guru untuk negeri Sarawak. Tentang masalah penyelenggaraan, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebanyak RM150 juta telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan sekolah-sekolah di negeri Sarawak bagi tahun 1998 hingga 2000 dan sebahagiannya akan disalurkan kepada sekolah-sekolah di kawasan Bintulu mengikut budi bicara Jabatan Pendidikan Negeri dan soalan-soalan yang lain yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bintulu khususnya Sekolah Menengah Jepang dan sebagainya, Kementerian Pendidikan akan terus mengkaji supaya dia boleh diberi perhatian yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu telah menyentuh tentang SMK Sibu Jaya, sebenarnya projek tersebut telah dimasukkan dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh dan adalah dianggarkan bahawa kosnya adalah RM6.35 juta dan Kementerian Pendidikan berharap projek tersebut dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Ahli Yang Berhormat dari Sibu juga telah sentuh tentang masalah-masalah rumah guru dan asrama penuh negeri Sarawak dan sebagainya, seperti yang saya telah sebutkan tadi sebenarnya Kementerian Pendidikan telah berikan satu amaun yang besar untuk membina kemudahan-kemudahan tersebut di Sabah dan Sarawak. Dalam belanjawan tambahan ini Kementerian Pendidikan telah memperuntukkan RM7 juta untuk pembinaan rumah guru di Sarawak bermula di kawasan Miri kerana Kementerian Pendidikan dapati bahawa keadaan di sana agak serius dan selepas kita selesaikan masalah tersebut kita akan pergi ke kawasan Sibu dan kawasan-kawasan yang lain itu.

Ahli Yang Berhormat dari Selangau telah sebutkan juga tentang masalah-masalah asrama, rumah guru dan sebagainya, dan masalah tersebut saya telah terangkan. Tentang outright grant kepada pihak PIBG, amalan Kementerian

Pendidikan ialah memberi geran tersebut kepada sekolah bukan kepada pihak PIBG kerana kita perlukan penggunaan geran tersebut mengikut peraturan kerajaan dan sebagainya. Namun demikian, pihak sekolah akan berbincang dengan PIBG tentang projek-projek apabila ia dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah sentuhkan tentang masalah visa. Sebenarnya Kementerian Pendidikan bukan sahaja telah galakkan kemasukan pelajar-pelajar dari negara jiran, kita juga telah berusaha sedaya upaya untuk melicinkan proses keluaran visa namun demikian, oleh kerana akhirnya kuasa itu bukan di bawah tangan Kementerian Pendidikan, kementerian perlulah bekerjasama dengan pihak Imigresen dan apa jua peraturan Kementerian Pendidikan perlulah ikut. Dalam konteks ini nampaknya ada kemajuan dan nampaknya ramai pelajar dari negara jiran khususnya dari negara Indonesia sekarang telah mengikuti kursus di Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau juga telah sebutkan tentang kemajuan Universiti Sabah dan bila ianya dijangka siap. Mengikut rekod bahawa kita jangka UMS iaitu fasa pertama akan disiapkan pada bulan Februari menjelang tahun 2000 dan kita harap selepas tahun tersebut kampus itu boleh digunakan oleh semua pelajar yang sudah bermula kursus tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Sipitang telah sebutkan tentang masalah sekolah bestari..

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Bandau bangun

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Sudah cukuplah

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat Timbalan Menteri belum mengulas soal SMK Magandai di Kota Marudu

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Masalah sekolah menengah tersebut saya sudah rekodkan, oleh kerana itu perlu sedikit maklumat, bolehkah saya jawab secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Sipitang telah sebutkan tentang sekolah bestari, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 90 buah sekolah telah ditentukan dan Kementerian Pendidikan harap semua sekolah itu dapat disempurnakan dengan kelengkapan dan sebagainya menjelang tahun 2000 supaya mereka boleh beroperasi sebagai sekolah bestari. Tujuan Kementerian Pendidikan ialah untuk memperluaskan konsep ini kepada semua sekolah tetapi oleh kerana kegawatan ekonomi rancangan itu perlulah kita tangguhkan sedikit dan kita perlu masa untuk mencapai tujuan tersebut.

Sekolah Menengah Gadong terbakar, saya sudah rekodkan dan saya akan minta Jabatan Pendidikan Negeri beri laporan dan kalau belum dipulihkan kita akan memberi keutamaan.

Tentang bayaran ke sekolah menengah, memang kita bagi sedikit kuasa kepada Pengetua untuk melaksanakan yuran-yuran yang dikenakan, namun demikian, Tuan Pengetua itu perlulah mendapat persetujuan dari pihak PIBG sebelum dia boleh melaksanakan apa jua yuran yang sewajar yang perlu dia kutip untuk kebaikan pelajar-pelajar dan sekolah. Dalam konteks ini kita perlulah dapat konsensus daripada pihak ibu bapa dan praktis kita ialah untuk ibu bapa yang miskin kita perlulah memberi kecualian supaya anak-anak mereka tidak akan diabaikan.

Tentang status cawangan di Labuan, Kementerian Pendidikan baru sahaja mula rancangan untuk kampus cawangan tersebut dan apabila kita habiskan rancangan kita, kita akan maklumkan tentang fakulti, tentang kemudahan, dan tentang jumlah pelajar-pelajar yang terakhir yang kita salurkan kepada cawangan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Jelebu telah membangkitkan masalah-masalah berkaitan dengan sekolah-sekolah di Jelebu khususnya ada sekolah menengah yang tidak ada dewan, asrama-asramanya yang perlu diperbaiki, dan juga projek-

projek sekolah rendah dan menengah yang kita perlu segerakan. Semua itu saya sudah rekodkan dan saya akan meminta semua cadangan itu perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah sentuhkan kepada jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Kementerian Pendidikan. Oleh kerana belanjawan Kementerian Pendidikan sudah banyak kali kita perlu potongan pada tahun yang sudah dan pada tahun ini dan ini merupakan satu belanjawan tambahan yang sekarang kita minta, sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kepong boleh beri sedikit masa, saya boleh menjawab segala butir-butir yang diperlukan melalui secara tulisan....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [ *Bangun* ]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat] :** Dia bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hanya jumlah berapa, kerana potong sana, potong situ, tambah satu bilion ringgit lagi, apakah jumlah peruntukan pembangunan sekarang untuk tahun ini?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Bolehkah Ahli Yang Berhormat saya minta izin menjawab secara bertulis kerana ini ada berkaitan dengan projek-projek Kementerian Pendidikan sudah tangguhkan dan selepas itu projek-projek yang mengikut peruntukan yang diberi kita boleh mulakan sekali lagi, dan projek-projek yang kita tangguhkan tetapi tidak boleh dimulakan sekali lagi. Jadi sedikit kompleks, saya harap Ahli Yang Berhormat dapat faham. Namun demikian Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah meminta tentang status 300 projek yang telah kita tangguhkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian besar sekarang telah bermula, dan tender itu telah dibuka dan sebahagian projek itu sedang dilaksanakan. Kita haraplah semua projek itu dapat dilaksanakan, seperti yang dijadualkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tentang proses kemasukan IPTA saya memang Kementerian Pendidikan telah kaji semula semua masalah itu dan menjelang tahun depan kita akan melaksanakan satu proses yang agak lebih komprehensif supaya kita boleh atasi masalah-masalah yang kita hadapi pada tahun dahulu.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah meminta tentang status Presiden baru UIA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian, segala kerjasama dan bantuan yang diberi oleh kerajaan-kerajaan asing kepada UIA adalah mengikut agreement dengan izin, kerajaan kepada kerajaan. Ini tidak bersangkutan dengan kedudukan perseorangan. Jadi segala tugas dan fungsi UIA tersebut sekarang berjalan dengan licin tanpa apa-apa gangguan dan sebagainya.

Sekian sahaja yang boleh saya jawab. Ada satu dua masalah yang disentuh tetapi tidak sempat dijawab, saya minta maaf. Namun demikian semua cadangan itu Kementerian Pendidikan akan mengambil perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM334,272,900 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua bagi tahun 1998 di bawah Kementerian Pendidikan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM334,272,900 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2)1998.

**Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2) 1998] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahaskan sekarang. Kelang

**3.53 ptg**

**Dr. Tan Yee Kewangan [Kelang]:** Tuan Pengerusi, merujuk kepada Maksud P.28 butiran 03003 Projek Perumahan Kos Rendah, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah memberi keutamaan kepada projek pembinaan rumah kos rendah sejak tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, keperluan rumah kos rendah masih besar khasnya di kawasan bandar. Di kawasan saya kebanyakan rumah setinggan adalah berdekatan laut dan sungai. Baru-baru ini seramai 2,000 lebih setinggan di kawasan sungai itu telah menjadi mangsa banjir akibat air pasang laut dan kebanyakan rumah-rumah setinggan telah rosak dan tidak lagi selamat untuk diduduki. Malangnya mereka tidak dapat ditempatkan ke rumah kos rendah sebab projek rumah kos rendah yang dirancangkan untuk mereka itu di bawah tabung khas untuk rumah kos rendah yang dikendalikan oleh Bank Negara itu mengambil masa yang begitu panjang untuk dimajukan.

Tuan Pengerusi, untuk memastikan orang yang tidak mampu itu dapat rumah kos rendah, kita haruslah memastikan bukan sahaja peruntukan yang mencukupi tetapi satu mekanisme yang lebih efisien perlulah ditubuhkan supaya kerja-kerja pembinaan rumah kos rendah tidak selalunya tergendala.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Butiran 1100 iatu Pengurusan Danaharta Nasional Berhad. Saya ingin tahu berapa syarikat telah dapat diselamatkan oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad sejak ia ditubuhkan pada bulan Jun. Saya minta Yang Berhormat Menteri sebutkan nama-nama syarikat itu dan jumlah wang yang digunakan untuk mengambil alih...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, biasanya token vote RM10 ini tidak termasuk dalam perbincangan.

**Dr. Tan Yee Kew:** Kalau begitu ini sahajalah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kepong

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Pengerusi, dua perkara dari Maksud P.28 iaitu mengenai Projek Perumahan Kos Rendah dan juga mengenai Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.

Tuan Pengerusi, pada tempoh hari Yang Berhormat Menteri Perumahan telah mengumumkan bahawa 200,000 unit rumah kos rendah dan kos sederhana sudah pun disiapkan pada pertengahan tahun ini di dalam dua skim perumahan kerajaan. Saya hendak tahu, sama ada RM1 juta ini dikehendaki untuk membiayai kemajuan projek bagi tahun 1998. Apakah projek yang dimaksudkan kerana peruntukannya hanya RM1 juta dan saya tidak faham mengapa kita perlu mengeluarkan RM1 juta tambahan untuk membiayai kemajuan projek dan di manakah projek ini sebab di dalam projek-projek rumah kos rendah dan sederhana perbelanjaannya memang terlalu tinggi, berpuluh juta atau beratus juta ringgit dan saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan apakah yang dimaksudkan sebagai Butiran Projek 03303 ini.

Tuan Pengerusi, mengenai projek rumah-rumah kos rendah dan sederhana yang disebutkan siap oleh pihak Yang Berhormat Menteri Perumahan di manakah projek itu. Yang saya minat hendak tahu ialah orang-orang yang layak sahaja diberi peluang untuk mendapat unit-unit rumah kos rendah dan sederhana sebab kalau ikut pihak Kementerian Perumahan satu sistem baru pendaftaran untuk orang yang berkehendakkan rumah-rumah kos rendah sudah diadakan sistem berkomputer tetapi maklumlah komputer hanya dapat maklumat dan data dari manusia. Walaupun begitu canggih kelengkapan mesin itu tetapi bila kita masukkan data, data itu dari manusia, ini bermakna boleh timbul masalah.

Apakah kaedah yang digunakan untuk mengelak daripada berlakunya benda-benda yang tidak baik termasuk penyelewengan dalam mendaftarkan pemohon-pemohon rumah kos rendah dan di sinilah saya menekan sekali lagi kita

mesti memberi peluang kepada orang-orang yang berkehendakkan rumah kos rendah.

Satu perkara lagi mengenai rumah kos rendah ini Tuan Pengerusi ialah mengenai kos, sebab memang kos untuk membina unit-unit seperti ini meningkat setiap tahun dan ini bermakna mahu tidak mahu kita mesti membenarkan pihak pemaju meningkatkan atau menambahkan harga rumah kos rendah ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah kriteria yang digunakan untuk membenarkan pihak pemaju menaikkan harga untuk rumah kos rendah.

Saya diberitahu bahawa di Kuala Lumpur atau Pulau Pinang memang sehingga RM50 ribu untuk unit rumah kos rendah dan sebagainya. Tuan Pengerusi, memang kita mesti adakan kriteria-kriteria tertentu dan juga untuk kita memastikan tidak berlakunya benda-benda yang tidak diingini dan juga Tuan Yang di-Pertua, sejak pengumuman Yang Berhormat Menteri Perumahan mengenai seunit rumah kos rendah ialah mempunyai tiga bilik. Ini memang di perlukan Tuan Pengerusi. Saya mengalu-alukan keputusan ini.

Walau bagaimanapun setakat mana formula baru ini dapat dilaksanakan di seluruh negara kerana rumah itu kos rendah tetapi manusia yang akan mendiami rumah ini bukan kos rendah juga. Semua manusia serupa juga sebab itu kita perlu memastikan kualiti semua rumah yang disiapkan ini adalah mengikut kriteria yang ditetapkan oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, mengenai MDC, sebab di sini ada tambahan sebanyak RM10 juta untuk membiayai aktiviti kerajaan dalam MDC melalui Menteri Kewangan diperbadankan dan di sini saya hendak tekankan bahawa kita mesti memastikan MDC ini berjaya dan juga MSC (Multimedia Super Corridor) itu tidak terjejas kerana krisis ekonominya. Saya hendak membangkitkan bahawa dengan adanya kawalan tukaran asing, memang akan membimbangkan syarikat-syarikat yang berminat dalam Multimedia Super Corridor dan setakat manakah

kawalan tukaran asing ini akan menjejaskan syarikat-syarikat yang sudah bertapak di kawasan Multimedia Super Corridor atau yang bakal masuk dalam MSC. Sebab ini memang satu perkara yang membimbangkan. Kita tidak mahu syarikat-syarikat yang berminat di dalam Multimedia Super Corridor mengundurkan diri kerana kawalan tersebut dan bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana institusi seperti Bank Negara mengambil langkah untuk memberi keyakinan kepada syarikat-syarikat yang berminat di dalam MSC tadi sebab itulah tugas Bank Negara untuk memastikan mereka tidak melarikan diri.

Tuan Pengerusi, di dalam usaha kita untuk memastikan kejayaan MSC ini, saya hendak mendapatkan satu pendirian daripada pihak kementerian sama ada dengan kita tangguhkan Fasa 2 Putrajaya ini, adakah usaha untuk memajukan MSC ini sudah pun sedikit sebanyak terjejas sebab Tuan Pengerusi, Putrajaya memang penting untuk projek MSC ini. Dengan ada penangguhan Fasa 2, ini bermakna mungkin ada sedikit sebanyak menjejaskan projek-projek di Multimedia Super Corridor, bolehkah Yang Berhormat terangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Bukit Mas, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

**4.03 ptg.**

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di sini saya ingin membangkitkan satu perkara di atas Butiran 02900 iaitu mengenai penyertaan ekuiti dalam projek strategik di mana kita telah membelanjakan RM626 juta yang kita difahamkan khusus untuk pembayaran balik kepada projek Bakun dan di sini saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana projek ini satu projek gergasi yang besar dan telah pun diprivatisekan dan itulah sebabnya di sini persoalan seperti yang saya soalkan nanti mungkin begitu penting khusus untuk kita sebagai Ahli Parlimen daripada kerajaan sebetulnya, walaupun saya ada sedikit maklumat

mengenai ini tetapi oleh kerana rayuan untuk bertanya dengan jelas itulah sebab tujuan kita bangkitkan perkara ini.

Kita difahamkan RM90 juta telah dibayar kepada Syarikat Dong Ah untuk pekerja Syarikat Dong Ah, dengan izin, for diversion of the tunnel dan RM100 juta dibayar kepada IKRAM, RM436 juta pembayaran balik kepada institusi-institusi kewangan ataupun bank-bank di mana Bakun Hydroelectric Corporation telah meminjam wang dan di sini mungkin sekiranya ada persoalan terperinci saya pun boleh terima sekiranya ada soalan yang bertulis. Saya ingin tahu bagaimanakah struktur Bakun Hydroelectric Corporation setakat ini kerana kita mengikut berita dahulu bahawa BHC ini akan di, dengan izin, to be floated on the stock exchange, tetapi selepas projek ini ditangguh kita di Sarawak misal kata, tidak tahu perkembangan terkini dan saya buat satu cadangan kalau boleh, sekiranya, ini bukan daripada saya kerana saya, Tuan Pengerusi, mulai projek Bakun ini, secara kebetulan sahaja, waktu saya pergi ke Rio de Janeiro, saya seorang ahli MP dari Sarawak. Waktu itu saya dengan blindly, dengan izin, mengikuti perbincangan ini, saya dengar sahaja. Itulah sebabnya ada minat kerana ini projek gergasi, siapakah yang memiliki struktur ataupun the seize structure, dengan izin, Bakun Hydroelectric Corporation ini dan yang kedua, saya ada satu keratan surat khabar daripada *Star*, 16 April yang saya simpan.

Pada masa itu banyak kerisauan tentang projek ini kerana ia ditangguh, saya baca dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, “Firms in Bakun project face financial problems. Fifty one companies involved in various type of works and business related to the Bakun Hydroelectric Dam project in Belaga, Sarawak are facing financial hardship due to indefinite deferment of the project.” Saya tidak ingin baca sampai habis, tujuan saya di sini iaitu, bagaimanakah setakat ini kedudukan oleh kerana kalau mengikut laporan ini ada 27 syarikat tempatan.

Syarikat tempatan bermaksud di sini iaitu dimiliki oleh kaum bumiputera, orang Ulu dan mereka pada masa itu menghadapi masalah meminjam wang daripada bank berjumlah RM40 juta. Cuba bayangkan saya bertugas sebagai banker dulu Tuan Pengerusi, RM40 juta dipinjam daripada bank untuk membantu 27 syarikat tempatan. Ini syarikat bumiputera. Itulah sebabnya kita setuju dulu. Pada permulaan, saya salah seorang Ahli Parlimen yang betul-betul menyokong ini oleh kerana tujuan kerajaan membantu rakyat dan khususnya bumiputera untuk melibatkan diri dalam projek seperti ini.

Sekarang belum sampai satu tahun pinjaman RM40 juta ini saya rasa tidak dibayar dalam satu tahun, maksudnya di dalam berita ini difahamkan jumlah syarikat (company) yang menghadapi masalah oleh kerana Syarikat Dong Ah iaitu syarikat kontraktor yang diberi kontrak untuk membina, dengan izin, river diversion tunnel, belum menjelaskan pembayaran kepada syarikat tempatan oleh kerana Dong Ah belum menerima pembayaran daripada Ekran.

Oleh kerana itu saya berharap Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri dapat mengkaji dengan teliti sekiranya projek ini diteruskan selepas ini harapan kita iaitu syarikat-syarikat bumiputera yang telah meminjam, bagi saya RM40 juta ini banyak kalau boleh bagaimana dapat membantu syarikat-syarikat ini supaya meneruskan segala kontrak yang diagihkan supaya rakyat bumiputera tempatan di Belaga tidak menjadi mangsa oleh kerana tujuan kerajaan yang memprivatekan satu projek gergasi untuk membantu kawasan itu dimajukan.

Selain daripada itu saya juga ingin bertanya secara terperinci, RM436 juta telah dibayar kepada, dengan izin, financial institution for loans taken by Bakun Hydroelectric Corporation. Bagi saya yang pernah bertugas di bank, dengan izin, I cannot make the figure, kalau boleh jelaskan setakat ini bermakna RM626 juta jumlah work in progress berkenaan Bakun Hydroelectric ini, bermakna kalau begitu jalan raya ke Bakun telah siap, dari Bintulu ke Bakun ataupun landasan kapal terbang (the role airstrip in Bakun) sudah siap atau tidak? Ataupun jumlah kontrak, saya ada keratan akhbar 17 April mengenai Dong Ah, Dong Ah mengatakan jumlah kontrak yang diberi kepada syarikat ini iaitu

sebanyak RM296 juta kepada Dong Ah, setakat ini berapakah yang dibayar kepada syarikat Dong Ah ataupun kalau mengikut laporan ini juga Dong Ah mengatakan bahawa syarikat ini tidak dapat menyiapkan kerja oleh kerana pembayaran yang lewat dan minta supaya time extension until the end of December to complete the job, dengan izin, diminta dan setakat ini oleh kerana pembayaran ini telah dibuat kita mahu dengan sejelesnya supaya berita terkini tentang Bakun Hydroelectric Project ini dapat diberikan. Sekian, terima kasih.

#### **4.15 ptg.**

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Klang, Kepong dan Bukit Mas. Mengenai dua projek yang disebutkan berkaitan dengan projek perumahan kos rendah, sebenarnya di bawah 03300 ini ada kaitan dengan hanya projek perumahan yang dibina di Labuan, sebenarnya ini tiada kaitan dengan projek yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun masalah yang telah disebutkan itu akan diambil kira dan memang di dalam perhatian kita.

Tentang syarat-syarat permohonan untuk mendapat suatu unit dalam projek perumahan itu memanglah ada prosedur yang tertentu dan biasanya diserahkan kepada pihak kerajaan negeri untuk menjalankan pemilihan peserta yang berkeelayakan.

Tuan Pengerusi, walaupun Yang Berhormat dari Klang telah menyebut Danaharta dan oleh kerana hanya RM10 sahaja vot diberikan, walaupun begitu saya cuma ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini Danaharta telah selesai mengambil alih non-performing loan daripada Perwira Affin Bank bernilai RM16.2 juta dan kini dalam proses mengambil alih non-performing loan daripada Sime Bank dengan anggaran nilai sebanyak RM6.5 bilion, NPL-NPL yang lain yang sedang dalam proses perundingan antara Danaharta dan bank-bank lain adalah lebih kurang RM989 juta. Ini adalah setakat yang terkini sekali yang dapat saya laporkan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, mengenai kawalan pertukaran mata wang sama ada ini akan menjejaskan pelaburan asing di dalam projek MSC ini sukacita saya maklumkan, izinkan saya mengulang sekali lagi memang ini kawalan peruntukan mata wang ini tidak akan

menjejaskan pelaburan asing di dalam negara ini. Segala polisi yang ada kaitan dengan ini adalah seperti dahulu dan oleh kerana sasaran (target) kita adalah hanya untuk memberhentikan kegiatan-kegiatan spekulasi dan manipulasi ke atas mata wang kita maka ini adalah bukan sasaran kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Tadi saya dengar angka untuk NPL, bolehkah Yang Berhormat ulangkan angka-angka NPL tadi? Angka-angka NPL untuk Sime Bank dan bank-bank yang lain.

**Dato' Wong See Wah:** Angka untuk Perwira Affin Bank RM16.2 juta, untuk Sime Bank RM6.5 bilion untuk bank-bank yang lain adalah RM989 juta.

Untuk pelaburan asing itu iaitu transaksi antara akaun adalah seperti dahulu bebas untuk memindahkan akaun masing-masing ke dalam dan ke luar negara dan pemindahan keuntungan dalam bentuk dividen, faedah dan keuntungan yang lain juga dibebaskan untuk dibawa keluar dan masuk di dalam negara. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat jelaskan kepada orang ramai jangan kita ulang masalah seperti ini dan mengeruhkan keadaan oleh kerana ini tidaklah menjadi masalah sebenarnya.

Tentang bagaimana struktur BHC, Bakun Hydroelectric Corporation, pemegang saham dalam BHC ialah:

(i)	Ekran Bhd.	-	42.6%
(ii)	Kerajaan Negeri Sarawak	-	23.3%
(iii)	SESCO	-	14%
(iv)	Khazanah Nasional	-	6.7%
(v)	TNB	-	6.7%
(vi)	KWSP	-	6.7%

Butir-butir terperinci bolehlah saya kemukakan kalau diberikan lebih banyak masa lagi.

Masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat tempatan. Kerajaan memang memberi perhatian kepada masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat tempatan bumiputera.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini syarikat-syarikat ini merupakan sub-kontraktor kepada syarikat Dong Ah dan oleh itu kebanyakannya telah kita mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah bayaran kepada kemajuan-kemajuan yang telah dilaksanakan. Dengan ini kita haraplah dapat menyelesaikan masalah seperti yang dikatakan dan secara terperinci mungkin boleh saya memberitahu iaitu sehingga kini banyak bayaran yang telah dibuat oleh kerajaan bagi pihak PHB untuk kerja-kerja pembinaan river diversion works yang telah siap seperti berikut.

Pada 13 Januari 1988 iaitu tuntutan sebanyak RM13.15 juta telah dibayar tapi bayaran tersebut telah dimasukkan ke akaun Dong Ah di Hong Kong and Shanghai Bank di Sarawak tetapi akaunnya telah dibekukan oleh bank tersebut, oleh yang demikian pembekal dan sub-kontraktor kepada Dong Ah tidak dapat menerima sebarang bayaran.

Pada 31 Mac 1988 tuntutan sebanyak RM7.35 juta itu, telah dibayar dan kali ini untuk mengelakkan kejadian pembekuan akaun Dong Ah dari berlaku satu mekanisme pembayaran telah dibentuk dan kerajaan telah membayar menerusi Price Water House dan Price Water House akan mengeluarkan bayaran kepada pembekal, sub-kontraktor dan Dong Ah berdasarkan senarai yang dikemukakan dan disahkan oleh Price Water House.

Pada 22 Jun 1998, tuntutan sebanyak RM14.86 juta telah dibayar dan setakat ini Dong Ah telah mengemukakan bayaran tuntutan untuk kemajuan lanjutan yang berjumlah RM3.14 juta dan permohonan bayaran kemajuan ini sedang diambil tindakan oleh Kementerian Kewangan.

Saya berharap kalau masih terdapat penerangan ataupun laporan yang samar-samar, harap dapat berhubung dengan pihak Kementerian Kewangan,

dapatlah kita menjelaskan keadaan-keadaan yang sebenarnya dan dengan demikian, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM789,595,090 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1998 di bawah Kementerian Kewangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM789,595,090 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1998.

**Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1998]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Kepong.

### 2.23 petang

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya sedar Yang Berhormat hendak bangkitkan satu usul, tak silap saya usul sokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, satu usul iaitu mengenai darurat [*Ketawa*] Memang benar, tengok itu Aturan Mesyuarat memang ada mengenai .....

**Seorang Ahli:** Tuan Pengerusi, dia merapu, dia tak tahu benda apa dia cakap, mana ada darurat sekarang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kerana tidak ada orang yang sudi bangun, saya bangun sebab saya mementingkan ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ada yang hendak cakap...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya memang ada....

**Seorang Ahli:** Dia sudah nyanyuk ... dah nyanyuk

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Maksud P.47, Kementerian Pengangkutan itu Projek 01301. Saya memang nak cakap cuma saya nak buat komen sedikit mengenai hasrat Yang Berhormat dari Chenderoh, cenderung

kepada yang merapu untuk membangkitkan satu Majlis Ketetapan mengikut Fasal 3 Perkara 150 Perlembagaan. Ordinan No. 22 Kuasa-kuasa Perlu, Darurat, ha inilah darurat ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Butiran apa ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebab mereka yang minta saya jelaskan apa yang disebutkan sebagai darurat. Saya cuma nak tolong saja sebab nampaknya Tuan Pengerusi tu tidak memberi penjelasan [*Ketawa*]. Tuan Pengerusi, ada sebab yang diminta untuk maksud ini ialah satu angka yang besar lebih RM17 juta, bayaran akhir bagi pinjaman projek LRT Sistem 1 Fasa II. Sebenarnya Tuan Pengerusi, memang STAR - LRT itu akan belanja RM2 bilion untuk projek, untuk semua projek, semua fasa, RM2 bilion adalah satu angka yang besar dan seperti yang saya sebutkan semalam, mereka memang mengenakan kadar bayaran tiket sangat tinggi untuk satu perkhidmatan dan saya terima kasih kepada kementerian sebab ada menjawab soalan saya semalam. Ada menjawab dengan agak teliti juga, mengenai rancangan untuk memperbaiki perkhidmatan LRT. Saya mengucapkan syabaslah, dan saya tidak akan sentuh lagi perkara-perkara yang telah pun dijawabkan semalam cuma ada beberapa perkara saja yang hendak saya sebutkan di sini.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1997 saya nampak bilangan komuter STAR – LRT ialah hampir 17 juta penumpang, 17 juta. Memang satu angka ini tidak cukup untuk menampung perbelanjaan STAR – LRT. Mereka perlukan lebih ramai penumpang untuk mendapat keuntungan pada satu hari kelak.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah jangkaan untuk STAR-LRT ini dari segi bilangan penumpang memandangkan bilangan yang bertambah itu ada menggalakkan tetapi tidak mencukupi apa yang diharapkan setiap hari 170,000 atau 150,000 penumpang untuk menjadikan STAR-LRT viable dan saya berharap Yang

Berhormat dapat memberi satu jangkaan bagaimana mereka dapat sekurang-kurangnya 170,000 penumpang setiap hari untuk sistem ini dan apabila LRT itu disiapkan dengan sepenuhnya kerana memandangkan krisis ekonomi saya nampak kerja pun tidak begitu mengikut jadual yang ditetapkan. Bilakah Tuan Pengerusi, pihak STAR-LRT akan siapkan semua fasa projek. Itu memang kita berharap dengan siapnya semua ini termasuk Fasa II iaitu 15 kilometer yang merupakan sambungan daripada Fasa I.

Tuan Pengerusi, dalam usaha untuk menjadikan sistem LRT kita yang lebih berkesan dan sekarang merupakan satu sistem unik di kawasan ini, di rantau ini, sistem yang tidak memerlukan pemandu, yang unik di kawasan ini dan saya diberitahu bahawa ini merupakan satu sistem yang terpanjang di dunia, satu sistem LRT yang tanpa pemandu. Sama ada ini benar ataupun tidak saya pun tidak tahulah cuma daripada publisiti pihak STAR-LRT ini saya nampak apabila saya naiki komuternya di Petaling Jaya satu bulan lepas.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana sistem ini dapat diintegratekan (integration) disambungkan dengan People Rapid Transit dan PUTRA-LRT yang merupakan sistem LRT yang Kedua di bandaraya ini dan saya tidak tahu macam mana pihak STAR-LRT dapat sambungkan dengan kedua-dua syarikat yang telah saya sebutkan tadi sebab ini memang penting. Kalau kita hendak adakan satu sistem LRT yang lebih sempurna memang itu hubungan di antara STAR-LRT dengan People Rapid Transit dan juga dengan PUTRA-LRTnya ialah mesti dipertingkatkan mungkin daripada mulanya ada sedikit perhubungan kurang sempurna. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab bagaimana itu perhubungan di antara ketiga-tiga LRT ini dapat diperbaiki untuk melicinkan sistem LRT di Petaling Jaya dan di ibu kota kita. Sekian terima kasih.

***[Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin, lepas ini kementerian kena jawab. Ya, sila.

**4.35 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Adakah saya perlu minta kebenaran Kepongkah atau Tuan Pengerusi untuk cakap. Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin menyertai perbahasan dalam Jawatankuasa walaupun Kepong mempersoalkan hak saya, saya faham tetapi kalau Kepong boleh memberikan jaminan beliau akan memimpin DAP saya boleh duduk. Saya hormat dia sebagai ketua pembangkang. Pada kali ini nampaknya DAP aktif diwakili oleh Kepong, eloklah Kepong ambil alih. Nampaknya hujah-hujah beliau pun bernas juga.

Saya bangun untuk ikut turut menyokong maksud P.47, Maran pun nampak menyokong tentang cadangan saya supaya Kepong mengetuai DAP. Sokong ya.

**Beberapa Ahli:** [*Tepuk*]

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bukit Mas pun sokong. Tentang butiran projek 00904 Pembelian stok kereta, itu saya tidak tahulah mungkin tafsiran kalau macam Kepong atau orang kampung baca apa KTM hendak beli kereta ini. Mungkin yang dimaksudkan rail-car bukan beli kereta untuk kita bawa, bukan hendak beli Proton Saga saya yakin ini. Ini pembelian 'stok kereta' ini saya rasa rail car mungkin terjemahan itu. Saya tidak nampak mengapa mesti RM52 juta diberikan kepada KTMB (Keretapi Tanah Melayu Berhad), betulkah? Mengapa diberikan RM54.2 juta untuk beli kereta Proton Saga rasa saya mungkin ini pembelian daripada rail-car mungkin mohon penjelasan sebegini.

Namun demikian kalau peruntukan pembangunan diberi kepada KTM untuk meningkatkan keupayaan KTM untuk meningkatkan lagi sistem pengangkutan negara kita sama ada untuk pembawa penumpang-penumpang daripada satu tempat ke satu tempat yang lain ataupun membawa barang-barang, saya rasa bila negara kita melangkah ke tahun 2000 kepada negara maju memang sebenarnya baik ataupun penting pengangkutan mengikut kereta api dipertingkatkan supaya ia efisien seperti di negara-negara lain. Kalau tidak nanti negara kita tidak mungkin boleh bersaing dengan negara-negara lain kalau kos pengangkutan kita tidak kompetitif. Ini penting, saya menyokong dipertingkatkan usaha kalau perlu kita berikan peruntukan kepada mereka kita beri tetapi mesti ada ukurannya Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri, ukuran prestasi peningkatan KTM itu.

Adakah bila KTM ini diswastakan sekarang ini bagaimana dengan pengurusan yang baru ini. Adakah kementerian merasakan bahawa dengan diberikan satu pasukan dan pengurusan daripada swasta ini sudah nampak dari segi perubahan kepada yang lebih baik, dari segi service dia kepada pelanggan, khidmat kepada pelanggan, efisiensi dia mengangkat barang, adakah lebih baik dari dahulu, kita pun kurang terdengar apa orang kata kereta api terbalik ini tetapi dengan Kepong tidak tahulah takut dia sendiri memang dia geram, dia letak batang kayu ke apa, bila keretapi lalu di kawasan dia saya tidak tahulah, tetapi kita mahu melihat bila melalui penswastaan, diberikan bantuan tetapi kita mahu melihat adakah Kementerian Pengangkutan berpuas hati dengan prestasi ataupun peningkatan prestasi semenjak ia ada satu pengurusan baru di KTM.

Perkara yang kedua, ini saya bersetuju dengan Keponglah bahawa kita ada LRT- ini tentang Butiran projek 01301 Sistem Rel Laju Ringan, ini tentang bantuan soft loan atau pemberian, soft loan atau pinjaman ringan kepada LRT I dan kita tahu juga ada LRT II. Saya bersetuju dengan pandangan Kepong tadi, kita ada KTM, sistem pengangkutan melalui kereta api, ada LRT I, LRT II perlu diintegrasikan supaya ada sistem pengangkutan yang integrated supaya mereka boleh berpindah daripada satu kawasan ke kawasan A mungkin orang datang dari Johor Baharu hendak pergi ke Kuala Lumpur mereka datang daripada Johor Baharu ke Kuala Lumpur melalui KTM tetapi dengan sesenang itu mereka berpindah untuk mengambil line LRT I atau LRT II dan saya juga dalam perkara ini kita terus, kalau dapat saya kaitkan dengan tiga Butiran projek 13023 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur -Sepang.

Kita dengar juga cadangan untuk mengadakan sistem LRT ke airport – ke lapangan terbang yang baru. Baru-baru ini – hari Isnin malam, saya dengan keluarga pulang, satu jam setengah menunggu untuk mendapatkan teksi. Bermakna tidak ada sistem pengangkutan LRT, perancangannya ada. Saya hendak bertanya bagaimana dengan kedudukan perancangan untuk mengendalikan sistem rel tadi daripada lapangan terbang kita yang baru ke bandar dan diintegrasikan dengan LRT I dan II.

Kita difahamkan satu konsortium telah ditubuhkan untuk mengendalikan projek ini, kita minta sedikit penjelasan setakat mana kejayaan pelaksanaan projek. Ini penting kalau kita lihat dari segi lapangan terbang yang besar-besar di Eropah, di Frankfurt

misalannya kita boleh mengambil kapal terbang dan kadang-kadang barang kita terus kita minta dihantar ke bandar melalui LRT. Kalau domestic flight, barang kita tidak perlu kita ambil di dalam kapal terbang, boleh terus dihantar ke bandar melalui sistem LRT dengan tiket yang sama. Ini telah dibuat di Eropah dan kita yakin kalau kita sudah ada satu pengurusan tempatan yang baik dan cemerlang, kita boleh melaksanakan lapangan terbang kita yang baru, yang kita semuanya bangga, kosnya hanya 10 peratus daripada lapangan terbang yang dibuat di Hong Kong dan Hong Kong masih lagi tersangkut-sangkut macam orang yang sempit, yang masih lagi belum bergerak dengan baik. Baru-baru ini kita dengar pula, sistem pengangkutan barangnya menghadapi masalah. Kita tidak ada menghadapi masalah di lapangan terbang kita sendiri. So, bagaimana dengan pelaksanaan projek Light Rail Transit (LRT) tadi daripada lapangan terbang kita yang baru dengan bandar. Kalau dapat kita integrasikan keempat-empat tadi – KTM, LRT I, LRT II dan juga LRT airport. Bila kita wujudkan ini, alhamdulillah, kita boleh berbangga bahawa negara kita mempunyai satu sistem pengangkutan rel yang betul-betul integrated, dengan izin.

Oleh kerana kita sudah ada sistem pengangkutan yang baik, saya hendak bertanya bila akan dikendalikan oleh kerajaan satu sistem di mana tidak digalakkan kereta memasuki bandar. Adakah macam di negara ini dikenakan satu tarif, kalau kereta hendak masuk dalam bandar kena bayar satu tol. Saya nampak hanya satu cara ini sahaja untuk memastikan mereka mengguna kemudahan-kemudahan yang ada, kemudahan-kemudahan yang kita buat ini amat besar belanjanya. Kalau tidak diberikan satu – saya malas hendak mengatakan galakan ataupun dikenakan satu.....[*Memikirkan perkataan yang sesuai*] ‘galakan’ itu perkataan yang tidak berapa tepat. Dikenakan satu insentif ataupun diberikan galakanlah [*Disampuk*] perangsangkah supaya semua orang menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada.

Saya hendak bertanya kepada kementerian, bila? Adakah dalam perancangan kerajaan? Amat malang sekali kadang-kadang kita tengok light rel yang baru ini, betul-betul seorang pun tidak ada dalam keretapi yang automatik ini. Kadang-kadang kalau malam sedikit tidak ada passenger. Orang kalau malam, dia rasa traffic jam sudah tidak ada dia bawa kereta sendiri walaupun satu orang tetapi kalau kita beri insentif kepada

mereka, katakan supaya mereka meninggalkan kereta atau dikenakan charge, bayaran ataupun tol tertentu, lebih murah mereka mengambil LRT, mereka akan letakkan kereta mereka di stesen LRT dan naik LRT.

Yang kedua juga kadang-kadang saya nampak di stesen-stesen LRT perhubungannya ke pusat-pusat tertentu tidak dirancang dengan baik. Kadang-kadang kita nampak bahawa hubungan dari segi orang yang berjalan kaki, ini saya minta sedikit penghubung-penghubung kepada stesen-stesen LRT ini kepada pusat-pusat tertentu tadi. Fasal kalau kita hendak berjalan kaki tengah hari, amat panas kenapa tidak diadakan satu tempat pedestrian walk, kalau hujan dia tidak basah. Ini kadang-kadang dia berlari, terkejar-kejar dari pusat pembelian untuk pergi ke LRT sebab dia takut basah, adakah kerajaan bercadang mengadakan pedestrian walk, dengan izin, dia boleh berjalan, kalau tengah harinya tidak panas – ada pedestrian walknya, kalau hujannya tidak basah, macam berbumbung, tempat laluan/jalanan – berjalan kaki tetapi berbumbung supaya kita galakkan masyarakat dan rakyat kita di Kuala Lumpur untuk menggunakan LRT sebab amat malang sekali seperti saya katakan tadi satu pelaburan yang besar negara untuk meletakkan Sistem Pengangkutan Rel (LRT) ini satu sistem yang amat moden, kita boleh berbangga. Mungkin DAP memang dia tidak bersetuju kalau kita katakan ini yang termoden di dunia. Memanglah Kepong dia bersetuju, yang lain itu tidak bersetuju, yang belakang itu [*Ahli Yang Berhormat dari Bintulu*] itu senyap dan senyum sahaja, tidak tahu dia ini sokong Kepongkah ataupun Tanjong, saya tidak tahulah.

Itulah saya katakan tadi, syabas kepada kementerian, bapak menteri pun kerja kuat – MCA. DAP memang dia tidak bersetuju tetapi MCA yakin Menteri Pengangkutan bekerja gigih untuk melaksanakan projek ini dengan jayanya. Saya tidak ada berkepentingan, saya UMNO bukan MCA tetapi hendak test sama ada Kepong melompatkah atau tidak.

Syabas kepada kementerian. Apa yang saya mohon tadi sedikit pandangan kementerian dalam beberapa perkara yang saya bangkitkan sebentar tadi, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta jawapan daripada pihak kementerian.

**4.47 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong dan juga dari Rompin yang telah menyatakan beberapa pandangan dan juga bertanyakan beberapa perkara.

Yang Berhormat Kepong telah membangkitkan berkaitan dengan bayaran RM17 juta. Saya suka memaklumkan bahawa tambahan RM17,784,700 ini adalah perlu kerana peruntukan yang disediakan pada tahun 1998 selepas tambahan adalah sebanyak RM100,800,010. Jumlah pengeluaran pinjaman yang akan dibuat oleh Syarikat STAR pada tahun 1998 ialah berjumlah RM171 juta. Jumlah peruntukan yang telah disediakan dengan itu adalah berjumlah RM119,584,710. Amaun ini telah pun didahulukan melalui Simpanan Luar Jangka. Peruntukan ini telah pun dikeluarkan semuanya oleh STAR. Baki keperluan STAR akan disediakan oleh Kementerian Kewangan melalui dana pembangunan infrastruktur yang tidak melibatkan budget kementerian ini iaitu kesemuanya daripada RM171 juta, RM119 juta menggunakan peruntukan kementerian, yang bakinya nanti akan menggunakan dana pembangunan infrastruktur. Jadi baki yang menggunakan peruntukan kementerian pada tahun ini adalah RM17,784,700. Inilah pinjaman terakhir yang akan dibayar kerana itulah peruntukan ini diperlukan pada sesi Parlimen pada bulan ini.

Tadi juga telah ditanya berkaitan dengan penumpang yang perlu untuk break-even. Yang Berhormat juga sudah sebut ya, kita sekurang-kurangnya perlu 150,000 orang sehari, hari ini kita baru dapat 40,000 kerana belum semua sistem ini bergerak sepenuhnya. Kita percaya apabila semua sistem ini bergerak sepenuhnya, maka matlamat jumlah penumpang yang diperlukan akan dapat dipenuhi.

Berkaitan dengan sistem kita ini adakah yang terpanjang di dunia. Memang setelah kita kira memang ianya merupakan yang terpanjang di dunia iaitu sistem STAR I sahaja ada 27 kilometer, manakala sistem PUTRA 29 kilometer. Setelah dicampur belum ada di dalam dunia satu sistem yang mana bila disambung sekali gus, ia mempunyai ukuran panjang seperti yang saya sebutkan sebentar tadi.

Berkaitan dengan integrasi ketiga-tiga sistem, saya suka memaklumkan bahawa semua sistem PUTRA, STAR, PRT bahkan juga EMU ianya akan berintegrasi di Central Station yang sedang dibina pada ketika ini iaitu di Brickfield – kalau Yang Berhormat pernah tengok ada satu malam telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana

Menteri. Bagaimana pun sementara tidak siap ini, PUTRA, STAR dan juga EMU mereka boleh berintegrasi di Central Market, tetapi kena jalan sedikitlah. Bagaimana pun di peringkat terakhirnya semua sistem akan berintegrasi di Central Station termasuk express rail yang akan dibina daripada KLIA ke Kuala Lumpur, itu juga akan berakhir di Central Station seperti yang ditanya oleh Rompin sebentar tadi.

Berkaitan dengan pertanyaan Yang Berhormat dari Rompin berkenaan dengan stok kereta, saya suka memaklumkan ianya bukannya kereta Proton Saga tetapi ianya adalah merupakan pembelian stok kereta EMU, iaitu Kereta api Komuter yang memerlukan tambahan RM52.55 juta tetapi bahasa teknikalnya dikatakan 'kereta'. Di bawah pembelian 44 set train EMU sebanyak RM350 juta telah diperolehi daripada kerajaan melalui pinjaman mudah. Akibat kenaikan mata wang Dolar Amerika, KTMB mendapati sebanyak US\$13,637,500 telah tidak mencukupi untuk bayaran kepada kontraktor kerana itulah KTMB telah memohon pinjaman tambahan dengan kerajaan dan kerajaan telah meluluskan pinjaman tersebut pada kadar RM4 bersamaan US\$1 yang berjumlah RM54.55 juta. Oleh kerana peruntukan asal tahun 1998 ialah sebanyak RM2 juta tambahan sebanyak RM52.55 juta yang diperlukan setelah ditolak jumlah yang RM2 juta tadi, untuk menampung keperluan pinjaman dalam projek ini akibat daripada perbezaan tukaran Ringgit dengan US Dollar seperti yang disebutkan.

Soalan yang kedua, daripada Yang Berhormat dari Rompin adalah berkaitan dengan peningkatan perkhidmatan KTMB setelah diambil alih oleh syarikat swasta. Seperti yang dimaklumkan kerajaan telah pun melantik Merak Unggul mulai 1 Ogos 1997 melalui kontrak pengurusan untuk membantu KTMB mengurus dan mentadbir KTMB sehingga proses penswastaan diselesaikan. Pihak kementerian berpuas hati di atas prestasi yang ditunjukkan setakat ini. Ini dapat dilihat daripada jumlah penumpang terutama komuter yang telah meningkat seperti berikut:

- (a) pada tahun 1996 jumlah penumpang ialah 11,094,551; dan
- (b) pada tahun 1997 telah meningkat kepada 16,499,383 penumpang;

Begitu juga penumpang inter-city iaitu yang bergerak dari Kuala Lumpur dan pergi ke bandar-bandar lain di dalam Malaysia di mana jumlah penumpang telah meningkat daripada tahun ke tahun. Angka terbaru bagi komuter train dalam bandar pada tahun 1998, saya telah dimaklumkan bahawa jumlah penumpangnya telah bertambah satu bulan kepada 1.7 juta penumpang. Ertinya 1.7 juta kalau dikali dengan dua belas bulan, insya-Allah pada tahun ini penumpang boleh mencapai seramai 20 juta. Inilah prestasi komuter train yang telah diambil alih oleh Merak Unggul apabila ianya dilantik sebagai syarikat swasta yang akan mengambil alih walaupun dalam tempoh satu tahun selepas ia dilantik sebagai pengurus dahulu begitu juga pada tahun 1998 ini sehingga semua kajian telah selesai dan persetujuan di atas 'term' barulah pengambilan alih secara swasta sepenuhnya akan berlaku.

Yang Berhormat dari Rompin juga telah bertanyakan bilakah sistem kereta tidak boleh masuk bandar ini akan bermula. Apabila semua sistem LRT, PRT dan juga Express Rail Link dari KLIA tiba di Kuala Lumpur semuanya siap dan pembinaan-pembinaan jalan yang sedang dibaiki dalam bandar raya dikemas kini maka peraturan baru akan difikirkan sama ada perlu atau tidak kita menyekat kereta-kereta daripada memasuki dalam bandar. Sekarang ini seperti Yang Berhormat sedia maklum kerja-kerja pembinaan ini sedang giat diusahakan dan setelah ianya semua siap kita akan timbang dan tengok pula bagaimana kenderaan sama ada terus mengganggu lalu lintas ataupun tidak. Daripada rekod kita, kita dapati penggunaan LRT dan EMU semakin meningkat dan setelah semuanya selesai kita akan membuat keputusan sama ada mengenakan syarat mengehendkan kenderaan masuk ke dalam bandar atau sebaliknya.

Berkaitan dengan pembinaan bumbung untuk pengguna-pengguna LRT ataupun Komuter Train, kementerian telah pun meminta syarikat yang telah diberi konsesi penswastaan ini supaya membinanya secara berperingkat-peringkat dan mereka telah memulakan pembinaan yang saya sendiri telah pun dalam Mesyuarat Mingguan telah banyak berbincang berkaitan dengan perkara ini dan didapati mereka memang telah pun memulakan pembinaan. Tetapi ada lagi tempat-tempat yang bumbungnya belum lagi siap dibina oleh kerana kedudukan kewangan yang belum begitu mengizinkan. Insya-Allah kita doakan supaya ekonomi negara bertambah pulih dan apabila ianya cepat pulih maka bumbung ini akan dapat disiapkan dengan cepat di seluruh tempat

sepanjang laluan LRT. Saya fikir saya telah menjawab kesemua soalan yang telah dibangkitkan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM163,654,700 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1998 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM163,654,700 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1998.

**Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1998] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1998 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1998.

**Maksud P.50 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1998] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Maksud P.50 Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1998 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan terbuka untuk dibahas.

**5.00 ptg.**

**Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Maksud P.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan Butiran 10000 Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga di mana diperuntukkan sebanyak RM150,000,000 untuk pemulihan pinjaman modal kepada penjaja dan peniaga kecil. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan yang sudi membuka peluang kepada bumiputera yang ingin melibatkan diri ataupun yang ingin terus berusaha untuk memajukan usahawan masing-masing.

Tuan Pengerusi, rata-rata kita dapati rungutan golongan bumiputera adalah masalah modal dan di samping itu juga apa yang disebutkan di sini ialah bagi peniaga-peniaga kecil, setakat manakah yang dimaksudkan dengan modal kecil ataupun modal peniaga-peniaga kecil di mana kita dapati di bandar-bandar kebanyakan bumiputera berniaga berlaku penjaja-penjaja sering berubah-ubah tempat daripada satu tempat ke satu tempat disebabkan oleh tindakan-tindakan dan penguatkuasaan oleh pihak kerajaan tempatan kerana kebanyakannya tidak mempunyai tempat atau premis yang tetap untuk mereka berniaga. Kita juga sanjung tinggi kepada golongan bumiputera yang cuba mengubah nasib mereka terutama di luar-luar bandar, di pekan-pekan kecil yang cuba mencebur diri dalam bidang perniagaan ini. Namun, sungguhpun mereka berusaha, di samping memberi modal, kita dapati MARA patut juga terus memberi bimbingan sehingga mereka ini terus mendapat kejayaan. Kita dapati produk-produk bumiputera ini memang baik dari segi mutunya. Tetapi namun begitu kalau kita perhati tidak ada penjenamaan bagi produk-produk ini. Misalnya, kalaulah produk-produk bumiputera – kalau dari Parit Sulong saya pasti tempe. Berilah nama lain. Jangan namakan Tempe Parit Sulong sahaja. Namakan Tempe Sri Sulongkah atau Sri Parit pun tidak mengapa. Asalkan menunjukkan kualiti.

Ataupun kalau nasi dagang, namalah Sri Besutkah dan apa-apa ‘sri’ sekali pun. Saya percaya bantuan-bantuan begini ataupun bimbingan begini harus diberi kepada bumiputera untuk memastikan jaminan mutu. Saya percaya bantuan-bantuan ini, Tumpat tak perlu. Tumpat barangkali tidak ingin bantuan yang macam ini kerana ini merupakan bantuan yang disalurkan melalui Kerajaan Barisan

Nasional, dan Tumpat saya percaya dia tidak ingin bantuan daripada Kerajaan Barisan Nasional. Dia senyum itu dia bersetuju dengan saya.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada peruntukan yang sebegini besar setakat ini berapakah banyak permohonan yang telah dikemukakan untuk mendapat bantuan ini dan berapa banyak yang telah diluluskan. Di samping itu juga kita dapati golongan-golongan belia hari ini sukar untuk mendapat modal untuk niaga terutama sekali melalui saluran Jabatan Belia dan Sukan. Sungguhpun kementerian berkenaan mengumumkan ada bantuan modal untuk golongan belia, tetapi kita dapati banyak kerenah yang dikemukakan. Jadi, saya merayulah supaya pihak MARA juga sudi bantu golongan-golongan belia ini.

Bagi peniaga-peniaga yang sedang berniaga tetapi ingin mempertingkatkan kemampuan niaganya, saya mohon kepada MARA supaya mengurangkan sedikit birokrasinya. Barangkali banyak. Kalau banyak sangat kerenah, saya rasa ini menjadikan satu kekecewaan kepada bumiputera. Melainkan bagi golongan-golongan yang ingin membuka perniagaan, ini haruslah diteliti dengan seteliti yang boleh. Jadi, inilah saya minta kepada MARA supaya di samping memberi pinjaman modal, saya juga mohon supaya MARA terus memberi bimbingan-bimbingan yang boleh menghidup dan juga memajukan perniagaan bumiputera di samping menjamin mutu-mutu produk dengan menggunakan jenama-jenama yang boleh menarik minat pembeli-pembeli. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong.

**5.02 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, Maksud P.50, saya berharap Yang Berhormat dari Chenderoh tidak mempunyai peluang untuk membentangkan masalah darurat yang telah saya sebutkan tadi [Ketawa]. Kita ada 25 minit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teruskan Yang Berhormat, kita tidak ada banyak masa. Teruskan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak ada waste time pula. Ini masalah yang penting sekali tambahan sebanyak RM150 juta untuk pemberian pinjaman modal kepada penjaja dan perniaga kecil.

Tuan Yang di-Pertua, dianggarkan mungkin ada 500,000 penjaja dan peniaga kecil di negara ini. Pembantu-pembantu mereka mungkin lebih 1 juta atau lebih. Ini bermakna yang kita bahaskan ini ialah mempunyai kesan kepada hampir 1.5 juta orang. Sebab itu saya mengambil bahagian untuk membincangkan masalah ini.

Tuan Pengerusi, pertamanya saya nampak RM150 juta dari Bank Dunia. Wal-hal sejak tahun 1970-an pihak Kementerian Pembangunan Usahawan telah mewujudkan satu dana, iaitu dana penjaja dan peniaga kecil dan pada tahun 1992 dana ini sudah ditambah kepada RM150 juta. Sebab itulah saya hairan juga mengapakah sekarang kita hendak pinjam kepada Bank Dunia RM150 juta samalah dengan dana penjaja dan peniaga kecil yang telah pun diadakan. Memang kita hendak galakkan pinjaman untuk penjaja dan peniaga kecil, terutamanya semasa krisis ekonomi ramai yang berminat untuk menjadi penjaja atau peniaga kecil kerana peluang-peluang yang lain sudah pun tidak ada.

Saya akan bangkitkan beberapa perkara mengenai masalah penjaja. Kerana di kawasan saya di seluruh Kuala Lumpur dan PJ pun ada bertambahnya bilangan penjaja yang berlesen dan tidak berlesen. Masalah ini Chenderoh tidak begitu berminat. Bolehkah Yang Berhormat terangkan walaupun kita adakan RM150 juta daripada dana penjaja dan peniaga kecil, tetapi kita masih pinjam daripada Bank Dunia kira-kira RM150 juta lagi. Apakah perbezaan di antara dana yang kita ada dan sekarang dana daripada Bank Dunia. Adakah satu dana yang baru. Berapa perkara yang timbul semasa para penjaja ataupun peniaga kecil ini hendak mendapat pinjaman daripada skim-skim yang diadakan oleh pihak kementerian. Memang timbulkan masalah, timbulkan aduan dan sebagainya. Kalau tidak silap

saya pada bulan Februari pihak kementerian ada berjanji hendak mewujudkan satu unit khas untuk mendengar aduan-aduan penjaja dan peniaga kecil ini. Seronoklah saya dengar daripada bulan Februari tahun ini hendak wujudkan unit aduan seumpama ini.

Tetapi saya hendak tanya di sini adakah unit aduan ini sudah diwujudkan untuk mendengar keluhan, rungutan daripada pihak para penjaja dan para peniaga kecil. Sebab bila kita janji kita mesti kotakan. Chenderoh tidak tahu, itulah dijanjikan oleh pihak kementeriannya. Cuma hendak merapu sahaja. Itu mengenai unit aduan daripada kementerian.

Masalah yang lain, Tuan Pengerusi, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat berhati-hati. Misalnya, di kawasan-kawasan tanah lapang di Kepong dan lain-lain kawasan, pada tempoh hari saya nampak pusat penjaja diwujudkan dengan begitu sahaja, dengan cepatnya. Masalah ini timbul macam ini, iaitu apabila kita adakan pusat penjaja dengan bersih, dengan lebih menarik, itu memang baik, saya setuju kalau pusat-pusat seumpama ini.

Baru-baru ini, misalnya di sebuah Taman Intan Baiduri di Kepong dalam masa beberapa minggu sahaja dinaikkan pusat ini dan di lain-lain kawasan misalnya, tetapi saya berharap Kementerian Pembangunan Usahawan dapat menyelaras dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kerajaan tempatan yang lain supaya apabila kita wujudkan pusat seumpama ini maka penjaja-penjaja di sekitar kawasan itu akan terjejas. Semasa krisis ekonomi ini mungkin kita akan menyusahkan mereka ini. Saya nampak di Taman Intan Baiduri ini di dalam beberapa minggu memang ramai pelanggan dan pusat itu cantik dan sangat menarik dan beberapa penjaja di sekitar kawasan itu memang muka mereka muram sedikit kerana melihatkan pelanggan-pelanggan mereka lari kepada pusat yang menarik itu, kita mesti menyelaraskan, jangan kita menjejaskan kehidupan rezeki para penjaja di sekitarnya, ini memang satu perkara yang penting.

Kementerian mestilah mengkaji apabila ada sindiket, ada syarikat memohon untuk mengadakan pusat-pusat di kawasan-kawasan lapang ini, yang pertama apakah jenis sindiket ini kerana kita hendak memberi manfaat kepada mereka yang berpendapatan rendah, penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil tetapi bagi sindiket ini memang mereka berpendapatan tinggi, mereka mengambil kesempatan kerana hubungannya dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun kerajaan tempatan yang lain dan mereka ini memang mempunyai kebolehan untuk mengadakan pusat-pusat seperti yang saya sebutkan tadi.

Pihak sindiket ini memang mereka menjualkan gerai-gerai, kalau gerai-gerai bilangannya memang sepuluh gerai untuk menampung para penduduk di sekitar tetapi bila diadakan gerai ini, bukan sahaja sepuluh yang lebih patut tetapi mungkin ada 15, ada 20 gerai tetapi kalau lebih daripada yang patut, maka macam mana penjaja-penjaja ini hendak hidup kerana tidak ada pelanggan dan pihak sindiket ini memang mereka mengambil wang pendahuluan atau cagaran itu dua, tiga bulan, kalau penjaja ini gagal dia undurkan tetapi dia dapat cagaran. Sindiket ini tidak rugi.

Saya sebutkan hal ini kerana semasa krisis ekonomi, sindiket-sindiket seumpama ini akan timbul di merata-rata tempat di seluruh negara, mungkin dengan galakan daripada dana RM150 juta ini, ini satu masalah yang perlu diperhatikan oleh pihak kementerian.

Masalah yang kedua, kita hendak memelihara alam sekitar dan kawasan-kawasan lapangan terutamanya di bandar itu kurang, bahkan juga .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masih panjangkah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh tidak panjang dah, cuma ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita ada Usul.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak panjang, jam 5.30 tidak panjang, boleh habis!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sekejap, nanti sambung sekejap. Kita ada Usul

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya kata boleh habis, cuma satu lagi dasar ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat! Ya, Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**5.15 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang tertera sebagai Perkara 2 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini selesai dibahaskan dan disahkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.  
Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, .....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun Yang Berhormat, hendak minta jalan. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Senyap beberapa hari ini, tidak dengar suara langsung, sekarang dia baru hendak segar!

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya minta diperingatkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong bahawa dalam Jawatankuasa dia tidak boleh menghuraikan masalah dasar, supaya kita dapat menyelamatkan masa perjalanan dalam Dewan, itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila ambil perhatian Kepong ya!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana saya huraikan masalah dasar, itu masalah terperinci khususnya untuk Maksud P.50, itu sahaja mengenai penjaja dan peniaga kecil, macam mana ada dasar?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila teruskan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Di Parit yang Sulong sekarang senyap beberapa hari itu, sekarang merapu pula.

**Seorang Ahli:** Sakit hati.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sakit hatilah itu, tersinggung, terkilan.

Tuan Pengerusi, saya balik kepada masalah di kawasan-kawasan lapang di negara ini terutamanya di bandar Kuala Lumpur itu sangat kurang, tetapi sindiket yang telah saya sebutkan tadi itu memang dia pandai mencari tempat-tempat lapang itu, kalau tempat itu hijau, lapang, kadangkala dengan satu malam sahaja mereka boleh mengadakan simen membuat tempat jualan mereka yang merosakkan kawasan hijau, dengan cepat sekali dan memang Kementerian Pembangunan Usahawan hendak membangun usahawan pun kita mesti

memelihara kawasan lapang, mesti memelihara alam sekitar yang tidak pun dipentingkan oleh pihak Yang Berhormat Parit yang Sulong, dia alih perhatiannya kepada kawasan yang lain, kepada benda yang lain kerana terkilan. Macam mana ....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, jelas bahawa apabila dia memperjuangkan masalah kawasan lapang dan sindiket ini terkeluar daripada perbincangan ini, tanyalah duit ini buat apakah, itu tidak apa. Ini kawasan lapang, sindiket – mana kena mengena? Itu sebab saya kata Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah lama terpesong, merapu, dia kata orang merapu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat berjanji tidak lama untuk berucap dalam peringkat Jawatankuasa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak lama, tetapi sekarang ada Usul darurat tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat telah mengambil masa selama 13 minit.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Okay. Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong itu salah tadi, sebab saya membincangkan pusat penjaja dan tanah-tanah lapang digunakan sebagai pusat penjaja, itu masalah Yang Berhormat Parit yang Sulong. Di Parit yang Sulong memang kawasan lapang banyak, tak nampak sangat.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, Tanjong Karang! Tanjong Karang kawasan banyak, tak jadi masalah.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, hendak minta penjelasan. Ini Yang Berhormat bercakap ini di bawah Kementerian Pembangunan Usahawankah ataupun di bawah Majlis Daerah, tanah lapang buat gerai kerja Majlis Daerah, janganlah bincang di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan – buang masa!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Tanjong yang Karang ini memang masalah dia, di Tanjong Karang, saya baru sahaja pergi ke Kuala Selangor, saya nampak di Tanjong Karang ini banyak kawasan lapang dan kalau ada satu dua pusat penjaja di Tanjong Karang pun tidak menjadi masalah. Tetapi ....

**Seorang Ahli:** Buang masa!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana buang masa, di Kementerian Pembangunan Usahawan memang dana kita itu untuk .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sungguhpun kawasan lapang itu ada kaitan dengan penjaja kecil, tapi saya minta Yang Berhormat tadi berjanji pendekkan ucapan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya akan habiskan, akan habis, berapa minit lagi habis. Dan inilah, saya bangkitkan perkara ini misalnya, sekarang di Taman Bukit Maluri ada satu kawasan lapang yang cantik tetapi ura-uranya akan dijadikan pusat penjaja dan saya telah pun berhubung dengan pihak Dewan Bandaraya jangan kita benar dengan begitu sahaja. Saya berharap pihak Kementerian Pembangunan Usahawan mesti ada garis panduan bagaimana pihak yang tertentu dibenarkan untuk mewujudkan pusat penjaja. Mesti kita ada sebab kalau ikut tahun lepas pihak kementerian sudah setuju dengan satu perkara iaitu kita adakan satu dasar penjaja di seluruh negara dan di dalam dasar ini pihak Kerajaan Tempatan itu, dasar itu, saya tidak bincangkan dasar, cuma akibat daripada prsetujuan di antara kementeriannya dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyeleraskan semua, dari segi permohonan untuk lesen penjaja, daripada semua kemudahan yang terlibat dengan penjaja ini, memang mereka

hendak menyelaraskan semua. Itulah masalah yang serupa. Tanjong Karang macam mana tahu, mungkin bilangan penjaja pun tidak ramai di Tanjong Karang. Pedalaman, bukan pedalaman juga, dia ada padi banyak dan padi pun hasil banyak.

Tuan Pengerusi, saya akan akhiri ucapan saya, saya berharap dengan adanya satu dasar untuk penjaja, kita dapat menyelaraskan semua dan membenarkan pusat-pusat penjaja yang sesuai terutamanya di bandar-bandar khasnya untuk Wilayah Persekutuan sebab saya di Wilayah Persekutuan mengalami masalah seumpama ini dan saya ada cerita panjang untuk penjaja sebab itu permintaan daripada Tuan Pengerusi, saya mengakur dan saya akhir ucapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tumpat, lepas ini kementerian akan jawab.

**5.21 ptg.**

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. P.50 butiran 10000. Saya hendak menimbulkan dua soalan sahaja. Pertama, iaitu supaya tidak ada diskriminasi dalam menyalurkan bantuan di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), terutama kepada negeri Kelantan sebab menteri itu orang Kelantan. Tapi ternyata di Kelantan ini ada diskriminasi, tidak payah saya jelaslah, ini ada terang-terang dia mesti tanya itu, parti mana, kumpulan mana, kadang-kadang mesti ada surat dari Yang Berhormat, Yang Berhormat depalah, mereka daripada Tok Penghulu. Kelantan ini ada dua Penghulu, Tuan Pengerusi. Penghulu yang rasmi satu, penghulu yang haram satu. Penghulu haram iaitu dari pembangkanglah, Barisan Nasional supaya dasar-dasar apartheid ini jangan dilaksanakan lagi di Kelantan, cukuplah. Dahulu dia orang tidak bagi baja padi, sekarang nampak baja hendak kasi dah, tak apa terima kasihlah. Ini nampak dasar-dasar diskriminasi ini masih.

Yang kedua, saya hendak minta di kawasan saya di Tumpat itu pihak kementerian, pihak MARA khususnya telah memohon sebidang tanah, ini lama dah cerita ini, melebihi 50 ekar. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia faham cerita ini. Di antara itu tiga ekarnya dia buat pusat giat MARA, yang lebih lagi sampai sekarang tu tidak ada apa-apa kosong. Kita merencanakan untuk ambil balik tanah ini sebab mengikut perjanjian, kalau dalam tempoh beberapa tahun, kalau tidak buat apa-apa kita hendak ambil balik sebab tanah ini di kawasan strategi di Pantai Tujuh. Sekarang tanah itu kosong tidak ada apa-

apa, inilah saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, apakah projek-projek yang akan bakal dibuat di kawasan Pantai Tujuh itu, kalau tidak pihak kami akan memohon - pihak Majlis Jawatankuasa Tanah Daerah akan minta supaya pihak kementerian, pihak MARA khususnya mengembalikan tanah tersebut kepada Majlis Daerah untuk kita bagi kepada rakyat supaya mereka boleh buka gerai-gerai, minta bantuan dengan kementerian dan boleh berniaga di sana. Sekarang tanah itu kosong, rakyat hendak ramai, kita pelihara kepada kementerian, pelihara kepada MARA tetapi MARA tidak buat apa-apa, kementerian tidak buat apa-apa. Yang dia lakukan diskriminasi terhadap penyokong-penyokong PAS di Kelantan. Inilah satu benda yang zalim dan amat zalim, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta jawab Yang Berhormat.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kepada tiga orang Yang Berhormat Kangar, Kepong dan Tumpat, biasalah Kepong dia panjang sikit, isi adalah sikit-sikit, sampai ke hal Majlis Daerah pun hendak suruh saya jawab. Tapi tidak apalah, sebenarnya peruntukan sebanyak RM150 juta ini ialah untuk kita mewujudkan satu yayasan baru iaitu Yayasan Tekun Nasional yang mana masa kini sudah ada satu cara pinjaman yang dikendalikan di bawah Universiti Sains Malaysia yang bermula sebagai projek penyelidikan tindakan ataupun satu-satu action research, bukan hanya setakat research tetapi ia berbentuk tindakan yang mana diberi nama TEKUN (Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga) yang bermula pada tahun 1995 di Pulau Pinang dan kini telah mula diperkembangkan di Kelantan dan juga di sebuah daerah di Terengganu.

Ia merupakan satu sistem saluran kredit yang mudah, yang cepat dan tidak membebankan kepada peniaga dan penjaja kecil. Ini telah dapat mengatasi banyak masalah peminjam-peminjam ceti haram ataupun 'along' kerana sistem ini mengamalkan kutipan cara mingguan. Ia memberi pinjaman di antara RM500 hingga RM10,000 dan sehingga kini, walaupun modal atau dana yang telah dikeluarkan bahkan sebanyak RM6 juta kepada Universiti Sains Malaysia tetapi ia telah memberi pinjaman berjumlah RM12.9 juta. Di samping pinjaman, peminjam-peminjam juga digalakkan untuk menyimpan dan daripada itu juga telah mengumpul wang simpanan sebanyak RM2.45

juta. Skim ini nampaknya telah berjaya, sebab itulah kementerian merasakan oleh kerana skim ini berjaya, dan dapat menolong peniaga-peniaga kecil, kita telah memohon peruntukan sebanyak RM150 juta daripada kerajaan agar skim ini dapat diperkembangkan ke seluruh negara.

Berhubung dengan pertanyaan-pertanyaan yang diutarakan oleh Yang Berhormat daripada Kangar tadi, dan inilah baru dikatakan jika ada pihak bumiputera yang merungut tentang masalah modal, kita harap skim ini sedikit sebanyak dapat mengatasi masalah keperluan modal antara RM500 hingga RM10,000 yang dapat diberi secara mudah, cepat dan tidak membebankan kerana kutipannya dibuat ke premis perniagaan, ianya mudah dan cepat. Tidak ada kata perlu kerana pekerja-pekerja ataupun pegawai-pegawai ini akan memilih mereka-mereka yang layak ataupun mereka memohon kepada pegawai-pegawai tersebut dan pinjaman boleh diberi dengan secepat mungkin. Dia bukan hanya satu konsep pinjaman, ia juga merupakan juga konsep simpanan dan juga ada konsep bimbingan dan latihan yang disertakan sama agar peniaga-peniaga kecil itu dapat dibantu. Insya-Allah dengan adanya program-program ini, kita akan dapat melahirkan atau membangunkan tempe Sri Sulong seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kangar tadi atau pun nasi dagang Sri Besut. Dia taruh juga bahagian saya, mungkin Kangar pun bolehlah juga. Apa ada di Kangar ini?

Berhubung dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong, : tadi beliau mengatakan tentang dana-dana yang lain, tetapi apabila kita meninjau program TEKUN yang telah dikendalikan oleh USM ini, kita rasakan ia memangnya telah mendapat kejayaan, sebab itulah kementerian merasakan program ini harus diperkembangkan.

Ia merupakan asasnya ialah program Amanah Ikhtiar yang mana Amanah Ikhtiar hanya memberi pinjaman sehingga RM2,000 sahaja. Tetapi ianya merupakan abang kepada Amanah Ikhtiar di mana pinjamannya dipertingkatkan sehingga RM10,000 jadi ia merupakan satu program baru daripada dana baru, bukannya daripada dana yang lama.

Berhubung dengan pertanyaan bahawa di kementerian dahulu kita berjanji yang kita akan menubuhkan satu unit di mana penjaja-penjaja dan peniaga kecil boleh datang dan membuat aduan, dan meminta pandangan daripada kita.

Memang kita sebagai satu kementerian dan kerajaan, apa yang kita katakan itu kita haruskan kotakan. Tidaklah seperti parti-parti yang lain apa yang dia kata itu tak buat tidak apa sebab dia tidak kerajaan. Memang ada satu unit di tingkat bawah, kementerian yang menerima aduan-aduan dan juga memberi bimbingan kepada peniaga-peniaga kecil untuk datang di mana mereka diberi tunjuk ajar yang sewajarnya.

Yang panjangnya tadi, Yang Berhormat dari Kepong sentuh tentang pusat penjaja, meleret sampai pergi ke Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, saya pun tak hendak sentuhlah takut marah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar pula. Sebenarnya, walau bagaimanapun oleh kerana ianya bersangkutan paut dengan penjaja, saya pun setuju, kita akan berbincanglah. Saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat Kepong agar alam sekitar dan kawasan lapang dipelihara. Tetapi oleh kerana ia bukan di bawah jurisdiksi kementerian, kita akan berbincang dengan Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, dengan Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran agar amalan-amalan sihat akan dapat diteruskan.

Juga berhubung dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat, kita akan mengambil perhatian tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat agar diskriminasi tidak akan berlaku dalam pemberian pinjaman ini. Berhubung dengan tanah MARA, saya ingat, tidak perlu saya jawab lagi yang itu kerana terkeluar dalam peringkat Jawatankuasa, itu perkara yang keluar daripada tajuk. Tetapi saya akan berjumpa di luar Dewan beritahu kepada Yang Berhormat apa yang sebenarnya berlaku tentang perkara itu.

Terima kasih saya ucapkan kepada ketiga-tiga Yang Berhormat yang menunjukkan kepekaan mereka tentang satu tabungan yang akan ditubuhkan untuk menolong peniaga dan penjaja kecil yang akan memberi pinjaman atau satu

sistem saluran kredit yang mudah, cepat dan tidak akan membebankan kepada peniaga dan penjaja kecil. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM150,000,000 untuk Maksud P.50 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1998 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM150,000,000 untuk Maksud P.50 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1998.

#### **Maksud P.52 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1998]-**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, perbelanjaan di bawah Kepala P.52 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Yang ini hanya token, Yang Berhormat, tidak boleh dibahaskan sebagaimana biasa.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.52 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1998 di bawah Kementerian Kerja Raya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 1998.

#### **Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia dua bilion enam ratus tujuh puluh lapan juta, tiga ratus lima puluh lima ribu, empat puluh (RM2,678,355,040) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1998, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia dua bilion enam ratus tujuh puluh lapan juta, tiga ratus lima puluh lima ribu, empat puluh (RM2,678,355,040) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti mana yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1998 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut hendaklah disahkan.

hendaklah disetujui.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia dua bilion enam ratus tujuh puluh lapan juta, tiga ratus lima puluh lima ribu, empat puluh (RM2,678,355,040) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1998, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia dua bilion enam ratus tujuh puluh lapan juta, tiga ratus lima puluh lima ribu, empat puluh (RM2,678,355,040) bagi Maksud-

maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1998 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut hendaklah disahkan.

**ORDINAN NO.22 (KUASA-KUASA PERLU)  
DHARURAT, 1970 - PEMBATALAN**

**5.38 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di Pertua, izinkan saya membentangkan usul pembatalan Ordinan No.22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat, 1970. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Pencegahan Rasuah 1997 telah pun dibentangkan di Dewan ini pada tahun lepas dan telah pun mula berkuat kuasa mulai 8 Januari 1998 yang menggabungkan tiga undang-undang rasuah yang terpakai sebelum ini, iaitu;

- (i) Akta Pencegah Rasuah 1961;
- (ii) Akta Badan Pencegah Rasuah 1982; dan
- (iii) Ordinan No.22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat, 1970.

Sehubungan dengan itu, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 13 Ogos, 1997 telah mengambil maklum nota daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Ordinan No.22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat, 1970

perlu dibatalkan melalui ketetapan kedua-dua Majlis Parlimen berikutan penguatkuasaan akta baru iaitu Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Ordinan 22 ini telah dibuat di bawah Fasal 2(b) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Ordinan ini berkuatkuasa sehinggalah dibatalkan di bawah Fasal 3 atau sehingga ia luput di bawah Fasal 7 Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan dengan keputusan Jemaah Menteri pada 13 Ogos 1997 dan berkuatkuasanya Akta Pencegahan Rasuah 1997, saya ingin membentangkan di Dewan ini Usul supaya Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat 1970 dibatalkan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengusulkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:**

Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat Usul sekarang ini dibuka untuk dibahas. Kepong, sila.

**5.42 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bukan seorang peguam tetapi seorang yang membuat undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini saya memang berhak - [*Y.B. Tuan R. Karpal Singh berjalan masuk ke dalam Dewan*] Ha!..orang kita sudah datang. Dia ini lebih berhak daripada saya, saya akan pendekkan sebab – apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi memang saya nampak dengan Akta Pencegah Rasuah yang baru dan supaya tidak ada bertindih-tindihnya bidang kuasa dan dikemukakan dalam Dewan ini satu Usul untuk membatalkan atau memansuhkan Ordinan No. 22, 1970. Walau bagaimanapun memang pihak DAP sangat prihatin kepada apa yang dibuat. Cuma satu persoalan sebelum saya habiskan soalan saya ialah mengapa pembatalan ini tidak dibuat semasa Rang Undang-undang Pencegah Rasuah baru dibentangkan di

dalam Dewan yang mulia ini sebab mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak begitu prihatin kepada masalah ini dan dia terlupa ataupun dia tidak tahu masalah pertindihan ini berlaku. Dia hendak marah pada saya dan sekarang saya hendak soal, apakah Yang Berhormat buat semasa pembentangan Rang Undang-undang Akta Pencegah Rasuah dan ini memang menunjukkan Yang Berhormat mestilah berkerja dengan lebih kuat lagi untuk memperhatikan semua. Sekian terima kasih.

#### **5.44 ptg**

**Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat 1970, nampaknya 8 Januari 1998 dari tarikh di mana Ordinan itu hendak disifatkan telah menjadi batal. Nampaknya ini adalah barangkali ada kaitan dengan lima pertuduhan ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri. Adakah kerana ada lima pertuduhan bahawa Ordinan Dharurat No. 22 itu dan kelima-lima itu adalah dikatakan dilaporkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebelum 8 Januari 1998. Mengapa tetapkan 8 Januari 1998 sebagai tarikh Ordinan Dharurat itu tamat. Dalam fikiran saya ini berbau politik kerana Ordinan No. 22 itu adalah bukan satu ordinan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan lepas itu Dewan Negara dan lepas itu diperkenan oleh Yang Dipertua Agong.

Ada tiga pihak sebelum sesuatu Akta Parlimen boleh menjadi satu-satu undang-undang tetapi bagi kuasa yang diberi kepada Yang di-Pertuan Agong bahawa Perkara 150 Perlembagaan Negara, dalam satu darurat Yang di-Pertuan Agong boleh membuat mengisytiharkan satu Ordinan Darurat. Ordinan ini ada dibuat dan ada diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong, jika saya tidak silap pada 21 Februari 1970 dan dalam satu kes yang membawa kepada Majlis Privy bulan Disember 1978 dalam kes Tee Cheng Poh. Semua Ordinan Darurat ada diputuskan oleh Majlis Privy itu sebagai tidak sah kerana Yang di-Pertuan Agong

tidak ada hak apabila Parlimen bersidang untuk membuat Ordinan Perkara 150. Apabila Majlis Privy ada mengisytiharkan semua Ordinan Darurat yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong tidak sah (unconstitutional) apa yang dibuat tidak berapa lama selepas Disember 1978 dan pada tahun 1979 dalam Dewan yang mulia walaupun kes Tee Cheng Poh tidak diselesaikan kerana apa yang diperintahkan oleh Majlis Privy adalah untuk memutuskan Ordinan khasnya the extential security places regulation yang dibuat di bawah Ordinan Darurat tidak sah bukan itu tidak sah tetapi semua ordinan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong tidak sah.

Dalam tahun 1979 jika saya tidak silap, bulan Januari apa yang diluluskan oleh Dewan Rakyat adalah The Extential Emergency Extential Power Act 1979 yang menghidupkan semua Ordinan Darurat termasuk Ordinan Dharurat No. 22 dalam tahun 1970. Kenapa sehingga hari ini selepas undang-undang ini dihidupkan dalam tahun 1979, kenapa pilih hari ini dan itu pun memasukkan usul ini dalam Order Paper dengan seberapa cepat. Tidakkah ada notis yang cukup untuk kami membuat penghujahan yang boleh diterima selepas melakukan research. Saya tidak dapat peluang` yang mencukupi. Saya pergi ke library apabila saya melihat ada dalam Order Paper apa yang dicadangkan oleh Perdana Menteri.

Ini jadi satu resolusi bahawa Perkara 150 Bahagian III pada Perlembagaan dan kerana ordinan ini jadi undang-undang bahawa lima pertuduhan di antara sembilan yang dihadapi oleh bekas Timbalan Perdana Menteri sekarang lebih wajar untuk mendapat peluang yang lebih daripada apa yang diberi kepada kami untuk membahas resolusi yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini dengan baik.

Kenapa Perdana Menteri sendiri tidak membawa resolusi ini. Kenapa seorang tidak berapa besar, hanya seorang Timbalan dalam kementerian dan itu

pun dibuat dengan ‘sunyi’. Ini boleh dikatakan satu ambush kalau dikatakan dalam mahkamah, trial by ambush, senyap sampai last minute dia hentam. Itu bukan satu cara yang baik kerana bagi satu undang-undang yang ada di bawah perkara dalam Perlembagaan sebagai satu undang-undang darurat adalah lebih baik memberi penjelasan sebab-sebab yang baik, kenapa undang-undang itu harus dibatalkan?

Saya bukan pertahankan undang-undang seperti itu kerana undang-undang yang dibuat dalam keadaan darurat tidak boleh mempertahankan dalam satu keadaan di mana tidak ada darurat. Walaupun saya mengalu-alukan pembatalan undang-undang ini dan saya cadang semua bukan ini sahaja, kenapa satu sahaja? Kenapa Ordinan Darurat No. 22, kenapa tidak semua sekali. Ada di antara satu sehingga saya ingat lebih daripada 22, jika saya tidak silap. Kenapa tidak sekali gus hari ini membatalkan semua Ordinan Darurat yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong dalam tahun 1970 dan balik kepada apa yang saya katakan tadi, adakah ini tarikh yang dipilih oleh kerajaan iaitu 8 Januari 1998 backdated to 8 Januari 1998. Kenapa backdated, adakah ini untuk memerangkap Timbalan Perdana Menteri yang sudah dituduh?

Dalam fikiran saya barangkali itu jadi sebab atas mana kerajaan hari ini ada membawa resolusi ini dalam Dewan yang mulia ini. Saya mahu dapat tahu rasional adakah ini apa yang dibuat *bona fide* bukan *mala fide*, bukan untuk mencapai sesuatu yang kerajaan tidak boleh capai jika tarikh yang ditetapkan bukan 8 Januari 1998 tetapi belakangan daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, jika itu lima pertuduhan ke atas Yang Amat Berhormat bekas Timbalan Perdana Menteri tidak boleh didakwa dengan berjaya dalam mahkamah. Saya cadang Tuan Yang di-Pertua untuk to be fair to the former Deputy Prime Minister, jangan pilih 8 Januari sebagai tarikh apabila Ordinan Darurat 22 ini dibatal tetapi sebelum tarikh-tarikh dalam lima pertuduhan ini yang dihadapi oleh bekas Timbalan Perdana Menteri. Jika itu Tuan Yang di-Pertua bermakna kelima-lima pertuduhan ini harus ditarik balik oleh Peguam Negara. Let not dengan izin they ask why Deputy to the Prime Minister be the last to victim of Ordinance No.22.

Dengan itu saya harap Timbalan Menteri boleh memberi sebab-sebab yang baik, yang ikhlas bukan something just to get over a difficulty, kenapa khususnya 8 Januari 1998 dipilih sebagai hari apabila ordinan ini sahaja disifatkan telah menjadi batal dan juga kenapa ordinan-ordinan lain tidak dimasukkan dalam resolusi ini. Barangkali resolusi ini boleh dipinda oleh Timbalan Menteri itu untuk membolehkan semua undang-undang ini dihapuskan kerana apa yang harus diwujudkan adalah bukan Undang-undang Darurat tetapi undang-undang yang diluluskan oleh representative of the people iaitu dalam Dewan Rakyat, Dewan Negara dan selepas itu diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Timbalan Menteri diminta jawab.

**6.00 ptg.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasihlah kepada kedua-dua Yang Berhormat dari Kepong dan Jelutong yang telah bahas dalam usul ini. Saya ingin menyatakan bahawa pertamanya, soalan Yang Berhormat Jelutong iaitu mengapa Ordinan 22 sahaja yang dicadang dibatalkan. Ini ialah kerana kita membuat pembentangan usul yang ada kaitan dengan ACA. Jadi sebab itu ordinan yang lain yang tidak ada kaitan dengan ACA ini tidak dicadangkan sekali kerana sepertimana yang telah saya sebut dalam pembentangan usul tadi, iaitu apabila Akta Pencegah Rasuah 1997 yang telah dibentangkan pada tahun lepas diluluskan oleh Parlimen maka dua akta iaitu Akta Pencegah Rasuah dan Akta Badan Pencegah Rasuah lupus secara automatik tetapi Ordinan No. 22 ini tidak boleh demikian. Ianya terpaksa dibawa dalam Parlimen, dibahas dan apabila dilulus oleh kedua-dua Dewan, iaitu Dewan Rakyat dan juga Senate barulah ianya boleh dilulus sebagai satu ordinan. Jadi sebab itu ordinan yang lain kita tidak bincang di sini kerana kita hanya bincang ordinan yang berkaitan dengan Akta Pencegah Rasuah 1997 sahaja.

Berkenaan dengan Yang Berhormat menyebut mengapa kita memilih 8 Januari 1998, ini cuma dari segi pentadbiran iaitu bahawa setelah kita lulus pada tahun lepas maka ia terpaksa melalui berbagai proses setelah diluluskan oleh Dewan Rakyat kemudian dilulus oleh Senate dan kemudian pula sebelum ianya

menjadi undang-undang ia perlu ditandatangani oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sebab itu dia memakan masa sedikit dan sebenarnya 8 Januari 1998 ini dipilih, ia tidak ada apa-apa significant, ia kerana 8 haribulan. ialah awal tahun ini dan oleh kerana undang-undang ini telah pun diterima maka setelah semua proses dilalui maka 8 Januari itulah dipilih dan saya memberi jaminan di sini iaitu bahawa tidak ada apa-apa alasan selain daripada ianya kebetulan 8 Januari 1998 ini dipilih sebagai tarikh berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini.

Jadi segala apa yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat sebenarnya saya ingin menyatakan di sini bahawa kita mengadakan usul ini dalam proses biasa untuk melupuskan ordinan ini setelah Akta Pencegah Rasuah telah pun diterima pakai. Jadi tidak ada apa-apa alasan di sebalik mengapa 8 Januari ini dipilih. Berkenaan dengan kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri hendak hadir, saya rasa amalan kita kalau daripada Jabatan Perdana Menteri, siapa juga boleh mengusulkan perkara ini dan sama ada Perdana Menteri hadir ataupun tidak ianya langsung tidak membawa apa-apa kesan sama ada usul ini penting ataupun tidak. Jadi ini proses biasa.

Jadi Kepong pun saya ingat saya telah jawab, dia tanya mengapa tidak dibuat awal, saya telah menjawab iaitu bahawa ini melalui proses biasa. Jadi dengan jawapan itu saya ucapkan terima kasihlah kepada kedua-dua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan Masalah ialah bahawa usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu bahawa Majlis ini membuat ketetapan mengikut Fasal 3 Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan, Ordinan 22 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat 1970 hendaklah disifatkan telah menjadi batal pada 8 Januari 1998 iaitu tarikh Akta Pencegah Rasuah 1997 mula berkuatkuasa dipersetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah urusan pada hari ini. Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 4.00 petang esok.

*Mesyuarat ditempohkan pada jam 6.03 petang.*

